

**KESEMBILAN**

*Ninth*

**PERTAMA**

*First*

---

—  
**Jilid 1                      Bil. 62              Hari Isnin                      18hb. Disember, 1995**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan 42)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pendidikan 1995 (Ruangan 42)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 133)

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Pertama**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S.  
(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Aionon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.  
(Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)



- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt .Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 18hb. Disember, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KEMAS - ROMBAKAN SKIM PERJAWATAN KAKITANGAN**

1. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengenai Kemas:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk merombak Skim Perjawatan Kakitangan Kemas daripada kakitangan sementara kepada kakitangan tetap dengan kemudahan-kemudahan sepertimana kakitangan tetap kerajaan sebagai insentif dan menjamin masa hadapan mereka memandangkan kita perlu kakitangan berkualiti tinggi;
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menyusun semula kegiatan Kemas memandangkan ada kegiatan-kegiatan di tempat-tempat tertentu yang dijalankan sambil lewa atau terdapat pertindihan peranan, di mana agensi kerajaan yang lain menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut dengan lebih baik, umpamanya kelas agama di bawah Majlis Agama Islam; dan
- (c) memandangkan peranan Kemas yang begitu penting, tidakkah kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan yang secukupnya seperti mengadakan pejabat Kemas kawasan dan bangunan kelas yang sesuai supaya selari dengan tuntutan dan kemajuan masa kini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan dasar pengecilan saiz perkhidmatan awam, kerajaan tidak bercadang untuk menukar skim kontrak kepada skim tetap. Namun demikian, syarat dan tempoh kontrak akan dikaji dari masa ke masa. Pada masa sekarang kementerian sedang meneliti syarat

dan tempoh kontrak supaya setimpal dengan peranan barunya sebagai agensi utama pembangunan sumber manusia di luar bandar.

- (b) Kementerian sedang berusaha untuk menyusun semula kegiatan Kemas supaya kekesanannya sebagai agensi utama pembangunan manusia di atas kumpulan sasarannya dapat dipertingkatkan. Dalam penyusunan semula ini, Kemas akan bergerak secara bersepadu dengan semua agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta yang berurusan untuk menjadi masyarakat desa cemerlang dalam semua lapangan hidup. Selain daripada mengubah strategi, sistem dan struktur, penyusunan semula Kemas ini akan juga memberi tumpuan kepada aktiviti dan programnya. Aktiviti Kemas yang berlapis akan diubahsuai jika tidak dimansuhkan.
- (c) Kemudahan-kemudahan untuk menampung aktiviti Kemas disediakan mengikut peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan dan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dalam pada itu, konsep pelaksanaan projek-projek Kemas adalah diasaskan kepada kerjasama masyarakat dan dengan itu usaha-usaha haruslah datang dari inisiatif masyarakat itu sendiri.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kedudukan seseorang penyelia ataupun pemaju masyarakat Kemas itu untuk diperbaharui kontraknya sekiranya mereka tidak dapat memberikan kerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Parlimen ataupun DUN dan bagaimanakah kedudukan mereka ini pada akhirnya?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin tempatan, kami patut terima aduan ataupun kompelin daripada wakil rakyat ataupun pegawai daerah. Apabila satu-satu laporan atau aduan diterima, maka di peringkat kebangsaan kita akan kaji. Jika beliau layak meneruskan jawatan, kita akan beri amaran ataupun kita tamatkan perkhidmatan beliau daripada jawatan penyelia.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan skim ataupun peraturan baru yang akan kita suntikkan di dalam perkhidmatan Kemas ini. Saya telah difahamkan bahawa pihak Kemas sedang merombak untuk memberi skim gaji yang baru kepada pegawai-pegawai Kemas, termasuklah penyelia dan juga pemaju masyarakat. Bilakah skim ini akan diimplemenkan?

Kalau tidak, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan skim baru untuk penyelia dan juga pemaju masyarakat yang berkhidmat dengan pihak Kemas?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya pada 27hb. November, saya telah jawab soalan ini. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan di sini bahawa kajian adalah di peringkat akhir. Pegawai-pegawai kanan daripada kementerian saya telah mengadakan beberapa rundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Berkenaan tangga gaji dan perkhidmatan pegawai penyusun semula bukan hanya merangkumi kementerian saya, tetapi ada banyak agensi dan kementerian yang lain, seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan lain-lain kementerian. Oleh sebab itu, walaupun ini mengambil sedikit masa tetapi saya harap dalam masa satu atau dua minggu, Yang Berhormat akan mendengar satu berita yang baik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **TLDM - KEKURANGAN TENAGA MAHIR DI BIDANG TEKNIKAL**

2. **Dr. Yap Yit Thong** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) TLDM sedang mengalami masalah kritikal berkaitan pengaliran keluar anggota yang menyebabkan kekurangan tenaga mahir terutamanya di bahagian teknikal anggota yang akan tamat perkhidmatan tidak ingin menyambung perkhidmatannya berkemungkinan kerana peluang pekerjaan di luar perkhidmatan lebih menarik. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan anggota berkenaan sanggup menyambung perkhidmatan mereka di dalam TLDM; dan
- (b) apakah usaha untuk menarik belia memasuki perkhidmatan tentera yang sering dilihat sebagai pilihan pekerjaan yang terakhir.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Masalah pengaliran keluar anggota-anggota Tentera Laut baik di Bahagian Teknikal atau lain-lain bahagian ke sektor lain, khasnya ke sektor swasta adalah suatu fenomena yang sukar untuk dibendung. Ini adalah disebabkan oleh dorongan faktor ekonomi dan peluang-peluang yang terbuka luas di sektor berkenaan.  
  
Walaupun bagaimanapun, beberapa langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk mengurangkan perkara ini adalah:
  - (i) meningkatkan kemudahan asas dan mewujudkan suasana bekerja yang lebih selesa;

- (ii) mengiktirafkan kemahiran anggota, terutamanya anggota-anggota teknikal dengan sektor awam melalui Persijilan Kemahiran Malaysia dengan membuka peluang-peluang kenaikan pangkat; dan
  - (iii) mengkaji imbuhan dan elaun anggota untuk mengurangkan perbezaan pendapatan di antara perkhidmatan dan sektor swasta.
- (b) Antara usaha-usaha untuk menarik belia memasuki perkhidmatan tentera adalah seperti berikut:
- (i) mengadakan promosi kerjaya tentera ke seluruh negara;
  - (ii) menyiarkan berita-berita ketenteraan dalam akhbar-akhbar tempatan dan melalui siaran RTM; dan
  - (iii) memaklumkan aktiviti-aktiviti Angkatan Tentera kepada masyarakat umum melalui media elektronik.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, pecahan anggota yang telah berhenti perkhidmatan pada 3 tahun yang lalu kalau ada.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon notis.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Didapati ada anggota-anggota TLDM yang belum pun tamat janji perkhidmatan, telah pun memohon untuk berhenti dari berkhidmat. Jadi, apakah pertimbangan pihak kementerian Yang Berhormat dan apakah punca-punca yang menyebabkan jadi begini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi anggota tetap, mereka tidak boleh meninggalkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh kuatkuasanya kontrak mereka, kecuali kalau ada sebab-sebab yang tertentu

seperti sakit atau kecederaan yang tidak membolehkan beliau bertugas terus dalam angkatan tentera. Biasanya sebab-sebab mereka hendak meninggalkan angkatan tentera adalah sebab-sebab tarikan yang lebih lumayan di peringkat sektor swasta.

### **PEMASANGAN TALIAN TENAGA ELEKTRIK BERKUASA TINGGI - RISIKO**

3. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berikutan pemasangan baru talian tenaga elektrik berkuasa tinggi di seluruh negara termasuk Kuala Lumpur yang melibatkan kawasan-kawasan berhampiran rumah-rumah kediaman, apakah langkah yang diambil untuk memastikan talian itu tidak membahayakan nyawa dan harta benda yang didapati berada berhampiran kawasan talian.

#### **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sangat prihatin tentang keselamatan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan talian penghantaran elektrik.

Oleh itu, dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik 1994 telah ditetapkan supaya diadakan ruang keselamatan di mana tidak ada sebarang aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan tersebut tanpa kebenaran dari pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen. Kerajaan akan sentiasa menguatkuasakan peruntukan undang-undang tersebut demi keselamatan rakyat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa electro magnetic radiation adalah paling tinggi di kawasan-kawasan yang ada talian penghantaran elektrik berkuasa tinggi dan ini adalah fatal sebab mengikut satu



laporan awal di Amerika Syarikat, ramai penduduk-penduduk yang mengidap penyakit-penyakit serius seperti kanser dan degenerative diseases seperti leukimia di kawasan-kawasan berhampiran talian penghantaran elektrik berkuasa tinggi.

Maka, adakah Kementerian Yang Berhormat mengadakan satu usaha sama dengan Kementerian Kesihatan untuk menentukan sama ada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang tersebut dalam Malaysia supaya menentukan sama ada electro magnetic radiation itu mengancam kesihatan rakyat kita yang tinggal di kawasan yang berkenaan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada sedikit rungutan dari orang ramai yang khuatir mengenai kesan kelumpang elektro magnet dari pemasangan elektrik berhampiran dengan rumah-rumah mereka. Tetapi walau bagaimanapun, setakat ini pihak kementerian melalui Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas dan juga pihak TNB, telah mengumpulkan lebih daripada 1,000 kajian yang dijalankan di seluruh dunia mengenai perkara ini dan belum ada sebarang bukti yang conclusive berdasarkan kajian yang dibuat di seluruh dunia yang saya sebutkan tadi yang menunjukkan terdapat kesan yang merbahaya daripada pemasangan-pemasangan tersebut.

Isu kesan kelumpang elektro magnet terhadap manusia ini timbul memang berikutan dari satu kajian yang dijalankan di Sweden dan beberapa buah negara Scandinavian yang lain. Tetapi menurut laporan yang baru pihak kementerian dan Jabatan Bekalan Elektrik terima bahawa pihak yang menjalankan kajian yang saya

sebutkan tadi telah pun berubah sikap bahawa setakat ini memang tidak ada bukti yang nyata bahawa perkara ini akan memudaratkan kesihatan manusia.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan beberapa masalah yang timbul hasil daripada tenaga elektrik berkuasa tinggi ataupun talian tenaga elektrik berkuasa tinggi, pada masa akan datang adakah kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos merancang meletakkan talian-talian berkuasa tinggi ini di dalam terowong bawah tanah bersama dengan utiliti-utiliti lain supaya ianya lebih selamat dan mudah diperbaiki terutama di pekan-pekan besar?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kabel transmission ataupun kabel penghantaran yang bervoltan tinggi ini tidak mendatangkan masalah, memang tidak merbahaya kerana kalau sekiranya terputus, bekalan pun putus dengan secara automatik. Maka setakat ini, kabel yang bervoltan tinggi penghantaran ini tidak mendatangkan apa jua masalah. Yang ada masalah ialah kabel pembahagian ataupun a distribution line yang ada di dalam bandar dan setakat ini, pihak TNB sedang berusaha supaya semua kabel pembahagian ataupun distribution line khususnya di kawasan bandar akan ditanam di bawah tanah.

#### **KETUA ISI RUMAH BERDAFTAR DI SARAWAK - JUMLAH**

4. **Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Perdana Menteri menyatakan:-
  - (a) jumlah bilangan Ketua Isi rumah (KIR) yang telah didaftarkan di seluruh negeri Sarawak, mengikut daerah; dan

- (b) jumlah bilangan KIR ini yang jatuh dalam kategori Keluarga Termiskin, juga mengikut daerah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji**

**Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan perhitungan yang dibuat melalui banci penduduk dan perumahan Malaysia yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1991, jumlah Ketua Isi Rumah atau KIR bagi seluruh daerah dalam negeri Sarawak ialah seramai 319,869 orang. Daerah-daerah di dalam negeri Sarawak sebanyak 28 daerah. Jumlah KIR tiap-tiap daerah, saya akan beri secara bertulis. Saya ingin menyebut tiga daerah yang ramai ialah Kuching - 68,352 orang, Sibu - 34,659 orang dan Miri - 33,292 orang.
- (b) Bilangan keluarga termiskin di negeri Sarawak ialah sebanyak 18,766 keluarga. Bilangan mengikut daerah juga akan diberi secara bertulis tetapi saya ingin menyebut 3 bahagian yang banyak iaitu Kuching - 5,264 keluarga, Semarahan - 2,818 keluarga dan Bintulu - 2,115 keluarga.

**KEBOCORAN BEKALAN AIR OLEH PAIP LAMA - ANGGARAN**

5. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) anggaran kebocoran bekalan air yang disebabkan oleh paip-paip yang terlalu lama; dan
- (b) apakah program dan peruntukan yang disediakan untuk menukar paip-paip tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kebocoran bekalan air yang disebabkan oleh paip-paip yang terlalu lama mengakibatkan kehilangan air sebanyak 27%

hingga 50%. Ini adalah berdasarkan kepada kajian terperinci yang telah dijalankan ke atas 12 daerah di Semenanjung Malaysia.

- (b) Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan Program Membaik Pulih dan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air yang melibatkan 29 daerah.

50% pembiayaan program ini diperolehi daripada pinjaman Bank Pembangunan Asia (ADB) dan 50% lagi ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan sendiri.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian masih menggunakan paip asbestos simen yang pada satu ketika telah disahkan mengakibatkan penyakit kanser?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, paip asbestos simen ini memang masih digunakan, tetapi perlahan-lahan, di mana didapati tempat-tempat yang berkemungkinan mengalami kerosakan lebih cepat, ianya telah diusahakan untuk diganti dengan paip yang lebih tahan lama, besi dan sebagainya.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada paip-paip yang lama, apakah sebab-sebab lain yang menyebabkan bekalan air ini kerap kali terputus, bukan sahaja di luar-luar bandar, termasuk juga di Parlimen pada hari ini. *[Ketawa]*

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, di Semenanjung, masalah keputusan air tidaklah begitu rumit sekali. Kalau pun berlaku sekali-sekala, boleh jadi disebabkan oleh kerosakan pam, enjin dan sebagainya yang seringkali mendatangkan masalah dan ini juga tidak memudaratkan seperti yang berlaku di Parlimen pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi tidak hadir]*

#### **FAIL SAMAN-SAMAN DI MAHKAMAH - TINDAKAN MENGATASI KELEWATAN**

7. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa terdapat rungutan daripada firma-firma guaman bahawa saman-saman dan lain-lain dokumen mahkamah yang difailkan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk dimeteraikan (seal) mengambil masa terlalu lama, iaitu dua atau tiga bulan bagi pihak Mahkamah Majistret berkenaan mengeluarkan saman-saman dan lain-lain dokumen mahkamah tersebut dan kadangkala terdapat dokumen-dokumen berkenaan hilang di Pejabat Pendaftaran Mahkamah di mana firma-firma guaman yang berkaitan dikehendaki memfailkan semula dan ini menimbulkan kelewatan yang berpanjangan:

- (a) adakah kelewatan mengeluarkan saman-saman dan lain dokumen mahkamah untuk dimeteraikan itu disebabkan kekurangan kakitangan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret berkenaan; dan
- (b) jika benar, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan kakitangan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret tersebut.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kekurangan kakitangan kumpulan sokongan, khususnya di bahagian pentadbiran dan lain-lain bahagian yang berkaitan di Mahkamah Majistret Kuala

Lumpur dan lain-lain mahkamah di seluruh negara dikenal pasti sebagai salah satu sebab berlakunya kelewatan di dalam memproses dan mengeluarkan saman-saman untuk dimeterai.

Namun begitu, kelewatan itu juga berpunca daripada terdapatnya firma-firma guaman yang menghantar dokumen-dokumen yang kurang lengkap dan tidak menepati kehendak undang-undang dan akibatnya, dokumen-dokumen tersebut tidak dapat diproses dengan segera dan akhirnya berlaku kelewatan di dalam mengeluarkan saman-saman dan lain-lain dokumen yang berkenaan.

- (b) Kerajaan menyedari bahawa masalah kekurangan kakitangan di mahkamah telah menimbulkan banyak masalah kepada pihak peguam dan lain-lain pihak yang berurusan dengan mahkamah. Justeru itu, bagi mengatasi masalah tersebut, penambahan kakitangan sokongan sedang diusahakan.

Jika penambahan jawatan tersebut diperolehi, masalah kelewatan mengeluarkan saman-saman dan lain-lain dokumen di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan di mahkamah-mahkamah di seluruh

negara akan dapat diatasi. Di samping itu, kerajaan juga mengharapkan kerjasama daripada pihak firma-firma guaman dan lain-lain pihak yang berkaitan supaya dapat mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap dan menepati kehendak undang-undang untuk didaftarkan supaya permohonan mereka dapat diproses segera dan mengelakkan daripada berlakunya kelewatan.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam mahkamah, banyak fail-fail, sama ada di Mahkamah Majistret ataupun Mahkamah Tinggi. Ada juga terdapat fail-fail hilang disebabkan sesuatu kes itu lambat dapat dijalankan dan kadangkala menyuruh peguam-peguam restructure, dengan izin, fail yang berkenaan. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan banyaknya berlaku kehilangan fail-fail atau dokumen-dokumen penting dalam Pejabat Pendaftaran Mahkamah Majistret ataupun Mahkamah Tinggi?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak menafikan perkara yang disebut itu berlaku. Sebab itulah pihak Jabatan Kehakiman mengambil beberapa langkah. Selain daripada saya nyatakan tadi iaitu untuk meramaikan lagi kakitangan sokongan kerana kalau ramai kakitangan sokongan, sudah tentu beban kerja bagi pegawai-pegawai yang berkenaan tidak banyak. Kadangkala ini berlaku disebabkan beban kerja yang terlalu banyak, maka

menyebabkan pegawai-pegawai yang terlibat telah melakukan kesilapan di sana-sini.

Yang kedua, Jabatan Kehakiman juga sedang berusaha untuk mengkomputerkan kes-kes ataupun maklumat-maklumat yang berkaitan dengan undang-undang di mahkamah dan juga di Pejabat Pendaftaran yang berkaitan dengan mahkamah, jadi apabila komputer digunakan, kita percaya maklumat-maklumat yang lengkap sentiasa disimpan di dalam komputer, jadi tendency atau kecenderungan untuk kehilangan maklumat itu, pihak kerajaan memikirkan lebih terselamat daripada biasa.

### **GETAH SEBAGAI HASIL UTAMA - KEMEROSOTAN HARGA**

**8. Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan getah di negara ini tidak lagi menjadi hasil utama negara. Adakah kementerian sedar bahawa harga getah juga sudah tidak stabil di tahun-tahun ke hadapan:

- (a) rakyat pedalaman masih lagi bergantung kepada sumber hasil getah, apakah langkah kementerian untuk menjadikan getah juga sebagai hasil atau penyumbang utama hasil negara; dan
- (b) adakah kementerian mengkaji saingan tanaman getah di negara-negara jiran yang mungkin bertambah dan boleh menjejaskan kemerosotan harga getah di negara ini.

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu**

**Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sedar tentang kemungkinan harga getah tidak stabil kerana harga komoditi ini, seperti juga komoditi lain adalah tertakluk kepada kedudukan ekonomi dunia. Oleh kerana



Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka, menyebabkan kepelbagaian ekonomi berlaku sejajar dengan pembangunan negara, pengeluaran getah asli tidak lagi menjadi hasil utama negara. Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan seterusnya,

- (a) Kementerian memang sedar bahawa masih ramai rakyat luar bandar yang bergantung kepada hasil getah. Bagi golongan ini, kerajaan tetap menjaga kepentingan mereka. Menerusi aktiviti-aktiviti R&D, kementerian telah dapat menghasilkan amalan agronomi yang baik, klon-klon yang berhasilan tinggi, kaedah penanaman pepagar dan cara penorehan baru. Semua ini bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan supaya golongan ini terus berdaya maju dan berdaya saing. Menerusi penggunaan kayu getah, golongan ini juga turut sama menikmati hasil dari kepelbagaian ekonomi negara yang saya nyatakan tadi yang berlaku di dalam industri getah sendiri.
- (b) Kementerian sentiasa meneliti perkembangan tanaman getah di negara-negara jiran dan sedar, jika pengeluaran getah mereka meningkat, ianya boleh menjejaskan kedudukan harga getah di pasaran antarabangsa yang akan memberi kesan kepada semua

negara yang terlibat. Oleh itu, melalui perhubungan antarabangsa, kementerian tetap mendapatkan kerjasama mana-mana pihak yang berkemampuan untuk mengurangkan kesan ini.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita melihat perkembangan banyak kawasan ladang getah telah ditebang iaitu untuk mendirikan kawasan-kawasan perindustrian dan juga perumahan. Jadi, kalau kita lihat daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, untuk menjaga kepentingan penanam-penanam getah tadi, adakah kementerian bercadang untuk menghadkan kawasan-kawasan penanaman getah ini untuk menjamin masa depan mereka?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk menghadkan penggunaan untuk menentukan bahawa tanaman getah itu berkekalan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, pengurangan kawasan tanaman getah tidak begitu berkurangan dari setahun ke setahun. Purata kekurangan untuk penanaman getah hanya 10,000 hektar setahun sahaja.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah program kementerian untuk mempelbagaikan ataupun memperluaskan lagi industri yang berdasarkan kepada getah dalam negara ini supaya permintaan untuk getah dapat ditingkatkan, sekali gus menjamin kestabilan harganya dan dapat menjamin pendapatan yang lebih baik untuk orang-orang kampung?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan ini telah dijawab. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, RRIM pada masa ini telah dan terus menjalankan penyelidikan-penyelidikan penting untuk mempelbagaikan dan meningkatkan kegunaan dan penggunaan getah serta untuk menemukan getah-getah baru bagi kegunaan dalam industri-industri lain, di antaranya seperti berikut:

- (i) Penyelidikan dalam bidang kejuruteraan;
- (ii) penyelidikan dalam industri tayar;
- (iii) penyelidikan dalam industri automotif;
- (iv) penyelidikan dalam industri pengangkutan;
- (v) penyelidikan dalam industri laut samudera atau marine industry, dengan izin; dan
- (vi) penyelidikan dalam industri tenaga elektrik.

#### **CARIGALI GAS MALAYSIA-THAILAND - HASIL UNTUK KELANTAN**

9. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) sejauh manakah perkembangan usahasama carigali gas di sempadan timur Malaysia-Thailand;
  - (b) bilakah usahasama tersebut dijangka akan mendatangkan hasil; dan
  - (c) berapakah peruntukan untuk negeri Kelantan dari hasil tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kawasan mencari gali gas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand yang terletak di kawasan pelantar benua yang bertindih bersempadan kedua-dua buah negara. Kawasan tersebut sedang dimajukan oleh Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) atau Malaysia-Thailand Joint Authority yang diperbadankan di bawah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990.

PBBMT merupakan sebuah badan usahasama kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Thailand yang telah diberi hak eksklusif terhadap sumber-sumber petroleum di kawasan tersebut. Sejak termeterainya kontrak perkongsian pengeluaran atau dengan izin, Production Sharing Contract (PSC) di antara PBBMT dengan kontraktor pada April 1994 sehingga pertengahan bulan November 1995, 3 buah telaga eksplorasi telah digerudi dan diuji.

Mengikut perancangan kontraktor yang berkenaan, sejumlah 3 telaga lagi akan digerudi menjelang akhir tahun ini. Melalui kerja tersebut pihak kontraktor akan dapat menentukan dengan lebih tepat lagi mengenai kedalaman rizab yang berkenaan kuantiti dan kualiti gas asli yang dikesan, kadar pengeluaran serta beberapa lagi maklumat yang diperlukan

sebelum keputusan dapat dibuat bagi membangunkan kawasan tersebut.

- (b) Memandangkan tahap aktiviti dalam kawasan tersebut masih di peringkat eksplorasi sahaja, maklumat yang diperlukan seperti dinyatakan tadi masih belum diperolehi dengan secukupnya. Oleh itu, adalah terlalu awal untuk memastikan masa bermulanya usaha hasil dari kawasan tersebut.
- (c) Di bawah perjanjian dan akta PBBMT 1990 yang telah dimeterai oleh Kerajaan Malaysia dan Thailand, sekiranya terdapat hasil pengeluaran dari kawasan berkenaan, hanya Kerajaan Pusat dari kedua-dua negara akan memperolehi hasil dari segi royalti sebanyak 5% daripada pengeluaran kasar. Walau bagaimanapun, negeri Kelantan telah dan akan juga mula mendapat faedah dari segi faedah limpahan, dengan izin, spillover effects seperti penyediaan perkhidmatan yang diperlukan oleh kontraktor-kontraktor perkongsian pengeluaran tersebut.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap pihak kementerian atau pihak kerajaan seharusnya menunjukkan sikap yang ikhlas dan ihsan dalam persoalan minyak dan gas di negeri Kelantan ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah benar pejabat PBBMT akan mula dibuka di Kelantan khususnya di Kota Bharu tidak berapa lama lagi?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Abang Mustapha:** Setakat ini saya tidak ada maklumat tersebut Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu siapakah yang mengetuai ataupun yang menjadi ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat PBBMT ini dan apakah syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian usahasama ini antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Abang Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi PBBMT ini anggota-anggota Lembaga Pengarahnya ialah terdiri daripada negara Thailand dan Malaysia dan syarat-syaratnya panjang kalau hendak dihuraikan di sini. Boleh saya beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

#### **PENDERAAN KANAK-KANAK/BUDAYA LEPAK - LANGKAH MENGATASI**

10. **Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan dengan peningkatan dalam masalah sosial seperti penderaan kanak-kanak, budaya melepak dan lain-lain lagi, adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengkaji kesan perkembangan negatif ini yang semakin menular dalam masyarakat kita pada masa kini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, perbuatan penderaan kanak-kanak dan budaya lepak adalah isu sosial yang

perlakuannya disebabkan oleh berbagai faktor dan seharusnya ditangani secara menyeluruh oleh semua pihak iaitu individu, keluarga, masyarakat, kerajaan dan pihak swasta.

Tindakan yang dapat dilaksanakan oleh kementerian ialah dengan mengeratkan hubungan kekeluargaan iaitu melalui:-

- (i) kempen gerakan keluarga bahagia dan mengadakan aktiviti berbentuk kekeluargaan yang bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya hubungan antara ahli-ahli keluarga dieratkan dan ini akan membentuk kesejahteraan hidup berkeluarga. Ikatan kekeluargaan yang positif juga akan menentukan perkembangan serta kesejahteraan kanak-kanak dalam keluarga;
- (ii) pusat aktiviti kanak-kanak dan pusat khidmat sosial setempat yang ditubuhkan oleh kementerian adalah untuk memberi perkhidmatan di samping menyediakan aktiviti yang berbentuk penerangan kepada kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi. Program ini melibatkan penyertaan aktif masyarakat dalam usaha menangani masalah sosial semasa;
- (iii) meningkatkan peranan Jawatankuasa Kebajikan Juvana dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak melalui berbagai aktiviti di peringkat daerah dan kawasan supaya setiap ahli masyarakat dapat melibatkan diri secara aktif dalam tindakan

pencegahan dan pemulihan akhlak di kalangan remaja. Usaha menggemblengkan tenaga sukarelawan di bawah Briged Kebajikan Perdana dapat bertindak sebagai satu bentuk pengawalan sosial yang berkesan di dalam masyarakat. Sehingga kini sebanyak 156 pasukan Briged Kebajikan Perdana telah ditubuhkan dengan bilangan ahli 26,621; dan

- (iv) Program Jiran Muda. Kumpulan sasar untuk program ini ialah remaja berumur 12 hingga 25 tahun. Jiran Muda merupakan sebuah cawangan di bawah Rukun Tetangga. Sehingga kini sebanyak 854 cawangan Jiran Muda telah diwujudkan dengan keahlian dianggarkan seramai 170,800 ahli. Tujuan Jiran Muda ialah untuk menggalakkan remaja bergiat di dalam organisasi sukarela, melatih bakal-bakal pemimpin muda, melibatkan diri dalam aktiviti kejiranan, seminar, motivasi dan kepimpinan, kesenian dan khemah kerja.

Tuan Yang di-Pertua, peranan kementerian ini ialah peranan pencegahan dan pemulihan. Pada pendapat kementerian ini, perancangan sosialnya adalah baik dan dengan perancangan ini kementerian ini sedia menghadapi apa-apa cabaran masalah sosial yang akan datang pada masa akan datang.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada langkah-langkah yang akan dibuat oleh kementerian ini bagi mengatasi



permasalahan semasa, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mendapatkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Perdana Menteri untuk mewujudkan satu akta yang boleh mencegah dan juga membanteras permasalahan remaja umpamanya Akta Remaja selain daripada akta yang sedia ada iaitu Akta Juvana dan juga Akta Wanita dan Gadis, ataupun mencadangkan supaya remaja lepasan sekolah itu diwajibkan untuk memasuki national service, dengan izin?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian ini ada beberapa rancangan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Antara program kerjasama ialah projek Sedar Padu yang melibatkan pelajar-pelajar di dalam tingkatan enam tetapi kementerian ini tidak pada masa sekarang bercadang untuk mewujudkan satu akta baru yang dinamakan Akta Remaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir.]*

#### **PENGGORPORATAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI - DASAR PELAKSANAAN**

12. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada konsep dasar pengkorporatan Pusat Pengajian Tinggi di negara ini sama seperti konsep dan dasar universiti swasta di luar negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab pada 24hb. Oktober, 1995 bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kementerian Pendidikan tiada lagi maklumat tambahan untuk dimaklumkan.

#### **KAD KREDIT - KESAN TERHADAP TABUNGAN**

13. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan kad kredit yang dikeluarkan di negara ini. Adakah ia menimbulkan kecenderungan rakyat Malaysia mempunyai tabiat kurang menabung atau sebaliknya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kad kredit yang dikeluarkan di Malaysia setakat ini ialah sebanyak 1.6 juta keping. Pengeluaran kad kredit tidak seharusnya dilihat sebagai satu cara menggalakkan perbelanjaan tetapi adalah sebagai satu bentuk kemudahan perantaraan untuk memudahkan seseorang membuat transaksi urusanniaga ataupun membeli-belah.

Kesannya terhadap tabiat menabung adalah bergantung kepada kebijaksanaan setiap individu dalam merancang hal ehwal kewangan mereka sendiri. Sekiranya mereka sedar bahawa kos kredit dalam penggunaan kad kredit adalah tinggi, mereka tidak seharusnya menggunakan kad kredit untuk berbelanja melebihi kemampuan mereka sendiri.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ini, dari jumlah 1.6 juta kad yang telah dikeluarkan berapa banyakkah, dengan izin, turn-over yang digunakan oleh pemegang-pemegang kad kredit ini dan berapa ramaikah yang telah tidak membayar dan sedang diambil tindakan mahkamah oleh pihak syarikat-syarikat kad kredit ini?

**Dato' Dr. Affiudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kad kredit dikeluarkan lebih daripada 30 buah agensi, angka-angka ini tidak dapat kita adakan dalam masa yang singkat. Jadi, setakat ini tidak ada angka ini, melainkan kita adakan satu kajian mengenai turn-over dan pembayaran balik. Oleh itu saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak dapat menunaikan kehendak sahabat saya dari Yan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, kita pernah dengar berita tentang penipuan kad kredit palsu, jadi sukacita saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, setakat ini bagaimanakah tahap kejadian penggunaan kad kredit palsu ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, penipuan telah berlaku dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setakat ini ianya hanya merupakan satu bilangan yang tidak berapa significant dan segala penipuan ini telah pun disiasat dan usaha-usaha untuk memperbaiki sekuriti ataupun safety card telah pun dijalankan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

#### **JURURAWAT - JUMLAH PEMOHON DI SARAWAK**

14. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah pemohon-pemohon yang memohon untuk dilatih menjadi jururawat di Sarawak bagi tahun 1993, 1994 dan 1995; dan
- (b) sama ada kerajaan sedar terdapatnya kerumitan perhubungan bahasa dan kerumitan di dalam mengatur cuti tahunan dan perayaan-perayaan bagi perayaan utama seperti Hari Raya disebabkan oleh penggajian berlebihan bagi jururawat-jururawat daripada satu bangsa. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki ke semuanya.

**[Tiada Jawapan dari Y.B. Menteri Kesihatan]**

#### **BERNAS - SEBAB KEKURANGAN BEKALAN PADI**

15. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kementerian sedar bahawa sejak Bernas mengambil alih LPN, kilang-kilang padi swasta yang kecil dan sederhana tidak mendapat layanan yang setimpal daripada Bernas dan kilang-kilang ini menghadapi masalah kekurangan

bekalan padi oleh sebab telah dibolot (monopoli) oleh beberapa kilang yang besar sahaja dan dengan keadaan yang seperti ini kilang-kilang yang kecil dan sederhana akan menuju ke arah penutupan (bankrap).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar kilang-kilang kecil dan sederhana tidak mendapat layanan yang setimpal dari Bernas. Walau bagaimanapun, dari pemerhatian yang dibuat oleh Bernas, masalah kekurangan padi di kilang-kilang kecil adalah berpunca daripada beberapa faktor:

- (a) kekurangan modal pusingan untuk membeli padi;
- (b) kekurangan keupayaan memproses dan menyimpan padi; dan
- (c) kekurangan kepakaran dari segi teknikal dan pengurusan yang lemah.

Bagi membantu kilang-kilang kecil dan sederhana terus beroperasi dalam industri padi dan beras, Bernas telah menyediakan beberapa skim bantuan-bantuan seperti Skim Upah Kisar, Skim Upah Mengering dan Mengisar dan Skim Pusat Belian, di samping Bernas juga melaksanakan Skim Julan Padi Basah/Kering kepada semua pengilang. Terima kasih.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh mengenai pembelian padi oleh Bernas ini, saya ingin tahu berapakah potongan minimum dan maksimum bagi musim ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan jawapan sekarang ini, saya akan jawab secara bertulis.

**EAGA - KESAN DAN AKTIVITI PENUBUHANNYA**

16. **Tuan Michael Lisa Kaya** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah kesan-kesan aktiviti EAGA (East Asia Growth Area) sejak ianya ditubuhkan khusus untuk kawasan di Sarawak dan Sabah yang berhampiran dengan pusat EAGA di Negara Brunei Darussalam;
- (b) peranan Malaysia khasnya di dalam EAGA dan negeri Sarawak amnya; dan
- (c) rancangan EAGA pada masa depan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato'**

**Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Kerjasama Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-the Philippines East ASEAN Growth Area telah ditubuhkan pada bulan Mac, 1994. Ianya di antara lain bertujuan memajukan semua wilayah yang terlibat melalui penggalakan usahasama dalam aktiviti ekonomi yang berdasarkan kepada complementarities, dengan izin.

Untuk tujuan tersebut sektor swasta telah dikenal pasti sebagai penggerak utama manakala pihak kerajaan bertindak sebagai facilitator, dengan izin, dengan mengadakan dan meningkatkan tahap prasarana serta mempermudah peraturan-peraturan bagi meningkatkan peranan sektor swasta dalam mengenal pasti dan melaksanakan projek-

projek usaha-sama. Walaupun BIMP-EAGA baru dilancarkan 18 bulan yang lalu, namun pelaksanaan projek-projek usaha-sama begitu pesat berjalan. Pelabur-pelabur dari Sabah dan Sarawak terlibat dalam projek-projek yang telah dikenal pasti. Di antaranya ialah projek pembuatan barangan.

Untuk industri pembinaan dan telekomunikasi, projek perkhidmatan kepakaran dan industri perikanan, sektor swasta daripada Sabah, Labuan, Sarawak telah juga berpeluang menyertai pameran pelancongan dan Expo perdagangan yang telah diadakan pada bulan Jun dan November tahun 1995.

Menerusi aktiviti-aktiviti seperti ini, sektor swasta dari Sabah, Labuan dan Sarawak telah mendapat manfaat melalui pengenalan projek-projek usaha-sama dan memperkenalkan barangan dan perkhidmatan yang terdapat di ketiga-tiga komponen BIMP-EAGA berkenaan kepada lain-lain wilayah yang terlibat.

- (b) Sebagai salah sebuah negara yang menyertai kerjasama ini, peranan Malaysia juga sama seperti negara-negara anggota lain, iaitu mengekalkan iklim pelaburan yang baik bagi menarik lebih banyak pelaburan dari dalam dan luar dapat

diwujudkan di kawasan BIMP-EAGA. Di samping itu Malaysia juga boleh berperanan dari segi memberikan bantuan kepakaran dan pengalaman seperti dalam bidang perancangan kepada lain-lain negara anggota dan yang memerlukan bantuan.

Di peringkat negeri Sarawak pula kesungguhan yang diperlihatkan di peringkat pusat seterusnya perlu diterjemahkan dengan mengenal pasti langkah-langkah yang boleh meningkatkan iklim pelaburan agar Sarawak menjadi satu daripada pusat pelaburan terbaik kepada pelabur-pelabur luar dan dari dalam negeri. Sektor swasta tempatan juga perlu merintis dan mengenal pasti peluang-peluang usahasama dengan pelabur-pelabur daripada lain-lain komponen. Hanya dengan cara ini sahaja Malaysia akan dapat menikmati keuntungan dari kerjasama ini.

- (c) Kerjasama di peringkat wilayah seperti BIMP-EAGA akan terus diperluaskan di masa-masa yang akan datang. Ini kerana ianya mempunyai potensi yang besar untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi kepada wilayah-wilayah yang terlibat dan berperanan menyumbang kepada kejayaan kerjasama di peringkat yang lebih luas seperti ASEAN. Untuk tujuan tersebut usaha-usaha akan diteruskan bagi meningkatkan tahap iklim pelaburan seperti kemudahan infrastruktur dan mengurangkan halangan birokrasi agar semua projek usahasama dapat dilaksanakan dengan jayanya dan sektor swasta akan terus mengenal pasti projek-projek usahasama yang baru. Terima kasih.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari Philippine dan berjumpa dengan wakil BIMP-EAGA ke gabungan ini. Jadi, soalan saya melihatkan kawasan BIMP-EAGA ini ialah satu kawasan yang kurang maju selain daripada Labuan, apakah insentif-insentif lain selain daripada insentif yang ada diberi oleh pihak kerajaan kepada Pertubuhan Segi Tiga BIMP-EAGA ini dan siapakah yang mengetuai wakil Kerajaan Malaysia di BIMP-EAGA? Terima kasih.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Malaysia, urusetianya ialah Bahagian Perancang Ekonomi dan sebagaimana yang saya sebutkan gabungan ini terdiri dari tiga pihak dan terpulang kepada tiga pihak ini untuk menyatakan cadangan-cadangan mereka supaya dapat dipertimbangkan oleh kerajaan. Sehingga kini sudah ada beberapa syarikat daripada ketiga-tiga kawasan ini yang telah pun menandatangani usaha sama dan sebagainya.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya aktiviti EAGA, saya ingin tahu setakat ini berapakah projek-projek ataupun usaha sama yang telah diadakan dan berapakah jumlah pelaburan tersebut? Terima kasih.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada beberapa perjanjian ataupun memorandum persefahaman di antara beberapa pihak. Saya tidak dapat menyatakan tentang berapa nilainya projek-projek ini tetapi saya boleh bacakan sebahagian daripada senarai ini untuk menunjukkan sudah ada kerjasama ini.



Pertama, contohnya Agro Hope Sdn. Bhd. sudah ada perjanjian usaha sama dengan PP Bohindas Permai daripada Indonesia. Untuk membangunkan ladang kelapa sawit 18,000 hektar di Kalimantan Indonesia. Tarikh tandatangan Jun, 1969.

Kedua, Tanjong Manis Logging Sdn. Bhd., syarikat daripada Sarawak, telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Sably Development Engineering Company daripada di Brunei Darussalam untuk menyediakan pelan induk industri perhutanan Brunei Darussalam. Tarikh tandatangan Jun, 1995.

Ketiga, Sikap Project Management Services dengan Anti Polio Properties daripada Philippine, iaitu untuk IPP di Selatan Philipina juga ditandatangani pada Jun, 1995.

Keempat, Austral Enterprise Sdn. Bhd. dengan PP Ponti Makmur Sejahtera Indonesia untuk ladang kelapa sawit untuk 12,000 hektar di Kalimantan juga. Tarikh ditandatangani Jun, 1995 dan ada beberapa lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah aircondition dalam Dewan ini berfungsi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Liew Ah Kim** Terima kasihlah. Soalan saya yang ke-17.

**PILI BOMBA - MENAMBAH KEMUDAHAN**

17. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sedar telah kerap kali berlaku kebakaran jauh daripada paip bomba sama ada di bandar mahupun di luar bandar yang menyebabkan pasukan bomba sukar mendapatkan sumber air bagi mengawal kebakaran. Sama ada kerajaan akan mengkaji semula mengadakan paip bomba lebih banyak dan lain-lain kemudahan mendapatkan sumber air dengan cepat di merata tempat di dalam negara bagi mengawal kebakaran di kawasan yang jauh dari jalan raya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun panas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Bukan dia seorang sahaja yang panas.

*[Disampuk][Ketawa]*

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan, di kawasan bandar taburan pili bomba pada amnya adalah memadai kerana bagi taman-taman perumahan disyaratkan pemaju mengadakan pili-pili bomba sebagai satu kehendak dalam pelan kemajuannya. Masalah di bandar ialah berlakunya tekanan air yang rendah dari semasa ke semasa. Apabila berlaku demikian, pihak Bomba akan meminta Pihak Berkuasa Bekalan Air menutup sementara bekalan air ke kawasan lain supaya bekalan dapat ditumpu kepada kawasan yang berlaku kebakaran itu.

Di kawasan luar bandar memang kurang pili-pili bomba. Ini ialah kerana biasanya saluran utama bekalan air adalah dari paip yang kecil sahaja dan ini tidak sesuai untuk memasang pili bomba. Pihak Bomba terpaksa mendapatkan bekalan air dari punca lain seperti kolam, parit, sungai dan sebagainya.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya lagi panas setelah mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri. *[Disampuk]* Sungguhpun perkara

ini perkara yang kecil sangat tetapi kerajaan tidak mampu mengatasi masalah yang berkenaan. Soalan saya,..[*Disampuk*] Sabarlah...

**Seorang Ahli:** Panas. Saya tengok DAP saya sudah panas.

**Tuan Liew Ah Kim:** Ini satu perkara kebakaran di tempat-tempat tertentu dan saya sendiri menyaksikan beberapa peristiwa kebakaran di kawasan saya. Ketika Jabatan Bomba menjalankan tugas memadamkan api, mereka tidak mendapati sumber air di kawasan tersebut dan mereka terpaksa menggunakan air longkang di situ untuk memadamkan api. Soalannya, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bahawa kementerian yang berkenaan bukan sahaja ada pelan-pelan tetapi mesti ada tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil untuk mengatasi kekurangan kemudahan supaya kelemahan ini tidak berlaku atau dilakukan sekali lagi.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan.

[*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Apakah tindakan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Mana ada soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Saya sudah jawab tadi. Tindakan sedang diambil dan ini merangkumi pelan-pelan kemajuan di dalam sesuatu kawasan perumahan. Dengan adanya syarat-syarat ini, maka kita akan menambahkan jumlah hydrant di seluruh negara.

## KEMAS - TAMBAHAN ELAUN KAKITANGAN

18. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kerajaan akan menambah elaun kakitangan Kemas dan keistimewaan mendapatkan tuntutan bayaran perubatan.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sudah jawab soalan ini apabila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi tetapi saya ingin menambah sedikit. Nampaknya banyak ahli-ahli yang berminat untuk bertanya tentang pegawai-pegawai Kemas ini. Kementerian saya telah mencadangkan kepada JPA, bukan sahaja kenaikan gaji tetapi satu skim gaji yang baru di mana bukan sahaja mereka mendapat gaji yang lebih tetapi mereka akan mendapat kenaikan gaji tahunan, ganjaran dan lain-lain kemudahan. Oleh sebab itu saya minta sabar sedikit.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaiamakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kakitangan Kemas untuk kenaikan elaun, gaji dan sebagainya sedangkan mereka ini merupakan kakitangan yang berkhidmat secara kontrak. Apakah mereka ini memperjuangkan untuk rakan-rakan mereka yang akan datang ataupun untuk mereka sendiri? Terima kasih.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka ini bekerja sebagai kontrak, tetapi sumbangan mereka mestilah kita hargai di peringkat akar-umbi. Oleh sebab itu kerajaan ingin mengekalkan mereka sebagai pegawai kontrak dan juga memberikan satu skim yang baru selaras dengan pegawai-pegawai di lain-lain agensi kerajaan.

**BALAI BOMBA PEKAN SELANGAU - TAPAK PEMBINAAN**

19. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan bilangan penduduk di Pekan Selangau semakin bertambah dan maju, tetapi belum ada Pejabat Bomba, adakah kerajaan bercadang untuk membina pejabat/balai tersebut bagi mengatasi kebakaran yang sering berlaku di sekitar Pekan Selangau.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, tapak yang sesuai bagi Balai Bomba Pekan Selangau belum dikenal pasti lagi. Oleh itu kerajaan memberi keutamaan kepada tempat lain dahulu di mana tapak sudah dikenal pasti ataupun diperolehi. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedia menimbangkan permintaan Yang Berhormat sebagai keutamaan jika masalah tapak yang sesuai boleh diperolehi kelak.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan kerajaan timbang untuk memberi atau memasang alat pemadam api di rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di luar bandar yang tidak ada kemudahan hydren?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang diambil kira oleh pihak bomba supaya di masa akan datang kita boleh membekalkan alat-alat pemadam api kepada rumah-rumah panjang yang agak panjang sedikit. Sebab kalau kita dapat ada satu kumpulan di dalam rumah panjang ini supaya mereka boleh menggunakan alat-alat ini dengan cara yang baik. Sebab kadangkala kita membekalkan 'fire extinguisher,' dengan izin, kepada pihak-pihak di luar bandar, alat-alat ini tidak digunakan dengan cara yang baik.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa syarat yang tertentu bagi pertimbangan daripada kementerian untuk mendirikan satu-satu balai bomba di kawasan tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Selalu terbakar agaknya. *[Ketawa]*

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya. Saya tidak dapat memberi semua syarat kerana ada banyaknya. Tetapi dari keseluruhannya memang terpulang kepada saiz penduduk di dalam satu-satu kawasan. Saya tidak ingat berapa saiz jumlahnya, tetapi saya boleh bekalkan maklumat ini kepada Yang Berhormat secara bertulis.

## **PENKORPORATAN UNIVERSITI - STRUKTUR YURAN/BANTUAN KEWANGAN DAN KURSUS YANG DITAWARKAN**

20. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) struktur yuran universiti selepas dikorporatkan;
- (b) apakah biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan yang mungkin untuk pelajar-pelajar universiti supaya mereka dapat peluang pendidikan tinggi;
- (c) struktur kursus ijazah, ijazah lanjutan, kursus-kursus diploma yang akan ditawarkan oleh universiti selepas dikorporatkan; dan
- (d) struktur bantuan kewangan yang akan diberi oleh kerajaan kepada universiti-universiti korporat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

(a) & (b) Setelah institusi pengajian tinggi tempatan dikorporatkan, kerajaan akan terus membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk memastikan mereka berpeluang mendapat pendidikan di peringkat tinggi. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mewujudkan satu tabung khas untuk membantu pelajar-pelajar terlibat. Sementara skim pembayaran yang sedia ada akan terus dilaksanakan.

Antara cara ini kerajaan akan dapat mempelbagaikan sumber-sumber bayaran agar semua rakyat dapat menikmati pendidikan tinggi tidak kira latar belakang ekonomi mereka, selain daripada usaha untuk memperluaskan peluang kemasukan ke universiti tempatan.

(c) & (d) Setelah institusi pendidikan tinggi awam dikorporatkan, kerajaan akan terus mengawasi organisasi dan program di universiti-universiti termasuklah jenis kursus dan penganugerahan diploma serta ijazah. Dan juga aspek-aspek akreditasi yang akan ditentukan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Oleh kerana pendidikan peringkat tinggi terus menjadi tanggungjawab sosial Kerajaan Persekutuan, semua aspek pendidikan tinggi akan terus dibantu oleh kerajaan melalui proses geran peruntukan untuk keperluan infrastruktur,

program akademik tertentu, penyelidikan, khidmat masyarakat dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal bagi Jawab Mulut sudah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 11, 14, 21 hingga 26 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 1995**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995**

#### **Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga**

**3.35 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-



undang bernama satu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan satu undang-undang pendidikan yang baru, menyeluruh, lengkap dan kemas kini bagi menggantikan Akta Pelajaran 1991 yang akan dimansuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelajaran 1991 memaktubkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dilaksanakan sehingga sekarang. Dasar tersebut diasaskan pada perakuan-perakuan utama dalam Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, dan telah melahirkan Sistem Pendidikan Kebangsaan yang terdapat pada hari ini.

Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan ini telah melalui tiga fasa utama; iaitu fasa perletakan asas dalam tahun-tahun akhir 1950-an dan awal 1960-an, fasa kesinambungan dalam tahun-tahun 1970-an, dan fasa reformasi dalam tahun-tahun 1980-an dan 1990-an. Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam tahun-tahun akhir 1950-an dan awal 1960-an dan 1970-an memberi tumpuan kepada aspek kuantitatif, berteraskan prinsip pendemokrasian pendidikan, dalam usaha membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan harmonis. Pelaksanaannya juga sejajar dengan penerapan prinsip dan nilai yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara dan Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Ini bermakna bahawa kita telah meletakkan asas yang kukuh dalam membuka peluang kepada rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan untuk memperolehi pendidikan sarwajagat. Pada masa itu, telah timbul kesedaran dalam masyarakat tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan sosio-ekonomi, khususnya kesedaran tentang peranan pendidikan dalam meningkatkan mobiliti sosial, individu dan masyarakat. Dengan itu telah bermula satu era yang membolehkan anak-anak bangsa, seperti anak-anak golongan petani, pekebun kecil, pegawai rendah kerajaan yang dahulunya tidak pernah termimpi untuk dapat keluar daripada belenggu kemiskinan dan kedaifan memasuki profesion perubatan, kejuruteraan, perakaunan dan perguaman. Hakikat ini membuktikan bahawa sejak awal-awal lagi Kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya dikenali dengan ‘Kerajaan Perikatan’ mempunyai iltizam dan keyakinan yang kuat dalam pendidikan.

Perkembangan ini jauh berbeza dengan keadaan semasa zaman penjajah yang mempernyatakan muslihat pendidikan kerajaan Inggeris sebagai sekadar menjadikan anak-anak Melayu sebagai nelayan atau petani lebih baik daripada bapa mereka dan tidak lebih daripada itu. Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran pada masa itu, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah memperakukan beberapa cadangan untuk memperkemas dan memperkukuh pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan laporan tersebut, mulai tahun 1980-an, pendidikan di negara ini telah memperlihatkan keprihatinan kepada

peningkatan kualiti pendidikan yang melibatkan peningkatan kualiti kurikulum, pendidikan guru, perancangan dan pengurusan dan memperkenalkan beberapa inovasi pendidikan yang lain.

Dengan itu, KBSR yang memberi penekanan kepada konsep 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira telah diperkenalkan di sekolah rendah. Kemudiannya KBSM pula telah diperkenalkan yang memberi penekanan kepada konsep sepadu, seimbang dan menyuluruh.

Pelaksanaan reformasi pendidikan telah diperkukuh dengan pernyataan, falsafah Pendidikan Negara secara bertulis pada tahun 1989 semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan. Falsafah tersebut menitikberatkan pembinaan potensi individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek rohani, imosi dan jasmani sejajar dengan aspirasi negara dan kepatuhan kepada tuhan.

Dalam pada itu negara kita sedang mengalami satu transformasi yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan. Kesan peningkatan proses globalisasi dalam bidang ekonomi dan perdagangan antarabangsa serta daya saing yang sengit akibat daripada perkembangan sains, teknologi, telekomunikasi dan maklumat. Keadaan ini menimbulkan persekitaran dan pembentukan scenario yang sukar dikawal yang mencetuskan cabarang-cabaran serta memberi kesan ke atas negara dan masyarakat. Di samping itu, Malaysia juga sedang giat membuat persediaan untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Perkembangan-perkembangan ini telah menimbulkan tuntutan baru terhadap

Sistem Pendidikan Kebangsaan kerana sistem pendidikan memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan wawasan negara.

Kejayaan kita setakat ini telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara contoh dan terkemukakan di kalangan negara-negara sedang membangun, tetapi aspirasi dan cita-cita kita adalah untuk melangkah jauh ke hadapan sebagai sebuah negara industri yang maju, justeru Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu dimantap dan dikembangkan sesuai dengan hasrat dan cita-cita negara. Sehubungan itu, segala yang hendak kita lakukan adalah bermula dengan pengubalan Rang Undang-undang ini yang bertujuan mencapai kejayaan bukan secara berdikit-dikit tetapi dengan pertambahan bersifat lonjakan berganda oleh kerana Wawasan 2020 itu sendiri merupakan satu lonjakan berganda bagi negara.

Dengan berlatarbelakangkan ini, kerajaan berpendapat bahawa satu Akta Pendidikan yang baru perlu digubal. Pengubalan ini telah dibuat dengan teliti dan telah mengambil masa selama enam tahun. Draf yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama rapat Jabatan Peguam Negara telah dikaji dan dipindasuai oleh Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dibentuk oleh Kerajaan Barisan Nasional serta telah dipengerusikan oleh tiga orang Menteri Pendidikan.

Jawatankuasa tersebut telah mengkaji Rang Undang-undang tersebut secara terperinci, adil dan saksama dan akhirnya Jemaah Menteri telah mencapai kata sepakat tentang kandungan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penggubalan Rang Undang-undang ini, pandangan pelbagai pihak yang meliputi pertubuhan-pertubuhan pendidikan, sosial, agama, politik serta orang perseorangan telah diperolehi melalui memorandum, usul dan pandangan-pandangan yang disampaikan kepada Kementerian Pendidikan. Berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri pada 30hb. Ogos 1990, Majlis Perundingan Akta Pendidikan juga telah ditubuhkan untuk meneliti draf awal Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan atau cadangan. Majlis ini terdiri daripada 81 orang ahli yang mewakili pertubuhan-pertubuhan politik, agama, masyarakat akademik, profesional, guru-pendidik dan persatuan alumni. Majlis yang merupakan satu permuafakatan nasional ini telah bersidang mulai 3hb. September 1990 dan telah mengadakan 7 perjumpaan.

Sehubungan ini, saya ingin menyatakan perasaan dukacita saya kerana kesemua parti pembangkang yang telah dijemput untuk bersama-sama berbincang dalam majlis perundingan Akta Pendidikan telah membuat pilihan untuk tidak menyertainya. **[Boo]** Dengan membuat pendirian tersebut mereka sebenarnya telah menolak peluang dan kesempatan yang diberi kepada mereka untuk menyampaikan pandangan dan teguran mereka dalam proses penggubalan Akta ini. Dalam hal ini, amat jelas bahawa parti-parti pembangkang tidak pernah mencapai kematangan kerana mereka gagal keluar dari kepompong politik perkauman atau keluar dari tempurung kejumudan ide. **[Tepuk]** Singkatnya mereka menolak semangat pemuafakatan. Suka saya berterus terang di Dewan yang mulia ini, parti-parti pembangkang tidak memberi apak-apa sumbangan dan

buah fikiran kepada Rang Undang-undang Pendidikan ini, maka wajar sekalilah parti-parti politik pembangkang meninggalkan tabiat buruk seperti “tikus membaiki labu” dan kita juga tidak mahu tabiat buruk “rumah siap pahat berbunyi” menjadi amalan politik. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan di peringkat awal tadi, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan bukannya pindaan kepada Akta Pelajaran 1961. Akta Pelajaran 1961 telah berjaya mencapai objektifnya. Namun demikian, untuk dapat kita menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi tuntutan aspirasi Wawasan 2020, kita perlu mewujudkan satu perundangan pendidikan baru yang lengkap, kamaskini dan bersifat futuristic yakni sebagai persediaan untuk melangkah ke abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pendidikan dalam negara kita menjelang abad ke-21 sememangnya jauh berbeza dengan peranan pendidikan pada awal tahun 60-an semasa Akta 1961 digubal. Pendidikan adalah menjadi faktor utama sebagai penyelamat bangsa dan penentu kritikal dalam memastikan kejayaan, pembangunan insan dan negara. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk melahirkan sistem pendidikan yang akan membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran, ketrampilan dengan berpaksikan nilai murni yang diperlukan dalam dunia bersifat global dan semakin bersaing.

Adalah menjadi misi kerajaan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti ataupun dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, A

World Class Quality Education System, bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia.

Untuk tujuan ini beberapa pelajaran penting perlu diberi penekanan. Bahasa Inggeris akan terus dijadikan sebagai bahasa kedua dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kerana penguasaan bahasa Inggeris adalah penting dan melalui bahasa tersebut, ilmu dan pengetahuan yang terbaru dalam pelbagai bidang dapat diperolehi. Dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah masyarakat saintifik dan progresif, bukan sahaja menggunakan kemajuan tersebut, malah mampu menyumbang ke arah tamadun sains dan teknologi masa depan. Penguasaan dalam bidang sains dan matematik perlu ditingkatkan sekiranya kita hendak bersama-sama menyertai arus perdana perkembangan sains dan teknologi. Di samping itu, kemahiran-kemahiran seperti pengkomputeran, pengendalian maklumat dan kemahiran komunikasi perlu diperkukuhkan supaya rakyat negara ini akan dapat bersaing bukan sahaja sesama sendiri tetapi juga di peringkat global. Hakikat ini perlu disedari dan dihayati oleh semua pihak dan rumusan pendirian ini telah dijadikan sebagai pemula kepada mukaddimah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang menggambarkan halatuju Sistem Pendidikan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah Pendidikan Negara digubal dengan berpandukan kepada hasrat dan cita-cita yang terkandung dan tersirat dalam Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dan Rukun Negara. Falsafah Pendidikan Negara menggariskan tiga bidang utama yang menjadi tujuan pendidikan iaitu perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu, perpaduan rakyat serta kemakmuran negara.

Matlamat ini bertujuan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis serta melahirkan rakyat Malaysia yang baik dari segala aspek. Adalah jelas bahawa falsafah pendidikan negara memberi penekanan dan orientasi yang

baru kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, adalah wajar Rang Undang-undang ini digubal dengan berdasarkan falsafah tersebut. Penyataan falsafah pendidikan negara ini dimuatkan dalam mukadimahnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan pula peruntukan-peruntukan utama yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini memperuntukkan buat pertama kalinya dengan jelas ciri utama dasar pendidikan kebangsaan yang berlandaskan kepada falsafah pendidikan negara.

Ciri-ciri utama yang dimaksudkan ialah Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama, satu kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Perkara ini sebenarnya telah dicadangkan pada mulanya oleh Penyata Razak dan ditegaskan dalam Laporan Rahman Talib. Dengan itu, dasar pendidikan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini adalah berpaksi kepada perakuan-perakuan Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang Pendidikan ini memperjelaskan buat pertama kalinya tentang komponen-komponen Sistem Pendidikan Kebangsaan. Fasal 15 memperuntukkan sistem tersebut sebagai terdiri daripada pendidikan pra-sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah dan pendidikan tinggi tetapi tidak termasuk sekolah ekspatriat (expatriate).

Sementara itu, Fasal 16 mempernyatakan tiga kategori institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan yang terdiri daripada institusi pendidikan



kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Ini bermakna Sistem Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja terdiri daripada institusi-institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan tetapi juga meliputi institusi-institusi pendidikan yang dibiayai oleh pihak swasta di semua peringkat pendidikan.

Oleh kerana sistem pendidikan swasta dirangkumi sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan, pendidikan swasta perlu diorientasikan untuk mencerminkan beberapa ciri asas keperibadian kebangsaan dengan menggunakan kurikulum kebangsaan, menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama selain dikecualikan di samping menyediakan pelajar-pelajar untuk menduduki peperiksaan awam iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 17, 18 dan 19.

Dengan ini, kemungkinan sekolah-sekolah swasta mewujudkan satu sistem pendidikan sampingan yang tidak sehaluan dengan sistem pendidikan kebangsaan dan melahirkan satu golongan pelajar yang terasing dari masyarakat umum dari segi sikap, pandangan hidup dan nilai akan dapat dielakkan. Namun demikian, menyedari bahawa di negara ini telah wujud beberapa sekolah yang ditubuhkan khas untuk anak-anak masyarakat expatriate yang menggunakan kurikulum negara masing-masing, maka sekolah ini tidaklah dijadikan sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Kedudukan Bahasa Kebangsaan diperkukuhkan dengan memperuntukkan sebagai bahasa pengantar utama dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Seperti

yang diperuntukkan dalam Fasal 17, fasal tersebut memperkuat lagi kedudukan Bahasa Kebangsaan dengan menjadikannya sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah dan institusi pendidikan. Ini adalah kerana Bahasa Kebangsaan merupakan wahana penting dalam memupuk proses integrasi nasional dan perpaduan bangsa di samping itu digunakan sebagai bahasa perantaraan atau bahasa komunikasi utama di kalangan penduduk negara ini.

Sebenarnya sebelum ini, Bahasa Kebangsaan tidak pernah diperuntukkan dengan jelas sebagai bahasa penghantar utama di semua sekolah melainkan di sekolah kerajaan. Sebelum ini juga, tidak ada peruntukan jelas yang memerlukan sekolah swasta mengajar Bahasa Kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib. Dengan itu, Rang Undang-undang Pendidikan ini memperbaiki keadaan tersebut dan akan mewajibkan semua sekolah termasuk sekolah swasta, mengajar Bahasa Kebangsaan.

Kepada pejuang dan pencinta bahasa, ingin saya ulangi bahawa kedudukan martabat dan maruah Bahasa Kebangsaan kita tidak akan berkurang sezarah pun dan tidak akan berlaku penghakisan status bahasa. Malahan melalui Rang Undang-undang ini, Bahasa Kebangsaan kita akan diperkukuh dan diperteguh lagi dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat pendidikan tinggi. Jika langkah seperti ini pun dianggap kurang bahasa, bagaimana lagi harus kita berbahasa?

Tuan Yang di-Pertua, kurikulum semua jenis dan kategori sekolah akan selaras dengan kehendak negara apabila kurikulum kebangsaan wajib digunakan oleh semua sekolah termasuk sekolah swasta. Mengikut peruntukan Rang

Undang-undang ini, kurikulum kebangsaan adalah penting untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan dalam mencapai matlamat perpaduan negara. Namun demikian, sekolah swasta dianggap telah mematuhi peruntukan ini sekiranya sekolah tersebut menggunakan mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Subseksyen 18(2).

Penggunaan kurikulum khususnya sukatan pelajaran yang sama kandungannya bagi semua sekolah, pertama kali dicadangkan dalam Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Laporan Kabinet 1979 telah memperkukuhkan perkara ini. Walau bagaimanapun, belum pernah diadakan peruntukan mengenai penggunaan kurikulum kebangsaan di semua jenis sekolah. Oleh itu, Fasal 18 diperuntukkan supaya kurikulum kebangsaan digunakan oleh semua jenis sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan termasuk yang dikelolakan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memastikan murid-murid daripada semua jenis dan kategori sekolah disediakan untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh kerajaan supaya memudahkan kita menggunakan penilaian atau pengukuran yang sama pencapaian murid di semua sekolah di negara kita. Setakat ini belum ada peruntukan yang memerlukan sekolah menyediakan murid untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Untuk mengatasi masalah ini, maka Fasal 19 diperuntukkan supaya semua sekolah menyediakan murid untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh

Kementerian Pendidikan melain dikecualikan. Dalam konteks ini, penilaian sebagai asas kepada pengukuran kemahiran dalam pembelajaran adalah perlu untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian serta kemajuan murid dan pelajar. Pengendalian penilaian boleh mempertingkatkan lagi profesionalisme dan prestasi guru. Di samping itu, hasil penilaian boleh membantu ibu bapa untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada pendidikan anak-anak mereka. Oleh kerana perkara ini belum pernah diperuntukkan, maka Fasal 67 diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan Islam akan diperluaskan untuk murid Islam di semua kategori sekolah termasuk sekolah swasta. Mengikut undang-undang yang ada sekarang, sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja yang wajib menyediakan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Apabila terdapat 15 orang murid Islam atau lebih, tetapi peruntukan ini tidak meliputi sekolah swasta. Rang Undang-undang baru ini memaktubkan bahawa Pendidikan Islam wajib diajar kepada setiap murid Islam di semua jenis sekolah.

Oleh itu, Fasal 50 memperuntukkan supaya semua sekolah termasuk sekolah swasta wajib mengadakan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila terdapat 5 orang murid Islam atau lebih di sesebuah sekolah. Sementara itu, jadual subseksyen 18(2), memperkukuhkan lagi Pendidikan Islam dengan menjadikannya sebagai salah satu daripada mata pelajaran teras.

Fasal 52 pula memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk memberi bantuan kewangan secara sumbangan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Sehubungan ini, sukacita juga saya memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah merancang beberapa program untuk mempertingkatkan pendidikan Islam. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain atau PAFA telah diperkenalkan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Tujuannya ialah untuk memastikan supaya setiap pelajar di sekolah dapat memahami dan mengamalkan aspek-aspek yang wajib dalam pendidikan Islam. Pemahaman dan keupayaan tersebut diharap akan menjadi pegangan dan seterusnya menjayakan konsep “Islam Sebagai Satu Cara Hidup”.

Resolusi Seminar Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan pada 3 Oktober 1995 yang telah dibuat berhubung dengan penyusunan semula kurikulum pendidikan guru dan strategi pengajaran akan dilaksanakan untuk memberi pendekatan baru terhadap pendidikan Islam. Di samping itu, untuk mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Agama Islam, Sektor Pendidikan Islam akan diwujudkan di Jabatan Pendidikan Negeri.

Langkah-langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang memberikan perhatian yang serius kepada pendidikan Islam yang berkesan di negara ini. Ini adalah selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan unggul yang bukan sahaja seimbang dari aspek

fizikal, mental dan emosi, tetapi juga mempunyai nilai-nilai kerohanian yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan prasekolah merupakan satu program pendidikan tidak formal yang sangat penting sebagai persediaan untuk pendidikan formal di peringkat sekolah rendah. Sungguhpun telah timbul kesedaran yang tinggi tentang pentingnya program prasekolah, namun masih terdapat sebilangan besar kanak-kanak luar bandar di kalangan keluarga yang daif di bandar tidak mempunyai peluang untuk mengikuti program tersebut. Peluang yang tidak seimbang untuk mengikuti program ini akan memperluaskan jurang mengejar ilmu selanjutnya, baik pada peringkat rendah, menengah, mahu pun pada peringkat universiti.

Keadaan ini samalah seperti keadaan kanak-kanak yang mengikuti program prasekolah sudah boleh berlari, tetapi kanak-kanak yang tidak mengikuti program prasekolah yang sesuai dengan mereka masih bertatih. Selama manakah kita hendak membiarkan keadaan tidak seimbang ini berterusan? Selama manakah kita terus hendak meminggirkan masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar yang daif ini? Saya berpendapat, masa dan ketikanya telah tiba untuk kita insaf dan membetulkan keadaan demi keadilan.

Oleh itu, Fasal 15 menjadikan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian dari sistem pendidikan kebangsaan, manakala Fasal 21 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membolehkannya menubuh dan menyenggara Tadika. Dengan peruntukan ini, Menteri Pendidikan akan dapat mengadakan pendidikan

prasekolah yang berkualiti kepada kanak-kanak luar bandar dan yang daif di bandar yang selama ini tercicir.

Saya ingin juga menyatakan bahawa pada masa sekarang, pendidikan prasekolah dikendalikan oleh berbagai-bagai pihak, termasuk agensi-agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan pertubuhan sosial. Pihak-pihak yang mengendalikan pusat-pusat prasekolah ini biasanya menentukan sendiri konsep dan objektif program pendidikan bagi pusat prasekolah tersebut. Konsep yang digunakan itu tidak semuanya sejajar dengan prinsip dan falsafah pendidikan bagi peringkat pendidikan prasekolah dan mungkin juga tidak semua sesuai dengan hasrat dan aspirasi negara.

Oleh itu, Fasal 20 memerlukan semua Tadika didaftar di bawah Rang Undang-undang ini. Fasal 22 menyatakan bahawa program dan kegiatan tiap-tiap Tadika akan diwajibkan menggunakan garis panduan kurikulum prasekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Fasal 15 menjadikan pendidikan prasekolah sebagai satu komponen dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan penumpuan terhadap usaha membudayakan pendidikan sains dan teknologi dan selaras dengan program pembangunan perindustrian yang pesat di negara ini yang memerlukan tenaga manusia berpendidikan mahir dan boleh dilatih secukupnya, pendidikan teknik akan dipertingkatkan di Sekolah Menengah Teknik dan Politeknik.

Rang Undang-undang ini akan memudahkan sekolah vokasional ditukar taraf ke sekolah teknik, manakala politeknik boleh mengadakan program

kerjasama dengan mana-mana institusi perbadanan atau organisasi perindustrian untuk mengendalikan kursus teknik atau vokasional atau program latihan, termasuk program pertukaran. Untuk mempertingkatkan dan memperluaskan lagi pendidikan teknik, politeknik juga boleh mengadakan program berkembar bagi kursus peringkat Diploma dan Ijazah dengan institusi pendidikan tinggi, sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Peruntukan ini akan membolehkan Pelan Tindakan Pendidikan Teknikal yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan dilaksanakan, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan tenaga teknikal yang semakin meruncing, tetapi juga untuk memastikan Malaysia berada di barisan hadapan dalam penguasaan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan swasta menjadi pelengkap kepada pendidikan yang disediakan oleh sektor awam dan peranannya akan menjadi semakin penting. Walau bagaimanapun, perkembangannya mesti dikawal supaya tidak bercanggah dengan aspirasi negara dan kepentingan pengguna. Oleh itu, Fasal 73 Rang Undang-undang ini memerlukan semua institusi pendidikan swasta mematuhi peruntukan Rang Undang-undang ini dan semua peraturan yang di bawahnya. Fasal 74 hingga 78 dalam Bahagian VII mengadakan peruntukan berbagai aspek tentang pengawasan, pengawalseliaan atau pengawalan taraf pendidikan institusi pendidikan swasta.

Ada pihak berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan ini terlalu mengekang perkembangan institusi pendidikan swasta. Pihak ini menuduh kerajaan tidak liberal. Bagi golongan ini, 'liberal' bermaksud kebebasan mutlak.



Sebenarnya, kebebasan mutlak tidak pernah wujud di mana-mana, baik di Amerika Syarikat, apatah lagi di negeri China. Hakikatnya, liberal ini mempunyai batasan-batasan, sesuai dengan kepentingan bangsa dan negara. Sebenarnya, yang berlaku sekarang memperlihatkan sikap liberal kerajaan. Lihatlah bagaimana menjamurnya dan majunya institusi pendidikan tinggi swasta di negara kita. Kemajuan dan penjamuran institusi pendidikan swasta itu sebenarnya memperlihatkan sikap liberal kerajaan dan suasana harmonis yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Pada pendapat saya, sebagai pulangan, wajarlah sektor pendidikan swasta mengambil sikap liberal pula dengan menambahkan bilangan pelajar bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan berdasarkan permuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu, Rang Undang-undang ini telah digubal dengan mengambil kira kepentingan dan sensitiviti semua kaum di negara ini. Oleh itu, Fasal 151 mengekalkan *status quo* Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. [*Tepuk*].

Fasal 151 juga mengekalkan *status quo* 60 Sekolah Menengah China swasta, sama seperti yang terdapat dalam Akta Pelajaran, 1961. Bagi sebilangan dari sekolah ini yang kini didaftarkan dari setahun ke setahun, tindakan untuk mengemaskinikan pendaftarannya secara tetap sedang dijalankan. [*Tepuk*]

Unified Examinations yang diambil oleh murid-murid sekolah menengah China swasta juga dikekalkan *status quonya* mengikut Fasal 151, iaitu sama seperti

yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961. Sehubungan ini, perlu saya maklumkan bahawa pengajaran bahasa China dan bahasa Tamil akan diperluaskan ke sekolah kebangsaan untuk membolehkan lebih ramai murid mempelajari kedua bahasa ini. Dalam pada itu, suka juga saya memaklumkan bahawa pada hari ini bahasa China dan bahasa Tamil tidak lagi diajar di luar jadual waktu, tetapi dimasukkan dalam jadual waktu biasa. *[Tepuk]*

Semua Lembaga Pengelola bagi sekolah swasta, sekolah bantuan kerajaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil kerajaan dikekalkan di bawah Rang Undang-undang ini. *[Tepuk]* Ini bermakna, Lembaga Sekolah-sekolah seperti sekolah menengah China swasta, sekolah mission dan sekolah conforming akan dikekalkan dan tidak terjejas di bawah Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan pengajaran bahasa suku kaum di negara ini seperti bahasa Iban dan bahasa Kadazan sekiranya didapati munasabah dan praktik diadakan, seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 2. *[Tepuk]* Kelas-kelas agama seperti bible class tidak diperlukan mendaftar di bawah Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, kelas-kelas bercorak rekreasi seperti kelas gubahan bunga, kelas ballet, kelas muzik, kelas memandu, kelas solek-menyolek bahkan kelas memasak akan dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Rang Undang-undang ini. Ini membuktikan dengan jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang bersikap liberal, adil dan peka terhadap kepentingan kaum-kaum yang

terdapat di negara ini. Kerajaan Barisan Nasional tidak ada agenda siluman dalam hal ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, tempoh pendidikan rendah yang ada sekarang adalah enam tahun bagi kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 11 tahun. Adalah menjadi kebiasaan bahawa dalam tiap-tiap kumpulan kanak-kanak terdapat segolongan yang tertinggal dalam pelajaran mereka, di samping itu terdapat juga segolongan kanak-kanak yang amat pintar yang dapat menguasai kurikulum sekolah rendah dalam tempoh yang lebih singkat.

Fasal 29 memberi kelonggaran kepada tempoh pendidikan rendah dan bukan kepada usia antara 5 hingga 7 tahun lamanya. Keanjalan tempoh belajarnya ini memungkin kanak-kanak yang amat pintar menamatkan pendidikan rendah dalam tempoh 5 tahun dan kanak-kanak yang lembam dan bermasalah dalam tempoh 7 tahun. Walau bagaimanapun, umumnya tempoh pendidikan rendah adalah 6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 30 hingga Fasal 32 adalah berkaitan dengan pendidikan menengah yang boleh diadakan di sekolah menengah kebangsaan yang berikut, sekolah menengah akademik, sekolah menengah teknik dan lain-lain sekolah menengah yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Pendidikan selepas menengah pula diadakan dalam tingkatan enam di sekolah menengah kebangsaan akademik dan teknik. Tetapi pendidikan peringkat ini tidak diperuntukkan dalam undang-undang sekarang.

Oleh itu, Fasal 33 memperuntukkan secara spesifik dengan memberi Menteri kuasa untuk menyediakan kemudahan pendidikan selepas menengah di sekolah menengah kebangsaan akademik, sekolah menengah teknik, kolej-kolej dan lain-lain sekolah menengah atau institusi pendidikan yang sesuai.

Pendidikan tinggi memainkan peranan penting untuk memenuhi keperluan tenaga profesional negara, di samping menyediakan kemudahan untuk penyelidikan dan perkhidmatan perundingan. Institusi pendidikan tinggi menyediakan kemudahan untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang tinggi dan menyumbang kepada pengembangan ilmu.

Fasal 15 menjadikan pendidikan tinggi sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Fasal 70 memperuntukkan Menteri sebagai bertanggungjawab bagi arahan am tentang pendidikan tinggi. Fasal 71 menetapkan bahawa penubuhan sesuatu institusi pendidikan tinggi hendaklah mengikut mana-mana undang-undang bertulis tentang pendidikan tinggi dan Fasal 72 menjadikan satu kesalahan jika seorang melanggar peraturan ini.

Pendidikan khas bermaksud pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan pendidikan khas murid-murid. Sesuai dengan perkembangan semasa berhubung dengan pendidikan khas; dan untuk membolehkan Kementerian Pendidikan memperluas dan memperkembangkan program ini dalam sistem pendidikan kebangsaan, maka Fasal 40 dan Fasal 41 telah diperuntukkan. Ini adalah selaras dengan konsep masyarakat penyayang yang digalakkan dan diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang.

Memandangkan penting dan bertambah meluasnya skop pendidikan guru dalam sistem pendidikan sekarang, Bahagian IV Bab 9 Rang Undang-undang ini memperuntukkan pendidikan guru secara khusus.

Sistem pendidikan kebangsaan telah banyak mengalami perubahan dan program pendidikan guru perlu disesuaikan dengan perubahan ini. Oleh itu, selain daripada kursus asas perguruan, Kementerian Pendidikan juga mengendalikan kursus-kursus di peringkat yang lebih tinggi seperti diploma dan ijazah. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti bimbingan dan kaunseling, psikologi pendidikan dan pengajaran pemulihan. Kursus-kursus di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan juga perlu diadakan bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di maktab-maktab perguruan. Langkah ini adalah selari dengan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan citra atau imej profesion perguruan di samping menambah peluang latihan.

Oleh itu, Fasal 47 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengadakan program pendidikan guru bukan sahaja di peringkat sijil tetapi juga di peringkat diploma dan ijazah melalui program kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi atau universiti dari dalam atau luar negeri.

Dalam hubungan ini, suka saya menyatakan tiga perkembangan yang penting dalam aspek pendidikan guru. Pertama, menjelang tahun 2000 semua guru sekolah menengah akan terdiri daripada guru siswazah. [*Tepuk*]

Kedua, mulai Julai 1996, guru-guru lepasan maktab perguruan akan dianugerahkan diploma dan tidak lagi sijil; dan ketiga, rancangan sedang dibuat

untuk menaikkan taraf satu atau lebih maktab perguruan ke taraf universiti.

*[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 136 dan Fasal 138 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar atau lain-lain pegawai awam bagi menjalankan penyiasatan dan pendakwaan di bawah undang-undang ini. Sementara Fasal 139 pula memberi Ketua Pendaftar kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang bagi kes-kes tertentu. Di samping kuasa untuk mendakwa, Ketua Pendaftar juga mempunyai kuasa untuk menutup dengan sertamerta mana-mana institusi pendidikan yang menjalankan aktiviti pendidikan tanpa berdaftar. Ini diperuntukkan dalam Fasal 102. Rang Undang-undang ini telah memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan berkaitan dengan pendaftaran institusi pendidikan, pengelola, guru dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita ingin menjadi rakyat Malaysia yang setia dan selanjutnya ingin membina satu bangsa Malaysia, kita harus rela dipupuk dengan sistem pendidikan yang sama. Kelainan sistem pendidikan yang diterima akan melahirkan suku dan puak yang berlainan nilai dan aspirasi. Nilai dan aspirasi yang mencapah (Divergent) hanya akan merencatkan daya dan membantutkan usaha pembinaan bangsa Malaysia yang telah pun kita mulakan. Oleh sebab itu, sesiapa pun yang rela menjadi orang Malaysia wajiblah rela dan mesti menerima sistem pendidikan yang sama.

Ranjau perbezaan dan duri kelainan antara kita usah dipertajamkan kerana usaha itu dapat menimbulkan suasana yang amat menggerunkan. Silap-silap tajam, ranjau dan duri itulah yang akan menikam kita kembali.

Tentu tidak ada orang Malaysia, rakyat Malaysia dan bangsa Malaysia yang berjiwa besar yang sanggup melihat negaranya hancur dan bangsanya lebur semata-mata kerana kepentingan fahaman politik sempit dan fahaman perkauman cetek yang tidak bertunjang di bumi Malaysia yang tercinta ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri pembentangan ini, perlu saya nyatakan bahawa sehingga ke masa ini dan sejauh yang kita alami, negara telah mencapai kejayaan yang amat membanggakan hasil daripada pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kejayaan ini tercapai melalui semangat permuafakatan yang kita amalkan. Kita yakin bahawa penerimaan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 kelak dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan mampu untuk membina masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan sebagai modal intelek bangsa yang berketrampilan tinggi dalam teknologi dan komputer, petah dalam pelbagai bahasa, bijak berhubung serta sentiasa berbudaya cemerlang berasaskan budi yang mulia. Dengan itu, menjelang abad ke-21 kita seharusnya mampu melakukan lonjakan berganda untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, dikenali di arena antarabangsa sebagai sebuah negara maju yang disegani, bermaruah dan dihormati.

Untuk menjadikan agenda nasional kita yang besar ini suatu hakikat, saya merayu dan saya mengajak semua termasuk anggota parti pembangkang supaya

menyokong dan mendokong hasrat dan cita-cita yang murni ini. Wajarlah kita sentiasa dapat mengamalkan permuafakatan bagi sama-sama menjamin kelestarian bangsa Malaysia di pentas dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

**4.20 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil masa selama sepuluh tahun sebelum membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan baru ini untuk menggantikan Akta Pendidikan 1961 dan tindakan kerajaan yang tidak sanggup memberikan lebih masa kepada Parlimen dan rakyat jelata untuk mengkaji Rang Undang-undang ini serta memberikan pandangan mereka adalah sesuatu yang dikesali.

Mukadimah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 mengakui bahawa pendidikan memainkan satu peranan penting di dalam mencapai satu negara Malaysia yang bersatu, demokratik, liberal dan dinamik.



Bagaimanapun, kegagalan kerajaan dalam melibatkan Parlimen serta rakyat jelata secara bermakna dan demokratik di dalam proses pembentukan undang-undang pendidikan baru dan strategi pendidikan baru untuk membawa Malaysia ke abad 21 ini akan mengurangkan keberkesanan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dari mencapai satu negara Malaysia yang bersatu, demokratik, liberal dan dinamik, kerana syarat utama suatu undang-undang pendidikan dan strategi pendidikan yang benar-benar berkesan adalah ia mesti dinampak dan diterima sebagai hasil konsensus nasional dan bukannya hasil sesuatu pujukan politik atau sesuatu kumpulan.

Negara ini bersama objektif kita untuk menggunakan pendidikan demi mencapai satu negara Malaysia yang bersatu, demokratik, liberal dan dinamik hanya akan mendapat untung dan tidak akan rugi apa-apapun sekiranya kita membenarkan penglibatan orang awam yang sepenuhnya ke dalam proses membentuk dan menentukan undang-undang pendidikan baru serta strategi pendidikan baru untuk abad ke-21.

Saya tidak faham mengapakan setelah kerajaan mengambil masa 10 tahun sebelum dapat mengemukakan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 baru ini ia tidak pula bersedia memberikan masa yang secukupnya kepada Parlimen dan rakyat jelata supaya menjalankan perundingan awam serta mengadakan konsensus nasional sebelum Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua dan ketiga dan diluluskan di dalam Parlimen.

Kerajaan pernah berkata bahawa oleh sebab Rang Undang-undang Pendidikan baru ini telah mengambil masa selama 10 tahun sebelum dibentangkan di Parlimen, ini membuktikan bahawa perundingan awam yang secukupnya memang telah dijalankan. Ini merupakan satu falasi besar kerana 10 tahun ini sejak kerajaan mula membangkitkan isu akan mengkaji Akta Pendidikan 1995 ini, ia sebenarnya tidak digunakan secara sepenuhnya untuk melakukan kerja-kerja membentuk Rang Undang-undang Pendidikan 1995 baru ataupun menjalankan proses perundingan awam mengenai Rang Undang-undang ini. Buktinya dalam sepanjang 5 tahun selepas iaitu dari 1990 hingga 1995, Rang Undang-undang ini tidak banyak berubah dari segi input atau isi kandungannya.

Sebenarnya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang kini dibentangkan di Parlimen ini sebenarnya telah disiapkan pada tahun 1990 dan draf Rang Undang-undang Pendidikan 1990 tidak banyak bezanya dengan versi akhir Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini gaduh dia tidak ada masa meneliti Rang Undang-undang, saya hendak tanya kepada beliau kenapa pada peringkat awal Rang Undang-undang ini digubal beliau membuat keputusan tidak menyertai dalam proses menjadi anggota kepada Majlis Perundingan

Pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan ‘kesepakatan nasional’ atau nasional konsensus. Kenapa apabila rumah sudah siap, pahat berbunyi? [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya sebelum Yang Berhormat Menteri tanya soalan itu, beliau patut jawab adakah benar bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan 1990 tidak berbeza daripada draf Rang Undang-undang di hadapan kita? Bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 tidak berbeza besar daripada draf Rang Undang-undang 1990, benar atau tidak benar? Itulah isu....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak menjawab soalan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan jawab,...

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .... tetapi saya akan tegaskan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** ... tetapi jawab ini dahulu.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** ... dia jawab ini, patut kata terus terang, kenapa parti DAP yang membangga-banggakan hendakkan demokrasi, hendakkan peluang rundingan, tetapi bila dijemput dia tidak hendak ambil bahagian. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu, Yang Berhormat Menteri lari daripada soalan saya oleh kerana itu benar, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 tidak berbeza besar daripada draf tahun 1990. Kenapa parti DAP tidak mengambil bahagian, itulah history.

Sebenarnya ini saya akan jelaskan dalam ucapan saya, tetapi sabar! sabar! sebab yang mustahak ialah oleh kerana masa itu Barisan Nasional memainkan isu ini untuk kegunaan dan tujuan politik.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa dalam tahun 1988 ada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan telah memberi jaminan bahawa Rang Undang-undang akan dikemukakan, akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, pada bulan Oktober 1988. Dalam rekod Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentulah tahu, tentu dia ada semak balik rekod dan kita ada diberitahu bahawa draf itu sudah siap, tetapi kenapa masa itu tidak dikemukakan? Kalau Kerajaan Barisan Nasional jujur, ikhlas, mahu dapat input rakyat jelata, semua pihak, masa untuk.....

**Tuan Chan Kon You:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Ipoh Timur bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis, saya masih dalam penjelasan. Kalau Kerajaan Barisan Nasional jujur dan ikhlas mahu dapat kemuafakatan, mahu dapat input semua pihak, tidak kira apa parti, masa untuk menubuhkan Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan, masa permulaan ialah pada tahun 1986 atau selewat-lewatnya 1987 untuk menjemput semua pihak, untuk menjadi ahli Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan, bukan apabila Rang Undang-undang sudah disiapkan. Tetapi oleh kerana masa itu pilihan raya besar

sudah hampir, tentu khawatir bahawa kalau isi kandungan Rang Undang-undang itu diedarkan, pihak Barisan Nasional akan menghadapi kekalahan yang teruk....

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sejarah. Sebab itu adalah idea untuk menubuhkan Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Chang Kon You:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ada dua orang peminat ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan jujur, bukan ikhlas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, hendak beri siapa dahulu, ataupun Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya teruskan iaitu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Hendak teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... saya teruskan bab ini dahulu. Tentu Yang Berhormat Menteri Pendidikan tahu dan faham sungguhpun masa itu beliau bukan Menteri Pendidikan, masa itu beliau memainkan peranan yang lain. Saya akan teruskan. Itulah jawapan. Tetapi sekurang-kurangnya apa yang kita mendapat satu hasil ialah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekarang mengakui bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 tidak berbeza besar daripada draf 1990 sebelum Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan ditubuhkan.

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Ipoh Timur bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tidak payah.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Lim Kit Siang:** ... dan sebenarnya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang kini dibentangkan, tadi saya ada sebut dan saya mahu ulangi, sebenarnya telah disiapkan pada tahun 1990 dan Rang Undang-undang Pendidikan 1990 tidak banyak bezanya dengan versi akhir Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Kalau tidak saya boleh menjemput atau saya mahu cabar, ‘bentanglelah draf Rang Undang-undang 1990’ dan kita semua boleh lihat dan boleh semak. Perkara ini telah diakui sebenarnya tanpa kata-kata ...

**Menteri Pendidikan [Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 kita buat satu Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan untuk mencari kata sepakat ataupun kesepakatan nasional. Jadi, kesepakatan nasional itu telah membuat satu cadangan yang dikira baik tetapi kita memberi tempoh dan masa untuk meneliti setiap aspek rang undang-undang

ini supaya akhirnya bila kita bentangkan kita yakin bahawa rang undang-undang ini yang terbaik sekali yang dapat kita bentangkan. *[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Masa Kabinet membuat keputusan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Rang Undang-undang Pendidikan pada 30hb. Ogos ialah masa sebelum pembubaran Parlimen. Kita tahu bahawa pada masa itu Parlimen akan dibubarkan dan sebab untuk menubuhkan Majlis bukan untuk mendapatkan feedback input daripada rakyat tetapi untuk cover-up isi kandungan Rang Undang-undang Pendidikan baru itu. Kalau kerajaan...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rompin boleh. *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Penjelasan. Adakah ini satu lagi contoh DAP, apa juga yang dibuat atau dikemukakan oleh kerajaan selalunya tafsirannya berbeza, berubah sebab nawaitunya, niat dia itu memang tidak mahu terima apa yang dibuat atau dikemukakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu dia kalah dalam pilihanraya baru-baru ini. Kerajaan tahu dan rakyat pun tahun bahawa inilah tindakan dan cara parti pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu biasalah, ada masa kalah dan ada masa menang. Jangan fikir selalu akan menang. Siapa kalah di Bagan? Teruk sekali! Siapa kalah di Gua Musang? Teruk sekali! Biasalah itu. Dan apa yang katakan di sini

bukan sekarang sahaja, masa itu pun tahun 1989. Ini bukan cerita yang baharu, bukan alasan yang baharu. Kita consistent.

Perkara ini telah diakui tanpa kata-kata oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang merupakan wakil MCA di dalam Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai Rang Undang-undang Pendidikan apabila beliau membalas kritikan bahawa tidak wujud banyak perbezaan di antara draf Rang Undang-undang Pendidikan 1990 dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Beliau berkata bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini hanya harus dibanding dengan Akta Pendidikan 1991 dan bukannya draf Rang Undang-undang Pendidikan 1990 yang baharu.

Pada hakikatnya Parlimen dan rakyat jelata telah berulang kali mendapat janji dalam tahun 1988 bahawa Rang Undang-undang Pendidikan Baharu akan menggantikan Akta Pendidikan 1961 akan dibentangkan ke Parlimen untuk diluluskan pada bulan Oktober, 1988 tetapi tarikhnya telah berulang kali ditangguh daripada satu mesyuarat Parlimen ke mesyuarat Parlimen yang lain. Sementara itu kerajaan tidak pernah mengemukakan draf terakhir Rang Undang-undang Pendidikan barunya.

Dalam bulan Ogos, 1990 sebelum Parlimen dibubarkan untuk diadakan pilihan raya umum 1990 Yang Berhormat Menteri Pendidikan masa itu telah mengumumkan bahawa Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Majlis Perundingan Rang Undang-Undang Pendidikan walaupun pada masa itu kerajaan telah pun menamatkan draf akhir Rang Undang-



undang Pendidikan barunya. Pada masa itu, DAP minta lima penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum mengambil keputusan sama ada akan menghantar wakil ke Majlis Perundingan berkenaan.

Antara penjelasan yang kami kehendaki termasuklah:

- (i) Mengapa Jemaah Menteri menubuhkan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan pada peringkat terakhir setelah kerajaan menghabiskan empat tahun untuk mendraf Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan apabila sebuah Jawatankuasa Jemaah Menteri telah pun dibentuk untuk membuat keputusan muktamad mengenai butir-butir Rang Undang-undang ini yang telah diumumkan bahawa akan dibentangkan di Parlimen pada Oktober, 1988.
- (ii) Adakah ahli-ahli dalam Majlis Perundingan ini dibatasi oleh Akta Rahsia Rasmi?
- (iii) Adakah Majlis Perundingan ini akan diberi masa yang secukupnya untuk mengkaji semua memorandum mengenai Rang Undang-undang Pendidikan yang diserahkan kepada kerajaan serta semua kajian dan laporan yang di 'commision'kan oleh kerajaan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan?
- (iv) Apakah status Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan ini sekiranya Parlimen dibubarkan dalam bulan berikutnya?

- (v) Bolehkah Menteri Pendidikan memberikan jaminan serius bahawa sehinggakan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan ini telah menyelesaikan tugasnya dan menghantarkan laporannya ke Parlimen, Parlimen tidak akan dibubarkan.

Bagaimanapun, kerajaan tidak memberikan sebarang penjelasan yang memuaskan ke atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan dan ini telah menyakinkan DAP dan lain-lain pihak bahawa dalam keadaan sebegini, tindakan kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan adalah sesuatu yang amat unik kerana ia jelas tidak bertujuan untuk mengumpul pandangan orang ramai dan memulakan perundingan awam tetapi hanya bertujuan untuk menyekat perbincangan awam mengenai Rang Undang-undang Pendidikan yang dicadangkan yang sekiranya diumumkan akan menyebabkan Barisan Nasional akan kehilangan undi dalam pilihan raya umum yang akan tiba. Inilah sebab mengapa DAP tidak sanggup menjadi sebahagian daripada 'political ploy' sebuah Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan dan tidak menghantar sebarang wakil ke Majlis Perundingan berkenaan. *[Disampuk]*

Kerisauan bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan akan menyebabkan Barisan Nasional....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi sudah diberi dia chance, dia tidak tahu gunakan chance itu baik-baik dan tidak tahu apa yang dia cakap.

Kerisauan bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan akan menyebabkan...

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada seorang lagi, Ipoh Timor bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak boleh lihat. Kerisauan bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan akan menyebabkan Barisan Nasional kehilangan undi di dalam pilihan raya umum....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Yan bangun atas Peraturan Mesyuarat. Nanti sekejap.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order 36(1), Tuan Yang di-Pertua, memandang hina terhadap orang yang kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang keberapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu pun saya rasa tak kena, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dia memandang rendah kepada orang yang rendah-rendah. Jadi, saya meminta dia menarik balik. Ini satu penghinaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cuba Yang Berhormat baca dengan teliti 36(1) itu apa bendanya itu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tak kena, Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kerisauan bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan akan menyebabkan.....

**Tuan Chang Kong You :** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak lihat. *[Ketawa]* Kerisauan bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan akan menyebabkan Barisan Nasional kehilangan undi di dalam pilihan raya umum merupakan sebab mengapa Rang Undang-undang Pendidikan baru tidak dibentangkan ke Parlimen sebelum pilihan raya umum 1990 dan sebab mengapa ia tidak juga dibentang ke Parlimen sebelum pilihan raya umum 1995 sungguhpun draf muktamad telah pun siap pada tahun 1990.

Senario politik telah berubah setelah Barisan Nasional menang besar di dalam pilihan raya umum pada bulan April 1995 dan kerajaan kini telah bersedia untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang untuk diluluskan di Parlimen

yang sebenarnya telah siap pada tahun 1990 tetapi tidak dibentangkan atau diumumkan sebelum pilihan raya umum 1990 atau 1995.

Berdasarkan latar belakang dan sejarah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 inilah maka kita semua....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya habiskan bahagian ini dahulu. Berdasarkan latar belakang dan sejarah Rang Undang-undang Pendidikan 1995, inilah maka kita semua harus memandang berat dan mempertimbangkan semua kekhuatiran dan bantahan mengenai perundangan pendidikan baru ini. Saya tahu bahawa adalah setengah orang yang berfikiran sempit yang akan mendakwa bahawa dengan enggan menghantar wakil untuk menyertai Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan, maka DAP telah kehilangan hak kami untuk memberi komen mengenai Rang Undang-undang Pendidikan baru.

Dakwaan sebegini memang tidak perlu kami layani, kerana tidak ada sesiapa pun yang berhak merampas hak asasi rakyat Malaysia yang dijamin oleh Perlembagaan kita untuk mengambil berat dan prihatin mengenai masa depan pendidikan Malaysia serta masa depan generasi muda kita. Kita juga perlu mengulangi sekali lagi bahawa Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan sebenarnya hanya.....

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....sabar sedikit. Hanya merupakan satu political ploy, dan ini telah menyebabkan ‘Dong Jiao Zong,’ [Ketawa] yang walaupun telah menyertai Majlis Perundingan.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat dari Tanjong tidak minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Yan bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat dari Tanjong tidak minta izin menggunakan bahasa Tionghua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Setahu saya sebutan beliau satu nama pertubuhan, bukan bahasa asing.

[*Ketawa*]

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tak minta izin, minum, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tak faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah fikiran yang sempit, yang dilaung-laungkan mungkin oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena bangun kali ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu habiskan. Saya tak mahu ‘trend of thought’ saya dipotong. Kita perlu mengulang sekali lagi bahawa Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan, sebenarnya hanya merupakan satu political ploy, dan ini telah menyebabkan Dong Jiao Zong yang walaupun telah menyertai Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan ini, telah mendapati bahawa segala pandangan dan memorandum mereka mengenai Rang Undang-undang Pendidikan telah tidak dihiraukan.

Dan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 sebenarnya tidak banyak beza daripada draf 1990 yang pernah diedar di dalam Majlis Perundingan pada tahun 1990. Sekiranya Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan merupakan satu cadangan yang serius dan bukannya satu political ploy, maka Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan seharusnya membentangkan satu laporan kepada Parlimen dan rakyat jelata mengenai progres serta hasil tugasnya yang termasuk laporan mengenai cadangan-cadangan yang dibuat oleh berbagai peserta di dalam Majlis Perundingan, syor-syor Majlis Perundingan serta nyatakan secara khusus syor-syor yang telah diterima dan dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Laporan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan harus dibentang di Parlimen sebagai satu dokumen penting untuk perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Saya mahu bertanya Yang

Berhormat Menteri adakah laporan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan, adakah atau tidak?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada laporan, tetapi buat apa dia bising. Dia tidak hendak ambil bahagian pada peringkat awal. [*Tepuk*] Balik-balik pusing, bila kita bentang Rang Undang-undang ini, hak kerajaan, kerajaan dipilih oleh rakyat. Jangan dipertikaikan political ploy dan sebagainya. Kita hendak rang undang-undang yang menjaga kepentingan semua kaum, semua golongan yang bersifat nasional, bukan berpaksi pada satu kumpulan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini masalah soal pokok ialah 'democratic process.' Yang Berhormat Menteri nampaknya tak faham democratic process. Tak faham langsung. Sungguhpun tadi dia cakap mengenai membina sebuah masyarakat demokratik. Mana laporan-laporan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu habiskan perenggan mengenai laporan ini dahulu. Laporan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan harus dibentang di Parlimen sebagai satu dokumen penting untuk perbincangan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995, tetapi ini tidak berlaku. Pada hakikatnya, saya rasa ragu bahawa Kementerian Pendidikan dapat



membentangkan sebarang laporan Majlis Perundangan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan. Sekiranya saya tidak silap, maka Majlis Perundangan ini telah pun mencipta sejarah atas tiga sebab:-

- (i) ia bukannya ditubuh pada peringkat permulaan untuk mendraf sebuah rang undang-undang baru, tetapi pada peringkat akhir selepas draf Rang Undang-undang berkenaan telah pun disiapkan;
- (ii) ia bukannya ditubuhkan untuk mendapatkan pandangan orang ramai dan memulakan sebarang ‘concensus national,’ tetapi hanya bertujuan untuk menggunakan Akta Rahsia Rasmi dan menyekat sebarang perbincangan terbuka mengenai isi kandungan Rang Undang-undang berkenaan untuk mengelakkan dari menjadi isu penting di dalam pilihanraya umum 1990 dan 1995; dan
- (iii) ia merupakan satu-satunya Majlis Perundangan di Malaysia serta di dunia yang tidak dapat mengemukakan sebarang laporan mengenai perbincangan dan cadangannya sendiri.

Saya sanggup dibuktikan salah bahawa Majlis Perundangan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan baru bukan satu political ploy yang merupakan ayam betina yang tidak dapat bertelor, dan bahawa ia memang ada laporan mengenai perbincangan dan cadangannya sendiri. Sekiranya laporan sebegini wujud, maka Yang Berhormat Menteri harus membentangkan ke dalam Parlimen supaya para

Ahli Parlimen mendapat manfaat dari perbincangan dan cadangannya sama ada yang telah diterima ataupun ditolak oleh kerajaan semasa menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Biarlah para Ahli Parlimen dan rakyat jelata - bukan sahaja Ahli Parlimen, tetapi rakyat jelata pun.....

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya habiskan dahulu ini. *[Disampuk]* Biarlah para Ahli Parlimen dan rakyat jelata tahu apa sebenarnya.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....yang telah berubah dalam Rang Undang-undang Pendidikan draf 1990.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dia boleh duduk dahulu. *[Ketawa]*  
Biarlah para Ahli Parlimen dan rakyat jelata tahu apa sebenarnya yang telah berubah dalam Rang Undang-undang Pendidikan draf 1990, hasil dari cadangan-cadangan Majlis Perundingan ataupun sama ada Majlis Perundingan tidak berupaya mendatangkan sebarang perubahan langsung. Ini merupakan....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kali ini ada tiga orang peminat. Hendak beri kepada siapa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh beri satu sahaja, Pokok Sena. Lain boleh duduk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Ketua Pembangkang. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan bahawa kerajaan takut hendak membenteng sebab tujuan politik. Saya ingin penjelasan sama ada Yang Berhormat dari parti pembangkang juga bertujuan politik. Sebab dalam perancangan Yang Berhormat pada election 1990, Yang Berhormat hendak menggunakan habis-habisan isu pendidikan ini untuk menghasut orang-orang keturunan Tiong Hua di negara ini supaya dalam pilihanraya 1990 itu Parti Barisan Nasional kalah dengan teruk. Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang “frust” sangat sebab pihak kerajaan tidak membenteng tahun 1990?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak frust, tetapi improper motive, sangkaan jahat yang ada dibuat oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena, dengan izin, ‘not worthy of notice.’ Tetapi apa yang mustahak sebalik cakupannya ialah beliau sekarang nampaknya mengakui bahawa tujuan Barisan Nasional masa itu adalah tujuan politik. Kenapa menubuhkan Majlis Perundingan Draf Undang-undang untuk menyekat, untuk cover up isi kandungan Rang Undang-undang Pendidikan? Ini adalah satu admission, dan saya mahu cakap terima kasih kepada Yang

Berhormat dari Pokok Sena oleh kerana sudah buat pengakuan, dan kalau mahu jawab boleh tunggu ucapan masa sendiri.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang peminat lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Pokok Sena boleh jawab nanti masa bercakap sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu lagi alasan mengapa perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini harus ditangguhkan supaya para Ahli Parlimen dapat menjalankan satu perbahasan yang berpengetahuan selepas mendapat access ke atas semua dokumen dan bahan-bahan relevant mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Alasan ketiga, mengapa perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995 harus ditangguhkan adalah bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah gagal untuk membentangkan di Parlimen satu strategi pendidikan, cadangan kerajaan kepada negara ini supaya perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini tidak dicadangkan di dalam satu vacuum tetapi di dalam konteks konsensus nasional mengenai strategi pendidikan nasional untuk membawa Malaysia ke dalam abad 21 yang berkenaan dengan visi, matlamat, objektif pendidikannya sama ada untuk jangka pendek, jangka pertengahan atau jangka panjang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia boleh duduk. Sebagai jawapan terhadap seruan saya supaya Menteri Pendidikan membentangkan satu kertas putih mengenai strategi pendidikan cadangan kerajaan berserta

dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995, tindak balas, response yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah bahawa kementerian memang ada strategi pendidikannya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [bangun]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kecuali bahawa....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kecuali, tunggu masa sendiri. Kecuali bahawa sama ada Parlimen ataupun rakyat jelata semuanya tidak sedar tentang strategi pendidikannya ini dan yang lebih serius lagi adalah ia bukannya satu produk dari perundingan atau konsensus nasional. Perundangan seperti Rang Undang-undang Pendidikan 1995...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Macam mana Yang Berhormat dari Tanjong kata saya tidak membentangkan strategi pendidikan? Kalau dia dengar betul-betul ucapan saya tadi mengandungi banyak aspek yang merangkumi dengan jelas halatuju pendidikan negara kita. Jadi, kalau dia tengok mukadimah Rang Undang-undang ini pun menjelaskan ke arah mana kita hendak bawa negara dengan Dasar Pendidikan kita. Jadi, saya menolak dengan sekeras-kerasnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

*[Tepuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Strategi pendidikan, ia bukan fasal-fasal dalam Rang Undang-undang, tetapi strategi ialah satu rancangan yang menyeluruh, sektor dari sektor, masa ke semasa, siap dengan target masa ke semasa, mana ada? Sebab itu saya ada cadang bentangkan satu kertas putih meliputi segala aspek, bukan sini sedikit sana sedikit, hari ini umum satu, besok cancel, batalkan itu dan itulah strategi pendidikan yang menyeluruh.

Perundangan seperti Rang Undang-undang Pendidikan 1995 hanya merupakan sebahagian dari proses untuk mencapai matlamat strategi pendidikan dan tidak dapat mewakili ataupun menggantikan tempat satu strategi pendidikan. Maka, satu perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan baru mestilah pada masa yang sama membahaskan juga strategi pendidikan baru supaya membolehkan rakyat Malaysia

menghadapi cabaran-cabaran baru abad ke-21 bersama dengan perubahan teknologi serta pertumbuhan explosive bidang komunikasi dalam kadar yang pantas.

Berdasar alasan ini, saya dengan seriusnya mencadangkan supaya perbahasan untuk bacaan kedua Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ditangguhkan sehingga bulan Januari untuk membolehkan satu Laporan Majlis Perundingan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan serta kertas putih mengenai strategi pendidikan cadangan kerajaan untuk membawa Malaysia ke dalam abad ke-21 dibentangkan bersama-sama ke Parlimen. *[Tepuk]*

Kerajaan Barisan Nasional harus mempelajari dari kesilapan-kesilapan undang-undang pendidikan masa lampau untuk memastikan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 baru serta tiga lagi rang undang-undang pendidikan yang lain akan menjadi instrumen perpaduan serta pembangunan kebangsaan yang membawa Malaysia ke abad 21 dan bukannya sebagai punca perpecahan negara serta halangan kepada kemajuan.

Saya memberikan notis di sini bahawa sekiranya cadangan ini ditolak, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan selepas bacaan kedua Rang Undang-undang ini, supaya proses perbincangan dan Rang Undang-undang ini dan perundingan sepenuhnya dapat dilakukan untuk membentuk satu konsensus nasional mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995 serta strategi pendidikan nasional.

Kita harus berani mengakui bahawa di dalam sejarahnya sepanjang 34 tahun ini Akta Pendidikan 1961 telah gagal sebagai instrumen perpaduan nasional, sebaliknya telah menjadi punca perpecahan negara. Sebagaimana yang telah saya sebutkan pada 7hb. Disember 1977 semasa saya menyertai perbahasan ke atas Anggaran Perbekalan Kementerian Pendidikan dan saya ada sebut, dengan izin,

“Pendidikan di Malaysia telah menjadi satu-satunya kuasa perpecahan dan pembahagiand yang paling besar di negara ini. Tiga rungutan mengenai pendidikan yang paling utama di dalam negara kita adalah:

- (i) Standard pendidikan dari pendidikan rendah hingga ke pendidikan tinggi telah merosot. Buktinya dapat dilihat dari fakta bahawa Menteri-menteri dan...

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** ...para pemimpin Barisan Nasional sendiri....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang bangun atas peraturan mesyuarat, Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** 35(1) Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 35(1), sebutkan.

**Tuan Noh bin Omar:** 35(1). Saya hendak baca sedikit, "Seorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya, dan apabila dipanggil oleh Tuan Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Tuan Pengerusi." Jadi dia ini membaca, dia membaca teksnya orang lain buat. Jadi macam burung kakak tua, dia baca tidak tahu apa yang dia cakap. Jadi kena tengok Tuan Pengerusi, bukan membaca, kalau hendak membaca balik sekolah. Dah standard 26 tahun dalam Parlimen, janganlah baca teks.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan itu saya rasa tidak timbul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya dengar ada seorang peguam, bila Yang Berhormat Menteri membaca dia takut, dia diam-diam. Tidak berani cakap [*Ketawa*] Kenapa Yang Berhormat Menteri baca dia tidak berani, ini hendak tunjuk jenis peguam ini.

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu standard pendidikan dari pendidikan rendah hingga ke pendidikan tinggi telah merosot.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun lagi. Yang Berhormat, ada apa lagi Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Hendak minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, cakap sendirilah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Buktinya dapat dilihat dari fakta bahawa Menteri-menteri dan para pemimpin Barisan Nasional sendiri tidak berkeyakinan dengan standard dan sistem pendidikan negara ini dan telah menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pendidikan, termasuk pendidikan rendah serta menengah.

Sekiranya kita perlukan bukti seterusnya, maka keputusan United Kingdom General Medical Council yang menghendaki Fakulti Perubatan Universiti Malaya menghantar laporan tahunan kepadanya untuk membuktikan bahawa MBBSnya adalah setaraf standard antarabangsa, sebenarnya merupakan bukti mengenai keraguan lain-lain negara tentang standard akademik universiti-universiti tempatan.

- (ii) Rungutan mengenai pendidikan yang kedua adalah peluang pendidikan yang semakin berkurangan, terutama sekali peluang pendidikan tinggi, untuk pelajar-pelajar Malaysia semua kaum.
- (iii) Rungutan mengenai pendidikan yang ketiga adalah perasaan tidak terjamin yang dirasai oleh majoriti rakyat Malaysia mengenai pendidikan bahasa ibunda di Malaysia.

Fasal 152 Perlembagaan Malaysia menjamin pendidikan bahasa ibunda di Malaysia, bukan sahaja dalam segi pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda, tetapi juga dalam segi penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di dalam institusi pendidikan”.

Sepanjang tiga dekad ini, DAP konsisten dalam pendirian pendidikan kami mengenai tiga bidang pendidikan utama yang disebutkan itu, dan ini menyebabkan DAP berulang kali menyeru supaya dibentuk satu polisi dan pendekatan pendidikan baru untuk memenuhi keperluan dan aspirasi pendidikan semua rakyat Malaysia.

Sebagai contoh, berdasarkan sebab itulah, maka:



- (i) Dalam bulan Januari 1972, semasa menyertai perbahasan peruntukan tambahan Kementerian Pendidikan, saya telah berucap secara panjang lebar mengenai pencapaian yang lembab pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran matematik dan sains serta pentingnya untuk mencari jalan mengatasi masalah ini.
- (ii) Dalam bulan Oktober 1978, saya cuba mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Bukan Ahli Kerajaan di dalam Dewan Rakyat untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 supaya membolehkan secara jelas penubuhan universiti dan kolej universiti swasta, dan saya telah menekankan bahawa “pembangunan sesebuah negara bergantung ke atas rakyatnya, dan bukannya bergantung ke atas wang atau sumber-sumber material. Pelaburan modal manusia, sama ada dari kerajaan mahupun dari sektor swasta, merupakan pelaburan yang berfaedah yang akan mendatangkan keuntungan besar kepada negara ini”.
- (iii) Dalam 1974 dan sekali lagi dalam 1980, saya cuba mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Bukan Ahli Kerajaan untuk memansuhkan seksyen 21(2) dari Akta Pendidikan 1961 supaya menghapuskan Sword of Damocles, dengan izin, yang digantung di atas sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995 boleh dijalankan atas dua aspek utama. Pertama sekali, sama ada ia akan membantu proses pembinaan negara untuk membentuk satu negara Malaysia yang bersatu-padu serta menunjukkan bangsa Malaysia; kedua, strategi pendidikan nasional untuk membawa Malaysia ke abad 21 untuk menghadapi cabaran sains dan teknologi.

Sebagai seorang Ahli Parlimen yang telah dua kali berdiri di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini untuk meminta supaya diluluskan Rang Undang-undang Private Members Bill untuk memansuhkan seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 dan dalam berbagai-bagai peluang yang lain berdiri mempertahankan pendidikan bahasa ibunda serta menentang sebarang percubaan untuk mengubah ciri-ciri sekolah rendah Cina dan Tamil, sama ada melalui undang-undang ataupun langkah-langkah pentadbiran, saya mengalu-alukan pemansuhan seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang baru ini.

Saya masih ingat lagi dalam tahun-tahun 70-an, para Ahli Parlimen DAP sering berucap di dalam Parlimen mengenai hak-hak Perlembagaan pendidikan bahasa ibunda dalam menerima layanan kerajaan yang adil dan saksama dan telah mengkritik serta menentang undang-undang, langkah-langkah serta tindakan-tindakan yang bertujuan untuk menggalakkan dasar 'satu bahasa satu budaya' dan bukan satu negara Malaysia yang berbilang bahasa dan berbilang budaya dengan menyeru supaya seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 dimansuhkan. Tindakan dan pendirian DAP ini telah menyebabkan kami dianggap sebagai ekstrimis, chauvinis dan unMalaysian.

Apabila saya pertama kali berucap di Parlimen dalam tahun 1971 mengenai kekhuatiran dan aspirasi yang sah mengenai pendidikan bahasa ibunda, saya dapat melihat muka yang penuh dengan kemarahan yang dipertunjukkan oleh sesetengah menteri dan Ahli-ahli Parlimen kerajaan oleh kerana pada masa itu, ada yang

menganggap bahasa Cina sebagai bahasa ‘Mao Tse Tung’, pendidikan Cina sebagai ‘sarang komunisme’ dan sesiapa yang berucap mengenai pendidikan Cina di dalam Malaysia bahawa mereka pengkhianat dan tidak taat setia kepada negara.

Dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an, Ahli-ahli Parlimen DAP merupakan satu-satunya suara lantang di Parlimen yang mempertahankan hak-hak pelbagai kumpulan bahasa di Malaysia serta pendidikan bahasa ibunda. Tidak seorang pun dalam kerajaan yang sanggup mengambil risiko dikecam pada masa itu untuk berucap demi keadilan dan mendesak kerajaan menyokong pendidikan bahasa ibunda di dalam Parlimen. Manakala lain-lain Ahli pembangkang di dalam Parlimen seperti Dr. Tan Chee Koon juga menjauhkan diri dari tajuk ini kerana mereka tidak mahu dicap sebagai ekstrimis, chauvinis dan elemen anti-nasional.

**Dato’ Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Seremban bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Cakap masa sendiri. Ketabahan dan stamina - ini serius, ini sejarah, faham dahulu. Ketabahan dan stamina para Ahli Parlimen DAP untuk mempertahankan hak-hak sah yang dijamin oleh Perlembagaan mengenai bahasa, budaya dan agama mereka.....

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Habis perenggan ini dahulu dan saya beri. Ketabahan dan stamina para Ahli Parlimen DAP untuk berucap mempertahankan hak-hak sah dan yang dijamin oleh Perlembagaan mengenai bahasa, budaya dan agama mereka sungguhpun pada masa itu, ia melibatkan pengorbanan peribadi yang besar seperti ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri serta lain-lain bentuk penganiayaan politik, kini mula nampak hasilnya iaitu apa yang disifatkan oleh DAP sebagai liberalisasi kecil di dalam bahasa, pendidikan dan budaya dalam beberapa tahun yang lepas.

Dengan itu, dalam tahun-tahun 60-an dan awal 70-an, DAP dianggap sebagai ekstrimis, chauvinis, anti-nasional serta pembangkang yang divisive, negatif, destructive kerana mencadangkan supaya seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 dimansuhkan tetapi kini kerajaan pula yang mencadangkan supaya seksyen 21(2) dimansuhkan.

Apabila ditinjau kembali, apa yang dicadangkan oleh DAP dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an iaitu memansuhkan seksyen 21(2), walaupun dianggap pada masa itu sebagai negatif dan destructive, kini telah dibuktikan sebagai paling berpandangan jauh dan konstruktif.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Habis perenggan ini dahulu. Dan sekiranya kerajaan memandang serius cadangan DAP dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an dan

sekiranya Kerajaan Barisan Nasional memandang serius cadangan DAP dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an, maka negara ini sudah tentu dapat menjimatkan sejumlah besar tenaga yang dihilangkan ke atas isu-isu ini, yang sebaliknya boleh digunakan untuk memanfaatkan pembangunan negara yang lebih berhasil dan berkesan.

Rakyat Malaysia semuanya harus mempelajari pengajaran-pengajaran dari sejarah 34 tahun yang mempertunjukkan kontroversi mengenai seksyen 21(2) yang antaranya termasuk perkara berikut:-

- (1) Bahawa pembinaan negara tidak akan berjaya melainkan ia mengiktiraf dan menerima dengan sepenuhnya:
  - (i) ciri-ciri pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama di Malaysia.
  - (ii) lain-lain bahasa yang digunakan oleh rakyat Malaysia seperti Tionghua, Tamil, Kadazan dan Iban semuanya merupakan bahasa rakyat Malaysia yang tidak boleh dilayan seperti bahasa asing;
  - (iii) jaminan di bawah Artikel 152, Perlembagaan Malaysia mengenai penggunaan selain daripada tujuan rasmi, pengajaran dan pembelajaran bebas lain-lain bahasa rakyat Malaysia; dan

- (2) Bahawa bukannya apa yang dicadangkan oleh kerajaan semestinya baik dan betul dan bukannya apa yang dicadangkan oleh pembangkang semestinya menentang dan salah.

Sama seperti DAP telah dibuktikan betul dari mulanya di mana DAP telah mengeluarkan seruan supaya seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 dimansuhkan sebagai satu langkah penting ke arah pembinaan negara, maka kerajaan haruslah lebih memandang berat tentang pandangan-pandangan para Ahli Parlimen DAP supaya tidak lagi membazirkan masa sepanjang 20 tahun untuk melaksanakan cadangan dan syor-syor DAP yang baik untuk negara.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kata, pada era 60-an apabila ada sesiapa bangkitkan tentang isu berkaitan dengan bahasa Cina, mereka dituduh sebagai ekstrimis. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengakui bahawa pada 60-an dan 70-an itu juga, Kementerian Pendidikan terus memberi sokongan kepada sekolah-sekolah Cina (SRJK(C)) di seluruh negara, membayar gaji, memberi peruntukan untuk membina bilik darjah dan sebagainya *[Tepuk]* dan bolehkah Kementerian Pendidikan diceritakan sebagai ekstrimis dari segi memberi sokongan kepada bahasa Cina dan bolehkah Ahli Yang Berhormat memberi satu contoh, selain dari negara Cina, selain dari Taiwan, selain dari Hong Kong, di mana di dunia ada wujudnya

kerajaan memberi secara terus sokongan peruntukan kepada pendidikan Cina?  
*[Tepuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, kalau bukan kerana beliau tidak tahu sejarah atau jahil, dia tak mahu tahu! *[Disampuk]* Saya boleh beri Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan satu ceramah satu jam *[Disampuk]* mengenai sejarah seksyen 21(2). *[Disampuk]* Itu jawapan. Takut jawapan? Berani tanya, tetapi takut jawapan! Apa ini? Saya boleh beri satu ceramah satu jam atau lebih daripada satu jam mengenai sejarah seksyen 21(2), kenapa hingga sekarang, baru peruntukan ini dikemukakan untuk dimansuhkan?

Kalau dia mahu, saya beri. Saya percaya yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu jahil. *[Disampuk]* Tidak begitu jahil! Masa itu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....saya hendak ingatkan Yang Berhormat, perkataan jahil itu, cuba elakkan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ignorance.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ignorance dan jahil itu mempunyai maksud yang sama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak boleh pun? ‘Wun ser!’

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ‘Wun ser’ pun mempunyai maksud yang sama, walaupun Yang Berhormat tidak beri keterangan. Harap mengerti itu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya, dia tidak begitu blind to history.

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak lihat. *[Ketawa]* Dan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia minta, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Isu pokok yang saya hendak kemukakan di sini ialah bahawa kita perlu belajar daripada sejarah, masa itu, kenapa menjadi tuntutan untuk keadilan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, habis penjelasan ini dahulu!

*[Disampuk][Ketawa]*. Kenapa masa itu menjadi tuntutan masyarakat di sini.....

**Seorang Ahli:** Tak ada kawan!

**Tuan Lim Kit Siang:**....sesetengah masyarakat di tanah air kita bahawa peruntukan 21(2) perlu dimansuhkan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Hari ini, kita tengok peruntukan ini dimansuhkan menunjukkan kebetulan pendirian itu. Apa isunya? Belajar daripada history, pertama, jangan kita balik kepada sejarah seksyen 21(2). Kedua, jangan menganggap bahawa semua yang dicadangkan oleh pihak pembangkang, itu adalah negatif, tidak konstruktif dan tidak berguna. Kalau Kerajaan Barisan



Nasional masa itu ada menerima cadangan DAP, negara kita tidak akan mensiasikan ruang 20 atau 30 tahun atas satu isu yang begitu contentious dan yang begitu controversial.

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Serdang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia boleh cakap sendiri. *[Ketawa][Disampuk]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kubang Kerian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang tadi menyebut bahawa hasil perjuangan DAP, maka akhirnya sekarang ini beberapa kejayaan kecil telah dicapai. Akta yang dibentang ini katanya adalah Akta yang hendak dibentang pada tahun 1990. Tentulah MCA lebih mengetahui isi kandungan Akta ini. Oleh itu, MCA telah bocorkan kepada orang-orang Cina dan orang-orang Tionghua khususnya, menyebabkan mereka merasa lega dan menyebabkan dalam pilihan raya yang lepas, DAP kalah teruk. Apakah Ketua Pembangkang bersetuju bahawa perjuangan DAP akhirnya telah tercapai dan kehendak orang Tionghua semua tercapai menyebabkan orang Tioughua meyokong Barisan Nasional secara besar-besaran dalam pilihan raya yang dahulu? *[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang menjadi kenyataan, kita serahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan dan judgement sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, DAP mahu melihat Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini menjadi satu instrument perpaduan negara dan pembinaan negara. Saya harap bahawa dengan pandangan DAP mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995, akan dipertimbangkan dengan hati yang terbuka dan bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak akan digenerate sehingga ke tahap hanya bertukar-tukar kata kesat dan jolokan sahaja.

Saya merasa amat kesal kerana walaupun saya telah mengeluarkan nasihat semasa peringkat perbahasan Belanjawan pada 1hb. November, 1995, bahawa Kerajaan Barisan Nasional, terutama sekali Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus belajar daripada sejarah Akta Pendidikan 1961 yang memecahbelahkan, terutama sekali secara kontroversi 34 tahun mengenai seksyen 21(2) berkenaan dengan kedudukan dan masa depan sekolah-sekolah rendah Cina serta sekolah-sekolah menengah swasta persendirian dan haruslah lebih sensitif terhadap kesangsian dan kekhuatiran mengenai masa depan pendidikan bahasa ibunda, nasihat saya tidak dihiraukan.

Yang Berhormat DAP dari Kepong dan Yang Berhormat dari Seputeh telah diamanahkan untuk menguruskan secara lebih mendalam mengenai perkara ini, terutama sekali berkenaan dengan seksyen dan provisi spesifik dan bagaimana ia akan menjejaskan sekolah-sekolah rendah Cina, sekolah-sekolah menengah persendirian Cina serta Kolej New Era yang dicadangkan itu, di sini saya akan

hanya mencadangkan secara ringkas menimbulkan kekhuatiran dan kesangsian yang sah berkenaan dengan isu pendidikan bahasa ibunda;

- (i) Walaupun seksyen 21(2) dan seksyen 26(A) Akta Pendidikan 1961 telah dimansuhkan, tetapi objektif muktamad Dasar Pendidikan Kebangsaan masih merupakan falsafah pimpinan Rang Undang-undang Pendidikan baru.

Atas sebab ini, maka adalah sangat mustahak bahawa Mukadimah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 harus mengulangi semangat jaminan perlembagaan yang termaktub di bawah Artikel 152 mengenai pengajaran dan pembelajaran bebas lain-lain bahasa rakyat Malaysia, terutama sekali, seksyen 3 Ordinan Pendidikan 1957 yang menyatakan:

“Dasar Pendidikan Persekutuan adalah untuk membentuk sebuah sistem pendidikan kebangsaan yang diterima oleh rakyat pada keseluruhannya, yang akan memenuhi keperluan mereka serta memupuk pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka sebagai sebuah negara, dengan tujuan

menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di samping mengekal dan memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya rakyat lain, selain dari kaum Malayu yang ada di dalam negara ini.”

- (ii) Mengiktiraf dengan sepenuhnya dan menerima peranan sekolah-sekolah rendah bahasa ibunda di dalam proses pembinaan negara dengan melayan mereka sama seperti sekolah-sekolah kebangsaan, termasuklah memberikan bantuan kewangan dan modal kerajaan sepenuhnya dan hentikan pembahagian sekolah-sekolah rendah kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan.
- (iii) Mengiktirafkan peranan dan sumbangan positif sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di dalam pembangunan kebangsaan dan latihan sumber manusia di Malaysia selama empat dekad ini dengan menjanjikan sokongan kewangan kerajaan dan memberikan lebih ruang pembangunan dan perkembangan kepada mereka dan bukannya mengawal mereka dengan lebih ketat di bawah Rang

Undang-undang Pendidikan 1995 dibandingkan dengan Akta Pendidikan 1961, sama ada dalam segi peperiksaan bersama, perancangan program berkembar, pengurusan sekolah ataupun pemungutan derma.

- (iv) Provisi yang jelas membenarkan operasi sekolah-sekolah lepas menengah dan institusi-institusi pendidikan tinggi, misalnya Kolej New Era, tanpa dikenakan terlalu banyak kawalan dan seliaan kementerian yang tidak wajar.

Di dalam pilihan raya umum dan pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini, para pemimpin Barisan Nasional telah memuji sekolah-sekolah menengah persendirian Cina setinggi langit di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyifatkan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina sebagai aset nasional masa depan.

Tribute yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina mestilah ikhlas dan konsisten. Sekiranya sekolah-sekolah menengah persendirian Cina yang berfungsi di bawah peraturan dan motivasi sendiri dalam masa empat dekad ini dapat memberikan sumbangan yang begitu besar kepada pembangunan nasional, maka Rang Undang-undang Pendidikan 1995 haruslah memberikan ruang yang secukupnya kepada mereka supaya terus membangun dan berkembang tanpa sebarang sekatan dari kerajaan.

Kita harus mempunyai sikap yang baharu terhadap promosi dan pembangunan pendidikan bahasa ibunda di Malaysia sebagai formula win-win, menerima kejayaan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina sebagai kejayaan sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhannya dan bukan mengamalkan sikap zero sum di mana kejayaan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dianggap sebagai kekalahan bagi pihak sistem pendidikan nasional dan sebaliknya.

Kerajaan harus mempertimbangkan secara serius dan membenarkan kewujudan sistem bebas (independent self-regulation) sepertimana yang dipertunjukkan oleh sekolah-sekolah menengah Cina selama ini iaitu sistem kawal diri yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat terunggul ataupun pergerakan pendidikan bahasa ibunda.

Oleh kerana ini, tindakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang enggan berjumpa dengan perwakilan Dong Jiao Zong untuk membincang isu Rang Undang-undang Pendidikan 1995 amat dikesali kerana perkara ini bagai menunjukkan bahawa sekolah-sekolah menengah persendirian Cina hanya bernilai pada masa pilihan raya sahaja.

Melainkan pelbagai kekhuatiran, keraguan dan aspirasi mengenai masa...

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi dia memberi masa untuk go on a rampage. Mahu buat rampage, guna masa sendiri.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Berilah. Sedikit sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Masa sendiri. Melainkan pelbagai kekhuatiran, keraguan dan aspirasi mengenai masa depan pendidikan bahasa ibunda dapat diperjelaskan dan pindaan-pindaan yang sewajarnya dilakukan ke atas Rang Undang-undang Pendidikan ini, DAP tidak akan dapat memberikan sokongan kepadanya dan para Ahli Parlimen DAP terpaksa mengundi menentang Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Mukadimah untuk Rang Undang-undang Pendidikan 1995 menyatakan misi untuk membentuk satu sistem pendidikan berkualiti taraf antarabangsa yang akan merealisasikan potensi penuh individu dan memenuhi aspirasi rakyat Malaysia, tetapi Parlimen dan rakyat jelata nampaknya tidak tahu menahu mengenai butir-butir strategi pendidikan nasional untuk membentuk sistem pendidikan yang berkualiti taraf antarabangsa ini.

Kerajaan tidak pernah mengemukakan sepenuhnya strategi pendidikannya demi mencapai misi ini. Rakyat jelata juga tidak pernah dirunding untuk memberikan pandangan mereka.

Sistem pendidikan Malaysia yang berkualiti taraf antarabangsa dapat merangkumi aspirasi dan ideal rakyat Malaysia mengenai sistem pendidikan sekolah rendah, menengah, tinggi serta bahasa ibunda yang paling baik yang mereka kehendaki untuk memenuhi keperluan mereka dan bukannya hanya bertujuan untuk mengaut keuntungan melalui pengeksploitasian pendidikan melalui menjadikan Malaysia satu pusat pendidikan serantau.

Pada bulan Januari 1994, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan Piagam Pelanggannya, menggariskan beberapa sasaran jelas untuk tempoh tujuh tahun sehingga ke tahun 2000 dan berazam akan membekalkan sistem pendidikan yang paling baik untuk memenuhi kehendak individu dan negara.

Tetapi Kementerian Pendidikan tidak melakukan sebarang apa untuk mengetahui apakah kehendak dan idea mengenai sistem pendidikan sekolah rendah, menengah, tinggi dan bahasa ibunda yang rakyat Malaysia mahu dan untuk membentuk satu strategi pendidikan nasional selepas mencapai satu konsensus nasional.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta pegawai-pegawainya tidak mengemukakan satu strategi pendidikan yang menyeluruh untuk menyediakan Malaysia menghadapi cabaran abad ke-21, sebaliknya mereka telah mengumumkan idea, cadangan ataupun sasaran secara sembarangan, antaranya yang telah ditinggalkan ataupun diubah kerana ditentang secara politik atau sebaliknya.

Satu kes yang paling baik yang dapat ditunjukkan adalah pengumuman Bekas Menteri Pendidikan pada bulan Januari 1994 mengenai Sasaran Kerja Utama Kementerian Pendidikan untuk tujuh tahun berikutnya, di mana beliau melancarkan Piagam Pelanggan Kementerian Pendidikan. Sasaran tersebut termasuklah mengadakan sistem persekolahan satu sidang dari 8 pagi ke 4 petang. Tetapi apabila cadangan ini ditentang oleh para pemimpin UMNO sendiri, ia telah ditinggalkan dengan malu sekali walaupun ia sebenarnya adalah hasil cadangan



dari satu persidangan pendidikan peringkat tinggi yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan melibatkan pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi.

Pada bulan lepas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menubuhkan tiga kumpulan yang telah ditugaskan untuk mengkaji status pendidikan masa kini di dalam negara kita dan menggariskan satu strategi untuk masa depan. Kumpulan-kumpulan ini termasuklah ISIS, beberapa buah universiti dan sekumpulan pakar pendidikan kanan dan strategi pendidikan yang dicadangkan ini yang bertujuan untuk menghuraikan peranan pendidikan di sebuah negara membangun serta untuk melengkapkan Wawasan 2020 dijangka akan siap tahun depan.

Perkara ini mengesahkan kritikan saya iaitu walaupun kerajaan telah membentangkan ke Parlimen satu Rang Undang-undang Pendidikan baru, tetapi ia bagaikan telah "meletak pedati di depan kuda" kerana Rang Undang-undang Pendidikan seharusnya menjadi sebahagian dari strategi pendidikan nasional baru untuk menyediakan Malaysia menghadapi cabaran sains dan teknologi dalam abad ke-21. Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan belum lagi menyiapkan strategi ini yang bertujuan bukan sahaja untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang serantau, malah akan membawakan Malaysia melangkah ke abad ke-21 untuk membolehkan kita bersaing dengan negara yang paling baik di dalam pasaran dunia.

Saya ingin menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mulakan satu proses perundingan nasional untuk mendapatkan konsensus nasional mengenai strategi pendidikan untuk membawa Malaysia melangkah ke abad 21 di mana rakyat Malaysia dibenarkan menyuarakan pandangan mereka mengenai apakah yang mereka kehendaki dari sistem pendidikan ini dalam segi matlamat, hasil dan saran yang diharapkan.

Sebagai contohnya, Malaysia harus mencapai satu konsensus nasional untuk menghasilkan satu sistem pendidikan yang secara konsisten dapat menunjukkan Malaysia berada pada purata, malah lebih tinggi dari negara-negara maju dalam semua peringkat pendidikan di atas penunjuk pendidikan antarabangsa utama.

Rancangan strategi pendidikan ini haruslah menggariskan tentang bagaimana Malaysia akan menghadapi cabaran perubahan teknologi serta pertumbuhan eksplosif komunikasi yang begitu pantas. Baru-baru ini Kerajaan Singapura telah mengumumkan bahawa ia bercadang membekalkan akses Internet ke semua sekolah rendah dan menengah pada tahun 1998 untuk membuka peluang bagi projek-projek kerjasama dengan sekolah-sekolah di lain-lain bahagian dunia ini serta mendapat akses ke sumber-sumber maklumat sedunia.

Baru-baru ini pelajar-pelajar dari dua buah sekolah Singapura telah menggunakan Internet untuk bekerjasama dengan rakan mereka di Australia, bekerjasama dalam beberapa subjek sains melalui E-mail untuk berkomunikasi, meluncur World Wide Web untuk mendapatkan idea-idea baru serta bertukar-tukar pandangan di dalam sesi video-conference. Bagaimanapun, di Malaysia kita

sendiri, pelajar-pelajar di dalam universiti masih tidak mendapat akses ke Internet. Satu indikasi tentang betapa seriusnya Malaysia ketinggalan di belakang negara-negara lain di dalam dua sektor kritikal - komunikasi dan maklumat yang akan merupakan sumber-sumber baru yang menentukan tahap kemakmuran dan daya saingan negara-negara dalam abad ke-21.

Pada bulan Februari tahun ini, *The New Straits Times* telah menerbitkan satu laporan dengan tajuk utamanya yang berbunyi: "Computer for all schools by June". Tetapi apabila kita membaca isi kandungannya dengan teliti, kita hanya mendapati bahawa ia bukannya satu program untuk memastikan para pelajar akan kenal huruf komputer tetapi hanya untuk melengkapkan semua sekolah dengan satu komputer, printer dan photocopier pada Jun tahun ini untuk tujuan pengurusan pejabat sahaja.

Saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang memberikan penekanan baru ke atas kepentingan pengajian komputer serta pengumuman beliau dalam bulan lepas mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh di mana pengajian komputer akan dijadikan mata pelajaran wajib untuk pelajar tingkatan 1 dan 2 dan mata pelajaran elektif untuk pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 dan pengajian komputer akan diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran di dalam peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Di bawah rancangan ini, sebanyak 1,400 sekolah menengah di dalam negara kita akan dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 21 komputer ataupun work station setiapnya. Kementerian Pendidikan mestilah lebih bercita-cita tinggi

semasa menggalakkan literasi komputer dan harus memulakan pendidikan komputer di dalam peringkat sekolah rendah. Literasi komputer sebenarnya harus diklasifikasikan sebagai mata pelajaran teras untuk sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah supaya Malaysia dapat berdiri di baris depan teknologi maklumat dan komunikasi. Untuk tujuan ini, DAP telah memberikan notis untuk meminda dalam peringkat Jawatankuasa definisi mata pelajaran teras di dalam kurikulum kebangsaan di bawah jadual untuk memasukkan literasi komputer ke dalam kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang benar-benar maju pada tahun 2020, maka sekolah dan pelajar kita tidak lagi boleh ketinggalan di belakang negara-negara maju dalam segi teknologi maklumat. Baru-baru ini saya telah membaca satu artikel mengenai seorang pelajar di sekolah menengah tinggi di Amerika Syarikat yang menyertai satu research team yang ingin membentuk satu alat simulasi untuk menunjukkan bagaimana ozon dianalisa di dalam stratosfera. Dengan menyimpulkan bahawa mereka memerlukan nasihat pakar, pelajar ini telah mendapatkan akses ke Internet melalui makmal komputer sekolahnya. Beliau memeriksa data-data awam yang dikendalikan oleh National Aeronautics and Space Administration (NASA) dan mengesan ketua penyelidikan suatu ekspedisi ke Antartika. Pelajar ini menghantar E-mail kepada ketua penyelidikan itu, menghuraikan projeknya dan seterusnya diperkenalkan kepada saintis yang bertanggungjawab untuk mengesan ozon. Melalui pertukaran E-mail, pelajar ini mempelajari jenis teknik yang digunakan oleh saintis berkenaan di dalam eksperimennya.

Bilakah pelajar-pelajar Malaysia di peringkat menengah akan berupaya menjelajah ke ruang cyber untuk mengumpul maklumat dan secara aktifnya melibatkan diri di dalam tugas-tugas penuh cabaran dan dunia sebenar dengan

berulang-alik antara bahan-bahan mentah di dalam zaman maklumat untuk mencari data terbaharu, serta mempelajari secara terus dari saintis-saintis dan lain-lain pakar di samping mengkomunikasikan idea-idea mereka jauh melanjuti tembok sekolah-sekolah mereka sendiri.

Singapura telah menetapkan 1998 sebagai tahun sasaran menghubungkan sekolah-sekolah rendah dan menengah ke internet, satu network of internet dan tarikh ini lebih awal dari yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat, yang menetapkan tahun 2000 sebagai tarikh terakhir bagi semua sekolahnya dihubungkan ke lebuhraya maklumat.

Adakah kita telah tetapkan satu tarikh sasaran supaya semua sekolah di Malaysia akan dihubungkan ke internet? Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bersedia menetapkan tahun 2000 sebagai tarikh sasaran untuk tugas ini?

Kita mestilah sedar tentang visi reformasi asas pendidikan yang bakal timbul berikutan dengan sambungan semua sekolah ke internet. Di dalam bilik darjah tradisional, para guru menyampaikan pengetahuan yang sedia ada (establish body of knowledge) kepada para pelajar, yang akan menyerap dan mengulangi skil serta fakta asas yang disampaikan kepada mereka mengikut keupayaan mereka sendiri. Tetapi di zaman baru yang berpandukan reformasi IT ini, para pelajar dan guru semuanya akan bermula dengan embark, dengan izin, more open and enquiry. Pelajar tidak lagi dipaksa mempelajari pengetahuan yang ditetapkan, tetapi perlu memikul lebih banyak tanggungjawab dengan menetapkan

matlamat pendidikan mereka sendiri seterusnya membentuk skil mencari, meminda dan menganalisa maklumat yang dapat membantu mereka mencapai matlamat berkenaan.

Idea pembelajaran student-centred ataupun inquiries-centered akan bertambah daya dorongan mereka dengan peralihan struktur ekonomi dari model pengeluaran masa abad 20 menjadi model zaman maklumat abad 21.

Semakin ramai pendidik dan ekonomis telah mendapati bahawa di dalam bilik darjah tradisional yang menegaskan central authority yang kuat serta penekanan melatih pelajar menerima arahan dan menjalankan tugas-tugas kecil tidak akan dapat memberikan para pelajar skil-skil problem solving yang mereka perlukan di masa hadapan.

Di dalam tempat kerja abad ke-21, hirarki dan penyeliaan dari atas akan berkurangan dan kelebihan yang ada pada pekerja adalah fleksibiliti, kreativiti dan arah-diri. Di samping itu, pengetahuan sedang berubah dengan begitu pantas sekali sehinggakan mengajar fakta-fakta yang sedia ada telah kurang nilainya. Apa yang lebih penting sekarang ialah pelajar dipimpin supaya membentuk skilnya sendiri untuk terus belajar sepanjang hidup mereka.

Dalam tahun 1850, untuk melipatganda asas pengetahuan (knowledge base) kita memerlukan masa 50 tahun, tetapi hari ini ia hanya memerlukan masa setahun lebih sahaja. Apa yang diperlukan oleh pasukan kerja di masa depan work force bukan lagi dengan izin, no worst but learness. Ini merupakan sesuatu yang

perlu dipertimbangkan oleh strategi pendidikan nasional Malaysia yang bertujuan membawa Malaysia ke Abad 21.

Di bawah Rang Undang-undang Pendidikan baru ini Malaysia masih tidak mempunyai sebarang sistem pendidikan yang memerlukan perhatian di mana mereka yang memerlukan penjagaan khas ataupun yang memiliki keupayaan khas dapat menyumbang dan menyertai masyarakat ini melalui potensi mereka masing-masing dengan sepenuhnya. Pelajar yang berada dalam lingkungan kedua-dua ekstim ini, iaitu yang berkebolehan khas dan yang kurang berkebolehan, memerlukan skil dan sumber pendidikan khas.

Sebagai contoh, kini masih juga tidak ada ruang di bawah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang membolehkan apa yang disifatkan sebagai 'boy genius' seperti Chiang Ti Ming diterima masuk ke dalam universiti tempatan pada umur 13 tahun dan melanjutkan pengajian doktoratnya dalam umur 15 tahun, kerana menurut Akta Pendidikan 1961, Chiang Ti Ming tidak dibenarkan berbuat demikian, ini telah menyebabkan beliau terpaksa melanjutkan pengajiannya di California Institute of Technology (CalTech).

Rakyat Malaysia berhak bertanya sama ada kerajaan benar-benar serius ingin menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan cemerlang serantau melalui menjanjikan syarat-syarat berikut:

- (i) membina budaya pencapaian di kalangan kakitangan pengajar dan pelajar, sama ada peringkat rendah, menengah atau tinggi;

- (ii) menetapkan standard yang tinggi untuk merekrut dan menganalisa taraf pencapaian para kakitangan pengajar dan pelajar di semua peringkat pendidikan;
- (iii) melindungi hak penulis dan berucap secara bebas mereka yang berada dalam masyarakat akademik kita di samping mengekalkan idea tanggungjawab cendekiawan yang paling tinggi, pendek kata mengembalikan kebebasan akademik di Malaysia.
- (iv) berkomited terhadap prinsip kecemerlangan, akauntabiliti, terbuka dan inovasi.

Seksyen 16 Rang Undang-undang Pendidikan 1995 menghuraikan kategori institusi pendidikan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan sebagai:

- (a) institusi pendidikan kerajaan;
- (b) institusi pendidikan bantuan kerajaan; dan
- (c) institusi pendidikan swasta.

Memandangkan institusi pendidikan swasta juga merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan nasional, maka masanya sudah sampai supaya wujudnya satu sistem pendidikan yang stimulus di mana tidak wujud lagi sebarang sekatan di antara institusi-institusi pendidikan. Di bawah Sistem Pendidikan Nasional dan semua mata pelajaran boleh mencapai kelayakan kebangsaan tanpa mengira tempat pengajian. Contohnya, kerajaan mengiktiraf kelayakan sekolah-sekolah swasta untuk tujuan transfer credit subject itu, di dalam kes ataupun di



dalam kes peperiksaan bersama ia diterima sebagai antara kelayakan untuk permohonan memasuki universiti tempatan memandangkan ia kini diiktiraf oleh begitu banyak universiti-universiti luar negeri.

Sistem Pendidikan Nasional masa kini amat rigid, di mana seorang pelajar tidak dibenarkan bertukar dari sebuah sekolah swasta ke Universiti Malaya, pada hakikatnya para pelajar tidak boleh juga bertukar dari Universiti Malaya ke Universiti Sains Malaysia. Rigidity dalam mengiktiraf kolej-kolej swasta dan pengtauliahannya mereka telah dikecam sebagai salah satu masalah di dalam matlamat untuk menjadikan Malaysia satu pusat pendidikan cemerlang serantau.

Di bawah sistem pendidikan yang tidak berkelim atau stimulus, soal siapa yang membekalkan pendidikan ataupun dari program pendidikan yang mana pelajar mendapat pendidikan tidak lagi penting. Semua jenis pembelajaran akan menuju kepada kelayakan yang serupa di dalam rangka kerja kebangsaan yang sama. Ini akan membuka peluang kepada pelajar dan pembekal pendidikan atau education providers.

Individu yang ingin mencari kelayakan akan mempunyai peluang yang lebih besar memenuhi keperluan mereka. Mereka boleh mendapatkan pendidikan dan latihan di lebih dari satu tempat di sesuatu masa dan pencapaian mereka akan diiktiraf menerusi rangka kerja kelayakan kebangsaan ini, tanpa kira di mana mereka belajar dan mendaftarkan diri.

Sekolah-sekolah, institusi-institusi pendidikan peringkat tinggi serta pembekal-pembekal pendidikan swasta akan mempunyai skop dan fleksibiliti

yang lebih besar yang dapat ditawarkan kepada pelajar dan pelatih mereka dengan mengatur perjanjian sesama mereka sendiri ataupun di antara industri tempatan.

Sistem pendidikan yang stimulus ini di mana para pelajar dapat bergerak bebas dari satu institusi ke institusi lain sementara terus membina kelayakan kebangsaan mereka dan mereka yang belajar sambil bekerja di tempat-tempat kerja mereka memperoleh kredit yang selaras dengan kelayakan kebangsaan, akan sesuai dengan satu sistem pendidikan yang dibentuk khas untuk menggalakkan budaya belajar sepanjang hidup, berdasarkan asas yang kukuh di tahun-tahun awal yang terus dibina dalam tahun-tahun persekolahan wajib mereka.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Saya suka memaklumkan memandangkan ramai yang ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini, saya akan menghadkan masa 20 minit tiap-tiap seorang ahli mulai dari sekarang. Gua Musang.

**5.38 ptg.**

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah [Gua Musang]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Dasar Pelajaran Negara yang dikenali sebagai Penyata Razak diperkenalkan dalam tahun 1957, ia telah menjadikan perpaduan sebagai objektif pendidikan.

Alat perpaduan paling utama ialah penggunaan satu bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan satu kurikulum. Dasar ini dibuat kerana mengambil kira faktor

sejarah dan sosial masyarakat negara ini ketika itu. Faktor perbezaan etnik, agama, budaya dan status ekonomi adalah peninggalan penjajah yang menjadi bibit perpecahan yang boleh menghancurkan negara. Sebab itulah kemerdekaan direbut sebagai peluang terbesar memperbaiki kepincangan, maka Akta Pelajaran diperkenalkan dalam tahun 1961 dengan harapan dapat membunuh bibit-bibit perpecahan di dalam masyarakat kita.

Lapan tahun kemudiannya Tragedi 13 Mei 1969 telah mengejutkan rakyat, perpaduan rakyat yang dipupuk ternyata rapuh bahkan ia turut memberi petunjuk bahawa beberapa dasar negara ketika itu tidak begitu berkesan dalam memupuk masyarakat Malaysia yang saksama dan bersatu padu.

Sebab itulah selepas tragedi berdarah tadi Rancangan Malaysia Kedua yang melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Razak memberi penekanan yang lebih kuat kepada soal memperkukuhkan sistem pendidikan negara. Beliau yang menjadi Perdana Menteri ketika itu berharap agar integrasi dan perpaduan kebangsaan yang kukuh akan tercapai melalui suatu sistem pendidikan yang mantap.

Sekali lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar telah dijadikan agenda penting malah dia menyebut pelaksanaannya mesti dibuat secara berperingkat-peringkat dengan harapan semua peringkat pendidikan di negara ini akhirnya menggunakan hanya satu bahasa pengantar utama sahaja.

Tahun 1983 dikatakan sebagai tahun mencapai matlamat ini. Saya rujuk kepada perenggan 585 dalam dokumen Rancangan Malaysia Kedua. Ketika itu juga Akta Bahasa Kebangsaan dan Universiti Kebangsaan Malaysia diwujudkan. Harapan Allahyarham Tun ialah untuk melahirkan generasi depan yang berpadu yang mampu berkomunikasi dan berfikir dengan menggunakan satu bahasa penyatu iaitu Bahasa Kebangsaan kita. Inilah juga sepatutnya menjadi harapan kita. Kita tidak menolak pentingnya pengetahuan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain bahkan kita menyokong sekiranya bahasa-bahasa ini diajar secara intensif dan berkesan kepada anak-anak kita. Namun pentingkan bahasa ini tidak bermakna kita mengorbankan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu, pentadbiran dan komersil.

Ketika memperkenalkan dasar ini dahulu Tun Razak turut yakin kalau negara-negara moden lain boleh terus maju dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan mereka sepenuhnya, mengapa kita tidak? Kenapa Jepun, Taiwan, Korea, Thailand dan Indonesia boleh berbuat demikian tetapi kita tidak. Apakah Bahasa Kebangsaan kita lemah ataupun ia lemah kerana kelemahan keazaman politik pemimpin negara kita. Keazaman politik membolehkan kita membina bangunan tertinggi di dunia. Sepatutnya keazaman politik yang sama digunakan untuk menterjemahkan semua khazanah ilmu ke dalam bahasa kita supaya tidak ada lagi alasan yang membolehkan kita bertolak ansur dalam soal penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu di negara ini.

Rang Undang-undang Akta Pendidikan 1995 ini yang menggantikan Akta Pelajaran 1961 sepatutnya dijadikan peluang terbaik bagi mengukuhkan matlamat tadi di samping memperbaiki kekurangan pada Akta yang sebelumnya. Sepatutnya kerajaan juga mengambil peluang ini untuk mengetepikan salah faham masyarakat terhadap agama Islam sebagai agama rasmi negara dengan memperkenalkan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam untuk semua. Kontrovaksi seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 nampaknya akan berakhir kerana seksyen seperti ini sudah tidak ada lagi dalam Rang Undang-undang baru. Sekaligus ia telah memberi perlindungan undang-undang kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan daripada kemungkinan Menteri Pendidikan menggunakan kuasanya untuk menghapuskan sekolah jenis itu. Sewajarnya golongan ini berpuas hati dan berasa selamat. Saya berharap cita-cita perpaduan dapat diperkukuh dengannya.

Namun begitu kenapakah di saat sekolah-sekolah jenis kebangsaan mendapat perlindungan undang-undang, kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar tidak mendapat perlindungan undang-undang yang sama? Inilah yang tersurat di dalam Fasal 17(1) Rang Undang-undang ini. Seksyen ini menyatakan kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama bukan sebagai bahasa pengantar tetapi seksyen ini juga turut memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan penggunaannya oleh mana-mana institusi pengajian kita. Apakah maknanya permainan kata-kata ini? Apakah ini melambangkan kesungguhan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan atau ia permulaan kepada sikap tolak ansur kita dan seterusnya membenarkan kedudukan

Bahasa Kebangsaan kita musnah ataupun ia permulaan kepada usaha untuk melenyapkan cita-cita Allahyarham Tun Razak untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat. Untuk apa Menteri Pendidikan begitu memerlukan kuasa...

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Menteri bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat dari Gua Musang, apakah dia bermaksud bahawa kita harus menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan?

**Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi sememangnya tidak ada niat hendak menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Apa yang diutarakan di sini ialah soal bahasa pengantar yang kita cadang supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan untuk tujuan itu.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas. Kalau Akta ini hendak dikatakan bahasa pengantar Bahasa Kebangsaan, maknanya satu bahasa pengantar sahaja, tidak ada bahasa pengantar yang lain. Maksudnya sama seperti menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah:** Saya rasa saya sudah jelaskan pendirian kita terhadap perkara ini. Siapakah yang akan diberikan pengecualian? Apakah kepada institusi-institusi swasta yang bercambah di seluruh negara atau untuk tadika atau sekolah elit supaya anak-anak mereka dirangsang dengan fahaman bahawa untuk menjadi anak golongan elit mereka tak perlu berbahasa Kebangsaan atau untuk mengecualikan mata pelajaran tertentu daripada diajar dalam Bahasa Kebangsaan kerana kononnya Bahasa Kebangsaan tidak mampu menangani.

Mungkin Menteri berkenaan akan memberikan jaminan hari ini bahawa beliau tidak akan menyalahgunakan peruntukan tersebut dan beliau akan terus mendokong Bahasa Kebangsaan. Hari ini kita boleh percaya kepada kata-kata tersebut namun kita terpaksa berhadapan dengan hakikat bahawa jawatan Menteri Pendidikan tidak akan disandang selama-lamanya oleh anak Allahyarham Tun Razak. Tidak ada jaminan semua Menteri Pendidikan di masa depan akan terdiri dari mereka yang memahami aspirasi Tun Razak yang memiliki semangat nasionalisme setinggi Tun Razak dan yang mempunyai keazaman politik sebesar Tun Razak.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah:** Saya hendak habiskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia tidak beri.

**Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah:** Apatah lagi untuk memastikan semua rakyat di negara ini di satukan melalui satu bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan tidak mengizinkan penggunaan bahasa lain melebihi Bahasa Kebangsaan dalam seluruh kehidupan harian kita.

Kebimbangan kami bukanlah kebimbangan yang tidak berasas. Kita sama-sama melihat kemunculan ratusan kolej pengajian swasta yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Ia dibenarkan bercambah sehingga menenggelami kewibawaan institusi pengajian yang berbahasa Kebangsaan. Ia berlaku serentak dengan kezahiran penggunaan bahasa lain yang semakin ketara di gedung-gedung perniagaan, restoran dan pengucapan pemimpin-pemimpin negara.

Rang Undang-undang ini nampaknya tidak akan menghentikan perkembangan ini, ia hanya boleh meyakinkan kita sekiranya kuasa pengecualian itu gugur dan Menteri berkenaan dapat memastikan semua kolej tadi kembali ke pangkal jalan dan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar mereka. Tanpa tindakan ini, laungan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan tidak lebih daripada kata-kata kosong yang tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Apa yang tercatat di dalam seksyen 17(1) tadi hanyalah satu daripada kuasa Menteri yang diberikan oleh Rang Undang-undang ini dan banyak lagi seksyen



ataupun Fasal lain yang memberikan kuasa kepada Menteri berkenaan untuk mengecualikan pelbagai peraturan yang dinyatakan.

Rang Undang-undang ini turut memperlihatkan bahawa kuasa tadi tidak mencukupi. Ia diperuntukkan dengan Fasal 143 yang memberi kuasa tidak terhingga kepada menteri dalam mengecualikan apa jua peruntukan dalam Akta ini. Kewujudan fasal-fasal ini memberi gambaran seolah-olahnya Akta ini tidak berguna, kerana seluruh perkara kecuali pada apa yang dinyatakan secara jelas boleh dilenyapkan serta-merta dengan hanya satu coretan tandatangan seorang menteri. Ini bermakna perkara-perkara yang kelihatan baik dan harus diberi sokongan, seperti pendidikan agama Islam, soal pentadbiran, soal kurikulum, soal umur persekolahan dan sebagainya boleh dihapuskan serta-merta. Bahkan selagi fasal-fasal seperti ini dikekalkan, sukar bagi kami untuk memberi apa jua cadangan baru kepada Rang Undang-undang ini. Kami bimbang sekali pun cadangan itu diterima hari ini, besok dengan kuasa yang ada pada menteri, ia boleh diketepikan dengan sekelip mata.

Sesungguhnya kami meneliti seluruh Rang Undang-undang ini dengan penuh prihatin, aspirasi dasar pendidikan yang tertera pada mukaddimah Rang Undang-undang ini banyak memenuhi cita-cita kami. Ini termasuk aspirasi untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai satu usaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Begitu juga mengenai hasrat untuk menjadikan tujuan pendidikan bagi membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia bersaing tinggi dan menghadapi perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat. Semua ini adalah kenyataan-kenyataan murni yang kami turut hargai dan sanjung. Namun, sekali lagi kami tegaskan di sini bahawa kesemua ini tidak bermakna sekiranya kuasa yang diberikan kepada Menteri Pendidikan sebegitu besar sehingga boleh menghapuskan setiap kemurnian yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Hari ini kita berada di persimpangan penting dalam sejarah perkembangan pendidikan negara kita. Saya tidak mahu bertanggungjawab di kemudian hari, iaitu di saat Kementerian Pendidikan kita jatuh di tangan orang yang tidak bertanggungjawab dan akan menggunakan kuasa yang diberikan oleh kita hari ini untuk memusnahkan hasrat murni dasar ini. Sejarah kemunculan kuasa authoritarian dan corrupt bermula

dengan pemberian kuasa mutlak kepada mereka melalui proses yang demokratik dan menggunakan alasan-alasan yang indah. Ia telah berlaku di banyak negara lain dan tidak mustahil boleh berulang di negara kita.

Kami akan mengemukakan pindaan-pindaan yang sesuai kepada Rang Undang-undang ini. Kami akan menyokong Rang Undang-undang ini sekiranya pindaan-pindaan ini diterima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap, kita ada Usul. Minta Menteri mengemukakan Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jeffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Marang.

**5.56 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan menjadi acuan untuk membentuk generasi di semua lapisan

dan dalam semua aspek. Bukan sekadar untuk mengembangkan ilmu dan melahirkan ilmuan, tetapi juga ilmu yang membentuk manusia sama ada menjadi pemimpin atau anggota biasa dalam masyarakat. Mengubahkan nama daripada pelajaran kepada pendidikan, adalah memberi penekanan kepada tujuan tersebut. Kebiasaannya dasar dan cara pendidikan itu mestilah menepati falsafah yang dianuti oleh sesebuah negara dan kemahuannya dalam membentuk cara berfikir dan sifat rakyat.

Kerajaan Greek purba dan kerajaan sepertinya menonjolkan cara-cara kurafat, dongeng dan tahyul dalam mendidik rakyat. Negara-negara sekular Barat pula mengemukakan pendidikan yang berteraskan materialisme kebendaan dalam semua aspek yang dinilai menurut ukuran kebendaan, termasuk juga aspek agama dan akhlak.

Di zaman pemerintahan Islam dahulu, kerajaan Islam mengemukakan pendidikan Islam yang berteraskan beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan menonjolkan sifat takwa dan berakhlak mulia menurut ajaran Islam. Kami melihat dengan nyata bahawa Rang Undang-undang ini menonjolkan pendidikan menurut falsafah negara Malaysia dalam menangani masyarakat majmuk ala-Malaysia dan menuju ke arah menjayakan slogan Wawasan 2020 dengan meraikan aspek-aspek yang difikirkan oleh kerajaan boleh menjadi selera rakyat semua kaum dan menarik kemajuan yang dikehendaki tersebut. Maka ia tidak lebih daripada melangsungkan dasar lama yang berteraskan materialisme sekular dengan nekad baru menurut perkembangan zaman yang difikirkan begitu sahaja.

Kerajaan wajib mengambil iktibar daripada banyak gejala tidak sihat yang berleluasa dalam masyarakat di semua peringkat dewasa ini. Adalah hasil banyak kelemahan daripada sistem pendidikan dahulu yang lebih mempertahankan sekular dengan alasan-alasan yang banyak dalam Rang Undang-undang yang dibahaskan ini. Islam masih tetap menjadi mata pelajaran, tanpa menjadi roh kepada seluruh ilmu melalui mata pelajarannya kerana buku dan ilmu mempunyai roh atau jiwa yang tersirat, bukan sahaja kertas dan yang tersurat di atasnya.

Bermula daripada ilmu sains sehinggalah bahasa Inggeris, mestilah diletakkan aspek akidah, akhlak di dalamnya yang merupakan ilmu di dalam satu aspek dan rasa tanggungjawab dan akhlak dalam ilmu itu dari aspek yang lain pula. Jepun yang membawa kemajuan teknologi Barat dalam sistem pendidikannya sebagai suatu contoh dalam teknologi itu juga dicetuskan hubungannya dengan adat resam, kepercayaan

agama mereka dan akhlak mereka untuk kepentingan negara mereka dan agama mereka. Begitulah juga dalam bidang ilmu yang lain.

Dalam bidang pendidikan Islam diletakkan termasuk dalam mata pelajaran teras. Walaupun disenarai bawah, tetapi ia bergantung kepada kekuatan kurikulumnya. Adakah akan memenuhi pengertian Islam yang menyeluruh ataupun terhad seperti masa-masa yang lalu sekadar ‘melepas batuk di tangga,’ sehingga tetap melahirkan beratus-ratus, ribu anak-anak muda yang buta Al-Quran dan Fardu Ain.

Kerajaan tidak memberi galakan yang bersungguh-sungguh kepada mata pelajaran bahasa Arab yang menjadi bahasa Al-Quranul Karim dan bahasa pengantar rujukan penting untuk mengkaji dan memahami Islam, sehingga kedudukan keperluannya dianggap lebih rendah daripada bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan sendiri. Sepatutnya peranan bahasa Arab mestilah diberi keutamaan untuk memberi galakan kepada pengajian Islam secara mendalam. Seajar dengan kedudukannya untuk masyarakat dan negara. Dan juga dari aspek kepentingan ekonomi yang sangat dijunjung oleh kerajaan itu dalam hubungan dengan negara yang menggunakan bahasa Arab yang mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh juga.

Kerajaan juga tidak menggalakkan penggunaan tulisan Jawi dengan secara yang meluas seperti yang berlaku sebelum kedatangan penjajah dan di awal kedatangannya, sehingga mereka pada masa itu terpaksa menulis surat-surat perjanjian, seperti Perjanjian Pangkor dan sebagainya dan surat-surat rasmi kerajaan pada masa itu. Ada pun penggunaan tulisan Rumi dirancang selepas itu. Tulisan Jawi menjadi salah satu kebudayaan Islam dan suatu warisan yang mesti dipertahankan, kerana ia juga mempunyai peranan yang besar dalam pendidikan Islam di rantau ini. Apabila ia tidak diberi perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan, kita melihat kesan negatif yang besar terhadap pendidikan dalam masyarakat umat Islam di negara kita. Kerana kebanyakan buku-buku rujukan penting dalam perkara-perkara agama, setengah-setengah masyarakat kita masih menggunakan tulisan Jawi dan kemurnian istilah Islam yang dilafaz dengan betul juga, mestilah dengan tulisan Jawi, dan banyak istilah-istilah agama menjadi berubah maknanya dan sebutannya kalau ditulis dengan tulisan Rumi.

Kita melihat juga di antara kesan tidak dapat membaca Jawi membantu gejala buta Al-Quran dan buta agama dalam Fardu Ain yang berleluasa di dalam masyarakat.

Rang Undang-undang ini menunjukkan tidak menuju ke arah membantu Bahasa Kebangsaan ke suatu martabat yang lebih tinggi sehingga diusahakan supaya ia menjadi bahasa ilmu dalam semua jurusan

dengan lebih meningkat seolah-oleh mempercayai bahawa peningkatan ilmu itu wajib dengan bahasa Inggeris dan ilmu itu mestilah mencapai kemajuannya dengan bahasa Inggeris. Apakah kita tidak mengambil iktibar bahawa Jepun dan Jerman membangun menjadi negara maju selepas kalah teruk dalam Perang Dunia Kedua tanpa meninggalkan bahasa mereka menjadi bahasa utama dalam pelajaran dan pendidikan mereka bahkan bangsa-bangsa yang bermaruh dalam dunia ini membangun negara masing-masing dalam bidang ilmu dengan bahasa mereka. Hanya bangsa yang rendah maruahnyanya merasa hina dengan bahasanya sendiri dan berbangga dengan bahasa bangsa yang pernah menjajahnya. Saya tidaklah menafikan perlunya menguasai bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa lagi.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Menteri bangun minta jalan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat dari Marang menyebut di mana dalam Rang Undang-undang ini, kita tidak meletakkan Bahasa Kebangsaan di tempat yang sewajarnya?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:** Kalau dibaca Rang Undang-undang ini Fasal 12 dan beberapa Fasal yang lain. Walaupun meletakkan Bahasa Kebangsaan sebagai suatu bahasa yang diberi penekanan, dalam masa yang sama juga meletakkan bahasa Inggeris ke suatu martabat yang tinggi. Di samping kewujudan sekolah-sekolah swasta yang akan berlaku pesat penubuhannya dengan sendiri kita tidak akan dapat menafikan bahawa perkembangan Bahasa Kebangsaan tidak boleh menyaingi perkembangan bahasa Inggeris dan akan berlaku lagi beberapa hal yang lain.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang pendidikan swasta tidak wajib mengajar Bahasa Kebangsaan. Rang Undang-undang ini menetapkan sebagai satu kemestian, wajib mereka mengajar Bahasa Kebangsaan. Adakah ini tidak meletakkan martabat bahasa pada tempat yang cukup baik?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:** Tetapi ia menjadi satu mata pelajaran yang diwajibkan bukan sebagai bahasa pengantarnya. Inilah yang menjadi persoalan kepada saya dan membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah menafikan perlunya menguasai bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa dan berbagai bahasa lagi.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, di belakang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:** Tidak cukup masa Tuan Yang di-Pertua, kecuali kalau Tuan Yang di-Pertua beri masa lebih panjang kepada saya.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Menteri bangun.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya tidak jelas pendirian Yang Berhormat, apakah dia bermaksud bahawa sekolah-sekolah swasta Cina hendak diwajibkan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Kebangsaan? Apakah itu maksud Yang Berhormat dan apakah pendirian Yang Berhormat berhubung dengan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:** Saya tidak menafikan perlunya dikekalkan sekolah jenis kebangsaan kerana itu hak mereka tetapi saya tidak manafikan juga kerajaan mewajibkan Bahasa Kebangsaan di sekolah jenis kebangsaan tetapi dalam masa yang sama memberi tempat kepada bahasa Inggeris dalam keadaan yang lebih menggalakkan lagi perkembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa menjadi masalah kita menjadikannya lebih perlu daripada bahasa.....

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:**...bangsa kita sendiri dan bahasa agama kita sendiri. Tidak cukup masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa perkara yang seperti ini perlu dibincangkan dengan cara yang meluas dan melibatkan semua pihak, walaupun Menteri ada menyebut bahawa dipanggil semua kalangan-kalangan politik tetapi jemputan itu berlaku dalam suasana kekalutan politik dan suasana yang menimbulkan keraguan di antara satu sama lain.

Rang Undang-undang ini lebih bersifat untuk melakukan kawalan penuh oleh kerajaan, bukannya menyentuh sistem pendidikan itu sendiri sahaja. Secara menyeluruh kita tidak menafikan perlu adanya kawalan tetapi kita tidak mahu kawalan yang bersifat kongkongan kepada aktiviti pendidikan sehingga menghalang pertumbuhan pendidikan yang positif membantu kemuliaan akhlak dan perkembangan ilmu dengan lebih pesat di dalam masyarakat. Kalau arus masyarakat dunia kini menuju ke arah pendemokrasian termasuk di negara yang mengamalkan diktatorship tetapi Rang Undang-undang ini lebih menuju ke arah pendiktatoran dalam sistem pendidikan di mana kuasa yang diberi kepada Menteri yang berkenaan sangat kuat dan meluas dalam semua bidang dan peringkat bermula daripada struktur pentadbiran sehinggalah ke peringkat kurikulum, kegiatan luar dan dalam, daripada peringkat serendah-rendah prasekolah sehingga ke peringkat tinggi di Universiti, daripada peringkat pensyarah, guru-guru, nazir-nazir sehingga Persatuan Ibu Bapa, pihak kerajaan boleh bertindak mengikut kemahuannya melalui kuasa yang diberi kepada Menteri itu, maka dia bergantung dengan akhlak dan kesedaran Menteri, bangsa Menteri dan agamanya yang boleh berubah bila-bila masa kerana Menteri yang ada sekarang ini tidak kekal, akan berganti, orang yang berubah sikap yang berubah perangnya, yang berubah pendiriannya.

Inilah yang membimbangkan kami. Kami merasa bimbang kerajaan akan bertindak ke atas kelas prasekolah seperti PASTI yang ditubuhkan oleh PAS yang mendapat sambutan hangat termasuk di kalangan orang-orang UMNO sendiri di beberapa tempat di seluruh pelusuk tanah air kerana keberkesanan pendidikan Islam yang dilaksanakan. Tindakan diambil mungkin oleh kenyataan politik secara terang dan kemarahan melulu oleh beberapa pemimpin kerajaan khususnya Perdana Menteri dengan menimbulkan berbagai-bagai cerita negatif untuk menarik perhatian. Sebarang tindakan melalui undang-undang ini adalah satu langkah yang akan dikutuk sekeras-kerasnya kerana ia menghapuskan suatu usaha yang murni yang dilakukan untuk kepentingan Islam, umat dan negara.

Kami merasa bimbang Rang Undang-undang ini akan menjadi senjata ganas untuk bertindak ke atas pondok-pondok dan sekolah-sekolah agama rakyat yang difikirkan oleh kerajaan untuk bertindak ke

atasnya kerana semata-mata kepentingan politik parti Barisan Nasional yang memerintah walaupun ada pengecualian dalam penafsirannya kepada sekolah-sekolah agama sahaja yang menggambarkan betapa pemisahan di antara ilmu dan agama secara sekular.

Menteri diberi kuasa untuk membuat tafsirannya dan melalui bidang kuasanya yang tersendiri. Kepada murid-murid yang bukan Islam tidak boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutinya kecuali dengan keizinan bertulis daripada ibu bapa. Langkah ini boleh menyekat dakwah Islamiah dan mengongkong kebebasan murid-murid untuk mengetahui ajaran Islam. Ini ternyata dalam Fasal 51(b). Murid-murid dikongkong kegiatan mereka dengan suatu pengawasan yang membatalkan hak kebebasan mereka dengan kuasa yang diberi kepada Menteri untuk membuat peraturannya.

Begitu juga guru dan ibu bapa, dikongkong oleh kuasa Menteri membuat peraturannya dalam apa-apa persatuan mereka. Tenaga pengajar diwajibkan mempunyai permit mengajar, tidak mencukupi dengan sijil dan ijazah yang dicapai oleh mereka melalui kejayaan akademik yang telah diiktiraf adalah suatu langkah untuk mengikat dan mengongkong tenaga pengajar mengikut kemahuan kerajaan di mana permit itu boleh dibatalkan bila-bila masa oleh pihak yang berkenaan.

Langkah yang diambil sangat tidak menggalakkan sifat kemurahan menyebarkan ilmu tetapi lebih berusaha ke arah membendung demi kepentingan menjaga kuasa pemerintahan dengan cara kuasa perundangan tanpa mengenal tempat dan keadaan.

Rang Undang-undang ini juga membolehkan Menteri membuat peraturan supaya Persatuan Guru dan Ibu Bapa murid mengandungi mana-mana orang selain guru dan ibu bapa di institusi pendidikan yang berkenaan sehingga boleh melantik orang-orang yang berada di luar daripada memberi peranan secara langsung kepada aktiviti pendidikan. Barangkali mengambil contoh yang berlaku sekarang di beberapa negeri mengikut Enakmen Pentadbiran Agama apabila ahli jawatankuasa masjid dari kalangan orang-orang yang tidak pernah ke masjid. Melantik ahli jawatankuasa Persatuan Ibubapa dari kalangan orang yang tidak ada peranan dan hubungan dalam pendidikan. Untuk apa peraturan seperti ini diadakan? Apakah keperluannya? Seolah-olah kerajaan mahu mengintip dari semua ruang atau mengongkong dari segenap penjuru.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga terpaksa melibatkan pegawai polis untuk menyertai tindakan kesalahan pendidikan seperti yang dinyatakan dalam bahagian kesalahan dan penalti, di



mana melibatkan pegawai polis untuk menyertai tindakan kesalahan pendidikan dengan dimaktub dalam Rang Undang-undang, maka meletakkan kesalahan jenayah pendidikan setaraf dengan merompak dan membunuh adalah suatu cara yang sangat melampau sehingga mengheret pegawai polis dalam perkara yang tidak memerlukan mereka dan memberi kerja lebih kepada mereka dalam perkara yang boleh dilakukan oleh pihak Jabatan Pendidikan sendiri. Langkah ini mengheret negara kita menjadi seperti negara koboi yang wujud di Amerika sebelum menjadi negara maju atau seperti di sesetengah negara Amerika Latin yang masih memerlukan undang-undang seperti ini.

Hukuman yang dijatuhkan ke atas kesalahan pendidikan, denda dan penjaranya menyenaraikan ia termasuk ke dalam kesalahan seperti jenayah yang menakutkan adalah satu tindakan yang sangat keras untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara, yang mahu dipaksa kepada rakyat walaupun masih wujud segala kelemahannya. Sepatutnya kerajaan menjadi insaf dengan kewujudan perkara-perkara negatif yang masih berleluasa di semua peringkat dalam negara ini, dari kalangan rakyat biasa sehinggalah pemimpin atasan, krisis moral, politik dan pentadbiran yang tidak boleh disembunyikan adalah hasil daripada acuan dasar pendidikan yang ada sekarang.

Rang Undang-undang ini tidak menunjukkan perubahan dasar dan sikap tetapi lebih bersifat menambahkan penguatkuasaan dan tambahan-tambahan teknikal walaupun ada sedikit gula-gula untuk orang Islam kerana mata pelajaran Islam menjadi teras tetapi tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan dan menurunkan jumlah bilangan pelajar yang memastikan adanya Pendidikan Islam di sekolah itu.

Rang Undang-undang ini akan lebih menumpukan tekanannya ke atas umat Islam. Ini yang membimbangkan. Yang sedang berada dalam kesedaran untuk kembali semula kepada Islam sehingga tercetusnya berbagai-bagai aktiviti pendidikan bagi menampung kelemahan sistem pendidikan yang ada. Dengan wujudnya berbagai-bagai aktiviti di institusi pendidikan milik kerajaan di samping tumbuhnya secara keinsafan masyarakat sehingga sanggup mendirikan sekolah-sekolah agama rakyat. Sebarang tindakan ke atasnya melalui undang-undang ini adalah satu jenayah agama yang dilakukan oleh kerajaan, yang akan memikul penyesalan kemudian yang tidak akan berguna dan menjadi pembantu kepada golongan anti-Islam di seluruh dunia untuk membendung kebangkitan Islam yang berlaku di negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini ditangguhkan dahulu, tidak diluluskan dan dibincang oleh semua pihak secara menyeluruh dan dipanggil dengan cara yang jujur dan ikhlas sebagaimana kerajaan pernah melakukan persidangan tentang ekonomi melalui MAPEN yang melibatkan semua parti politik di kalangan masyarakat, maka Rang Undang-undang ini boleh juga dilakukan perbincangan secara demikian rupa kerana ia merupakan acuan yang menentukan generasi yang akan datang, yang melibatkan perubahan politik, ekonomi, sosial, ilmu dan segala bidangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bimbang kalau Rang Undang-undang ini menjadi sumbangan kerajaan kepada orang-orang bukan Islam dan bukan Melayu kerana sokongan yang diberi kepada kerajaan dalam pilihan raya

baru-baru ini apabila dilihat ada kelonggaran terhadap sekolah-sekolah jenis kebangsaan, maka inilah yang menggalakkan sokongan wakil-wakil mereka di dalam Dewan ini dan mereka memberi tepukan yang lebih hangat daripada wakil-wakil UMNO.

Maka, kerajaan telah melakukan suatu sikap moral yang sangat rendah dan hina....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ya. Dan menjadi lebih malang lagi kalau menterinya sendiri tidak sedar hal-hal yang seperti ini kerana tidak mengkaji dan membaca dengan cara yang lebih menyeluruh dan mendalam. Sekiranya kerajaan tidak melaksanakan apa yang dicadangkan supaya ditangguh dan dibincangkan dan diteruskan juga, maka kami bagi pihak PAS membangkang dan tidak berhajat untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, sudah habis?

**Tuan Haji Abdul Haji Bin Haji Awang:** Habis.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, atas dua perkara. Pertama, kenapa parti PAS tidak menyertai Majlis Perundingan Pendidikan sebab Yang Berhormat sebut hendak macam MAPEN. Itu satu. Kedua, apakah bezanya pendirian parti Yang

Berhormat dengan pendirian yang dibuat oleh kerajaan berhubung dengan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil? Saya hendak jawab jelas, apakah parti menyokong ataupun tidak. Kalau menyokong, jangan kata kita tidak ambil sikap bertanggungjawab atas perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya telah memberi jawapan tadi, sebenarnya. Biarlah saya ulang balik kepada soalan yang ditimbulkan. Apa yang saya nyatakan tadi ialah jemputan perbincangan yang pernah dilakukan beberapa tahun yang lalu, yang sudah lama. Mungkin orang-orang yang baru ini sudah lupa, jemputan itu. Ianya dilakukan dalam suasana kekalutan politik. Dalam suasana demam pilihan raya, yang tidak tahu bilakah tarikhnya. Dalam suasana beberapa hal yang mencurigai di antara satu sama lain, dalam suasana ini tentulah ianya merupakan suatu suasana yang tidak menggalakkan berlakunya perbincangan yang seperti itu.

Apa yang saya mahu, supaya ia dilaksanakan dalam suasana yang tenang dan PAS menyertai MAPEN daripada awal sehingga akhir dan kita tidak menarik diri dan kita mengemukakan pandangan kita dalam MAPEN dan alhamdulillah, beberapa pandangan itu diterima oleh kerajaan walaupun secara senyap-senyap. Dia tidak sebut cadangan PAS pun tidak mengapa dan kami berterima kasih. Ada beberapa perkara yang diterima dalam MAPEN dan kami mahu supaya masalah pendidikan ini juga diadakan dalam suasana yang sama.

Ada pun sekolah jenis kebangsaan, itu hak mereka untuk mempelajari bahasa mereka kerana di antara tanda kebesaran Tuhan ialah bangsa mempunyai

bahasa masing-masing. Itu hak mereka. Apa yang saya mahu supaya penekanan Bahasa Kebangsaan merupakan suatu penekanan yang bersungguh dan tidak memberi tempat kepada bahasa Inggeris sehingga lebih setaraf dengan Bahasa Kebangsaan. Kita mahu supaya kita boleh menguasai bahasa Inggeris dengan cara yang lebih lancar.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, menteri bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Saya belum habis lagi. Penjelasan saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri atau tidak? Hendak beri atau tidak jalan?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Boleh beri, sekiranya Tuan Yang di-Pertua tambah masa lagi lebih baik. Saya pun setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kalau menteri yang jawab, saya beri.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Ya, boleh, sila.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat kata kita meletakkan bahasa Inggeris sama taraf sebagai Bahasa Kebangsaan di mana ada dalam peruntukan ini kedudukan

bahasa Inggeris sama taraf dengan Bahasa Kebangsaan. Kita tetap dasar bahasa Inggeris adalah bahasa kedua.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Kedua-duanya taraf wajib, Tuan Yang di-Pertua. Taraf wajib. Kedua-duanya adalah mempunyai satu taraf wajib. Inilah suatu keadaan yang berlaku. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Wangsa Maju.

**6.17 ptg.**

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan untuk saya berbahas ini. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan dan Menteri Pendidikan yang telah membentangkan Akta Pendidikan 1995 ini, yang telah lama ditunggu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga masyarakat umum.

Saya mendengar tadi hujah dari Ketua Pembangkang yang merasa kesal dan kecewa tidak diberikan masa untuk meneliti Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan hari ini, mengatakan bahawa tidak ada kesempatan mereka untuk berbincang walhal telah pun dijelaskan beberapa kali bukan sahaja di dalam Dewan ini oleh menteri, bahawa masa untuk kita berbincang perkara-perkara dalam Rang Undang-undang ini telah pun begitu lama. Malah telah mengambil 7 tahun dan 3 Menteri Pendidikan.

Cuba ditimbulkan bahawa apabila kita memberi mereka peluang menyertainya, seperti dalam Majlis Perundingan Pendidikan Negara dahulu,

mereka tidak mengambil kesempatan tersebut malah Yang Berhormat dari Marang tadi, menyebut PAS juga menyertai MAPEN untuk memberi hujah-hujah supaya mendapat konsensus negara.

Saya ingin membetulkan bahawa sebenarnya PAS juga telah menarik diri pada waktu MAPEN dahulu di pertengahan jalan bersama dengan pembangkang lain. Saya mendengar hujah yang menyatakan juga bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan sekarang dalam Rang Undang-undang baru ini, yang tidak berbeza dari tahun 1990 dan juga perkara-perkara berkaitan bagaimana perlunya ada kertas putih berkaitan dengan strategi.

Saya ingin menyatakan di sini sebagai hujah jawapan bahawa adalah hak kerajaan untuk memilih masa, tempat dan cara bagaimana untuk menyampaikan Rang Undang-undang berkaitan perkara-perkara besar negara. Bahawa, apabila Ketua Pembangkang menyingkap sejarahnya sendiri dengan menimbulkan perkara-perkara berkaitan dengan soal bahasa dan soal berkaitan dengan Malaysian Malaysia dan sebagainya dalam tahun 1960-an dan 1970-an. Hanya dalam tahun 1990-an, kerajaan telah melonggarkan dengan liberalisasi kecil, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, maka ini merupakan pengiktirafan dan pengiaian kepada cadangan-cadangan beliau bahawa apa yang dibangkitkan oleh pembangkang pada masa itu tidak tepat pada masanya. Bahawa hanya selepas kita begitu mantap dari segi pembangunan ekonomi dan dari segi kestabilan politik negara, barulah sanggup kita melonggarkan apa yang mungkin tentu akan memecahkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri. Dengan pembentangan Rang Undang-undang ini, kita tidak dapat mengelak dari putaran sejarah sendiri di mana yang dipinda itu adalah Akta Pendidikan 1961 yang merangkum Dasar Pendidikan Kebangsaan yang merupakan intipati kepada Penyata Razak 1956, kedua-duanya hasil sumbangan ayahanda Yang Berhormat Menteri sendiri, iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak selaku Menteri pada ketika itu.

Bagaimanapun, putaran sejarah ini bukanlah satu pengiktirafan penghasilan peribadi semata-mata. Sesungguhnya, ia sebaliknya melambangkan peralihan antara dua generasi yang barang tentu membayangi bagaimana negara dan masyarakat Malaysia sudah berubah dalam tempoh satu generasi itu.

Perkembangan dalam bidang pendidikan dewasa ini dalam era pertumbuhan ekonomi yang begitu rancak dan pengisian wawasan yang sedang dilaksanakan kerajaan menghendakkan satu tindakan yang menyeluruh untuk mengemaskinikan dasar dan undang-undang berkaitan dengan Sistem Pendidikan Negara. Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini telah menghuraikan tuntutan-tuntutan ini dalam Mukadimahnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan pendidikan adalah sensitif dan berat dalam perhitungan kemasyarakatan dan politik negara kita sejak dahulu sampailah sekarang. Tentu sekali sampai masa hadapan pun akan berpanjangan isu sensitifnya soal-soal pendidikan ini dalam masyarakat majmuk dan dalam kedudukan kaum yang masih lagi belum mantap dan berimbang.



Ini jelas dari minat dan response dari pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan dan agenda masing-masing berhubung cadangan pidaan kepada Akta Pendidikan yang wujud. Saya merayu demi kepentingan negara seluruhnya dan generasi yang akan mewarisi kita supaya semua pihak ini dapat mengetepikan perasaan dan kepentingan matlamat mereka yang sempit itu. Sama ada golongan itu mendokong cita-cita venecular atau yang berjuang menegak bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan ataupun pihak yang berlainan pendirian politiknya.

Sebaliknya, mereka haruslah yakin dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang telah mendapat mandat yang begitu besar dalam pilihan raya yang lepas, malah dalam tahun-tahun yang lepas, 10 kali diberi mandat untuk menerajui kerajaan telah membuat dan mengambil perkiraan kehendak-kehendak dan hujah-hujah semua pihak yang telah bertindak dengan penuh tanggungjawab dan amanah dalam penggubalan Rang Undang-undang ini seperti yang diulas oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam beberapa forum dan melalui media massa.

Saya berkeyakinan, malah menyanjung tinggi jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan tidak akan beranjak sezarah pun daripada dasar-dasar yang telah dikenakan dahulu, sewaktu Akta yang lama, dalam konteks pendidikan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu kemusykilan besar yang dibawa oleh golongan venecular mahupun pejuang Bahasa Kebangsaan ialah berkaitan dalam peruntukan Rang Undang-undang ini berhubung dengan soal bahasa pengantar. Pihak bukan Melayu, terutama sekali di

kalangan persatuan sekolah-sekolah Cina bebas, mereka beranggapan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini satu muslihat kerajaan untuk mewujudkan satu bahasa pengantar sahaja dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu - Bahasa Malaysia.

Lebih teruk lagi, ada pihak yang mendakwa bahawa dengan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini serta kuasa yang diberikan kepada Menteri yang begitu luas dalam soal berkaitan dengan soal kurikulum pendidikan negara, syarat-syarat pendaftaran sekolah, kursus dan guru-guru serta sistem peperiksaan dan pengawasan yang mana kesemuanya dilonggokkan ke bahu Menteri Pendidikan sebenarnya bertujuan memastikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini tidak satu hari nanti dapat berfungsi. Inilah antara tuduhan yang menghantui usaha penggubalan Dasar Pendidikan Negara selama ini dan Akta yang akan dipraktikkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini, telah diperuntukkan untuk meyakinkan semua yang terlibat dalam pendidikan sekolah Cina dan lain-lain pihak bahawa peruntukan-peruntukan dalam perenggan 17(1B), 15(1B), perenggan 62(1), perenggan 28 dan perenggan 73 yang jika diambil pada keseluruhannya, termasuk perenggan 17(1) mengenai pengecualian-pengecualian yang boleh diberikan oleh Menteri bahawa semuanya terangkum dalam usaha meyakinkan semua pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak cendekiawan Melayu pula telah mempertikaikan niat kerajaan dalam peruntukan dalam Rang Undang-undang

Pendidikan 1995 ini berkaitan dengan Bahasa pengantar kebangsaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu menjadikan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama mengikut Mukadimah dalam Rang Undang-undang ini.

Dalam perenggan 17(1), “pengecualian boleh diberi oleh Menteri bagi sesebuah institusi tertentu untuk tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Telah berulang kali disebutkan dan dijelaskan oleh semua pemimpin negara bahawa apa yang disebutkan itu tidak sekali-kali berbeza daripada apa yang telah dipersetujui sekian lama tentang dasar pengantar kebangsaan.

Saya kira sudah meyakinkan apabila disebutkan bahawa kerajaan tidak akan beranjak daripada penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama.

Saya yakin bahawa;

- (i) Bahasa Malaysia akan terus mempunyai tempatnya yang tertinggi dalam usaha pembentukan bangsa Malaysia dan mengangkat imej negara di peringkat antarabangsa;
- (ii) Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan memupuk perpaduan negara dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan serta sebagai bahasa rasmi dalam perantaraan kerajaan dan swasta. Bahawa bersama-sama dengan Dasar

Kebudayaan Negara, tujuan utama dan asal itu akan diteruskan; dan

- (iii) kerajaan akan terus meningkatkan taraf Bahasa Malaysia sebagai bahasa sains dan teknologi dan bahasa antarabangsa.

Sebaliknya, bagi bahasa Inggeris, kerajaan telah meyakinkan kita bahawa ianya hanyalah sebagai alat untuk menimba ilmu dan sebagai bahasa pengantar komersil dan hubungan antarabangsa. Maka oleh itu, kalaulah tidak diteruskan usaha sebegini, sungguh paradoxical. Jika sementara ekonomi kita semakin diantarabangsakan bahawa keyakinan dan kebolehan kita terus membuat perhubungan komersil dan perantaraan bahasa dengan cara yang diterima umum ditahankan.

Bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk bidang sains dan teknologi bertujuan untuk membuka segala khazanah ilmu dunia untuk tujuan membangkitkan taraf keilmuan di kalangan bumiputera itu sendiri. Oleh itu, langkah membolehkan bahasa Inggeris digunakan dalam pendidikan yang boleh dikecualikan oleh Menteri tidaklah bercanggah dengan Dasar Bahasa Kebangsaan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyatakan sokongan padu saya kepada kerajaan atas dasar yang termasuk dalam peruntukan Rang Undang-undang ini untuk memupuk dan mengawal selia perkembangan institusi pengajian tinggi swasta melalui peruntukan-peruntukan tersebut.

Kita tahu bahawa IPT swasta sejak 5 tahun kebelakangan ini telah berkembang dengan begitu pesat sehingga mungkin semacam tidak terkawal. Saya berpendapat bahawa IPTS adalah pelengkap kepada sistem pendidikan awam negara di peringkat tinggi serta menengah. Perkembangan pendidikan tinggi swasta dewasa ini mungkin memeranjatkan setengah-setengah pihak. Sebenarnya, penglibatan sektor swasta dalam pendidikan bukanlah merupakan satu fenomena yang baru dan hakikat yang kita hadapi sekarang ini adalah satu perkembangan yang harus kita galakkan, tetapi kawal selia untuk menjurus kepada matlamat negara kita.

Sejak kebelakangan ini pembangunan pendidikan swasta telah berkembang begitu pesat hingga menjadi sebuah industri tersendiri dan memberi peluang bukan sahaja kepada anak-anak watan tetapi juga memberi kesempatan kepada kerajaan membendung pengaliran mata wang keluar apabila kita masih lagi memerlukan tabung dalam negeri itu untuk pembangunan sektor-sektor lain. Dalam hal ini, amatlah penting sistem pendidikan negara disusunsuaikan untuk membantu negara dalam jangka masa panjang dalam menyediakan pembangunan sumber tenaga manusia yang terlatih dan berpendidikan tinggi. Inilah satu isu utama yang memerlukan peranan pendidikan swasta dan yang dibolehkan di bawah peruntukan dalam cadangan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan, ada yang berpendapat bahawa pendidikan swasta seolah-olah menimbulkan suatu persoalan yang lebih merupakan satu dilema antara pembangunan ekonomi dan

keperluan tenaga manusia. Namun, untuk memenuhi pembangunan ekonomi seperti yang disasarkan dalam Wawasan 2020, pendidikan swasta patut dianggap sebagai pelengkap untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud akibat permintaan yang tidak dapat dipenuhi oleh pendidikan awam.

Dalam hal ini juga, dalam masa yang sama, kita harus mencari jalan bagaimana mengimbangi keperluan ekonomi negara dan keperluan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam menggalakkan pendidikan swasta ini dengan keperluan perpaduan negara.

Saya fikir, semacam ada satu dilema yang harus diselesaikan oleh pihak kerajaan melalui penyelarasan pengembangan pendidikan swasta dengan pembangunan pendidikan awam, agar pendidikan swasta tidak menjejaskan keperluan dan kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan. Maka itulah saya menyokong penuh peruntukan dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini yang telah memperuntukkan supaya disatukan di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan mengikuti kurikulum kebangsaan dan juga sistem peperiksaan negara yang satu, antara sistem pendidikan awam dan sistem pendidikan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mencukupi, saya ingin berpindah kepada perkara-perkara yang juga perlu diketengahkan dalam perbincangan ini, bahawa kejayaan Malaysia sejak merdeka ialah menyatupadukan rakyat berbilang kaum yang telah diteruskan dalam konteks wawasan yang dikirakan untuk semua bangsa kita.

Oleh yang demikian, kita perlu mengawasi perkembangan masyarakat dari semasa ke semasa agar unsur-unsur yang boleh memecahbelahkan masyarakat dapat dikawal dan pengawalan ini juga perlu supaya cita-cita Dasar Pendidikan Kebangsaan menjadi teras perpaduan kita itu tidak terabai.

Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini berkaitan dengan penyelarasan pendidikan swasta adalah satu langkah yang bijak untuk tujuan mengelak daripada wujudnya satu sistem pendidikan dwisistem dalam negara kita ini. Di mana satu pihak kita mempunyai sebuah sistem pendidikan awam yang mengikut dasar-dasar yang ditetapkan oleh kerajaan sebelum ini, yang tidak mampu menerima kesemua permintaan dalam negara kita dari semua pihak, yang mencari jalan keluar dengan mengikuti kursus di luar negeri mengikut aliran di luar negeri. Padahal dalam masa-masa kebelakangan ini timbul kolej-kolej swasta yang juga menampung keperluan ini tetapi tidak terselaraskan dengan cita-cita pendidikan kebangsaan.

Pendidikan dwisistem ini lahir dari ketidakmampuan sektor awam dalam menampung permintaan pendidikan tinggi. Ia juga tercetus dari kegagalan kita untuk melahirkan satu sistem yang lengkap di peringkat rendah dan menengah oleh sektor awam dalam soal pendidikan yang lebih menyeluruh mengikut kemahiran-kemahiran bahasa dan juga pendidikan asas seperti dalam bidang sains dan matematik.

Pada asasnya pendidikan dwisistem yang diamalkan ini baik dari segi bahasa atau persekolahan ataupun kurikulum, ataupun golongan yang

mengikutinya antara bukan Melayu dan Melayu adalah satu perkara yang perlu dielakkan dengan penggalakan-penggalakan yang telah pun diumumkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pendidikan dwisistem ini dengan gejala perbezaan-perbezaan, antaranya termasuk bahasa pengantar dan cara-cara subjek-subjeknya dimasukkan ke dalam kurikulum tersebut, maka tentu sekalilah perbezaan dan jurang di antara bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang pendidikan akan bertambah ketara, selain dari perbezaan antara bandar dan luar bandar, antara kaya dan miskin, antara yang berbahasa Inggeris dan yang berbahasa Melayu yang sudah pun sedia ada. Kalaulah gejala-gejala ini tidak dibendung dan diawasi dari sekarang, ia mungkin dapat menimbulkan jurang yang mencetus terus polarisasi etnik, menghalang semangat muhibah dan menyusahakan kesepakatan antara etnik untuk pembentukan satu bangsa Malaysia di masa akan datang.

Maka itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menerima baik cadangan menyatukan kesemua aliran pendidikan ke dalam satu sistem pendidikan kebangsaan dengan satu sistem kurikulum negara dan satu sistem peperiksaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin membincang perkara berkaitan dengan pendidikan teknikal. Usaha-usaha ke arah perindustrian yang lebih pesat dalam proses transformasi ekonomi dewasa ini menuntut kita terus meningkatkan produkiviti dan produktiviti adalah berasaskan kepada kemahiran dan pendidikan



umum kalangan pekerja mahupun penduduk umum. Bahawa jika sistem pendidikan kita tidak kita juruskan kepada peningkatan produktiviti, maka tentu sekali daya saing kita di ekonomi antarabangsa akan terjejas, malah ianya akan melembap dan menjatuhkan pertumbuhan ekonomi yang sekarang ini kita berjaya menerima faedahnya yang begitu baik.

Bahawa perkembangan ekonomi kita dengan pengurusan ekonomi yang begitu baik oleh kerajaan pada masa ini masih berasaskan kepada pengembangan tenaga dan modal dan sekarang ini tenaga buruh semakin keang, semakin berkurangan berbanding permintaan. Manakala pertumbuhan dalam empat lima tahun kebelakangan ini bergantung kepada kemasukan modal asing.

Jika kita mahu meneruskan pertumbuhan kita di masa-masa akan datang, kita tidak lagi dapat bergantung kepada penambahan tenaga kerja sama ada dalam negeri ataupun dari luar negeri. Kita juga tidak dapat bergantung terus menerus kepada kemasukan modal asing yang juga disaingi oleh negara-negara lain yang terus membangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mintalah gulung, ya.

**Dato' Dr. Kamal bin Saleh:** Untuk menggulung, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa peningkatan produktiviti ini memerlukan perubahan-perubahan dalam sistem pendidikan yang dicadangkan dalam peruntukan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Dengan itu, saya sudahi untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senai.

**6.40 ptg.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan tahun 1995.

Tadi, kita telah mendengar hujah-hujah daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Marang.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pendidikan kerana setelah mendengar hujah-hujah mereka. Saya rasa perjuangan MCA untuk mempertahankan bahasa China tidak dapat disokong oleh pihak pembangkang. Sokongan Barisan Nasional ke atas kebebasan pelajaran dan penggunaan bahasa ibunda kepada rakyat Malaysia tidak akan dapat diterima. Jadi, satu Rang Undang-undang Pendidikan tahun 1995 ini tidak akan dapat sokongan penuh di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Kerajaan Barisan Nasional amat peka terhadap keperluan semua komuniti berkaitan dengan isu pendidikan yang seharusnya dilihat sebagai suatu kepentingan negara, maka saya akan menumpukan masa saya untuk membentangkan dua, tiga perkara mengenai SRJK(C) dan Sekolah Menengah Cina swasta dan mengemukakan beberapa cadangan berkaitan dengan dua aspek ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Senai. Tadi, kita mendengar teguran Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan selainnya bahawa kita harus mendapat satu konsensus berkaitan dengan Akta Pendidikan. Tetapi nampaknya apabila Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengkritik, kerajaan tidak memberi sokongan yang begitu hebat kepada pendidikan ibunda, di samping itu juga Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menyatakan beliau menyokong bahawa sekolah-sekolah Cina itu harus dihapuskan - ditutup. Jadi, kalau kedua-dua ketua itu dalam satu gagasan tidak boleh bersetuju bagaimana kita boleh mendapat satu konsensus?

**Tuan Lim Si Cheng:** Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan, kerana Majlis Perundangan, draf undang-undang pendidikan mereka tidak menyertai, mereka tidak sanggup sungguhpun dijemput - tidak mahu. Jadi, ini satu perkara yang bagus dan sebenarnya saya patut juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada rakyat jelata yang memberi sokongan kepada Barisan Nasional. Sokongan dan langkah-langkah yang diambil oleh mereka tepat dan wajar. Jadi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995, Seksyen 21(2) di dalam Akta Pelajaran 1961 yang lama itu boleh menjelaskan kedudukan SRJK(C) tidak wujud lagi.

Rang Undang-undang Pendidikan 1995 telah dimasukkan seksyen yang mengekalkan status SRJK(C), dengan ini akan menghapuskan kekhawatiran masyarakat kaum Tionghua. Saya rasa ini amat menggembirakan masyarakat kaum Cina.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga perhatikan bahawa Seksyen 26(a) Akta Pelajaran 1961 yang akan mempengaruhi status Lembaga Pengelola Sekolah tidak wujud lagi. Seksyen 62(1)(a) dalam Rang Undang-undang Pendidikan yang berbunyi:

“Tiap-tiap lembaga pengurus atau lembaga pengelola institusi pendidikan kerajaan kecuali - (a) sekolah rendah jenis kebangsaan kerajaan yang ditubuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah dibubarkan.....”

Mengekalkan status lembaga pengelola SRJK(C) ini menunjukkan kerajaan mengakui peranan yang dimainkan oleh lembaga SRJK(C) selama ini.

Terima kasih, saya ucapkan kepada kerajaan kerana cadangan dan pandangan MCA selama ini dapat diterima. Usaha mengekalkan status SRJK(C) dan mengakui peranan serta fungsi lembaga pengelola SRJK(C) adalah pendirian dan perjuangan MCA. MCA akan teguh kepada pendirian ini dan MCA akan sentiasa berjuang untuk mempertahankan prinsip ini.

Tadi, kita dengar hujah dari pembangkang yang mengatakan memberikan kuasa yang banyak kepada menteri, takut satu hari menteri ditukar, ini akan menjadi satu isu. Tuan Yang di-Pertua, kita takut menteri itu ditukar kepada parti

daripada parti pembangkang - itu yang kita takut. Kalau menteri ini dipegang oleh Barisan Nasional, perjuangan kita akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua yang saya ingin menyentuh ialah tentang kekhuatiran komuniti Cina mengenai perkembangan sekolah menengah Cina swasta selepas Rang Undang-undang Pendidikan 1995 diluluskan dan dikuatkuasakan. Sistem Pendidikan Bahasa Cina di Malaysia telah wujud selama 170 tahun. Sebelum kemerdekaan pendidikan bahasa Cina pada asasnya adalah ditubuh, dikendalikan dan diperkembangkan oleh masyarakat kaum Cina.

Selepas kemerdekaan pendidikan bahasa Cina dimasukkan ke dalam Sistem Pendidikan Negara. Separuh sekolah menengah Cina tidak setuju dengan Dasar Pendidikan untuk dijadikan sekolah menengah jenis kebangsaan, confirming school wujud sebagai sekolah menengah Cina swasta.

Kita tidak boleh menafikan sumbangan sekolah Cina dari segi pembangunan sumber manusia, peningkatan kualiti rakyat, perkembangan ekonomi negara serta pembangunan masyarakat.

Pada tahun kebelakangan ini, negara kita telah berjaya menarik ramai pelabur asing terutama pelabur dari Taiwan. Selain faktor kestabilan politik, sistem pembelajaran yang liberal dan kebebasan mempelajari dan penggunaan bahasa Cina yang menggalakkan juga merupakan faktor penting.

Sebenarnya kita menggalakkan rakyat belajar dan faham lebih bahasa iaitu dengan adanya kelas bahasa Cina di sekolah kebangsaan, saya rasa tepat dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat 60 buah sekolah menengah Cina swasta dengan bilangan murid seramai 60,000 orang. Masyarakat Cina telah menanggung perbelanjaan pendidikan disebabkan wujudnya sekolah menengah Cina swasta.

Selama 30 tahun sekolah menengah Cina swasta telah berjaya mendidik dan menghasilkan lebih daripada beratus ribu orang murid yang berkemampuan menguasai tiga bahasa, daripada jumlah tersebut saya difahamkan separuh adalah melanjutkan pelajaran mereka sama ada di luar atau di dalam negara. Mereka telah memberi sumbangan besar dalam bidang politik, ekonomi, budaya dan pendidikan, mereka termasuk Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ahli Yang Berhormat dari Taiping, Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Tun Razak, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Serdang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Rang Undang-undang Pendidikan tidak menyatakan dengan tersurat bahasa sekolah menengah Cina swasta boleh terus berkembang. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah memberi jaminan bahawa semua sekolah Cina swasta ini boleh didaftarkan secara tetap. Komuniti Cina menyambut baik jaminan Yang Berhormat Menteri, tetapi mereka berharap jaminan ini boleh dimasukkan dalam peraturan yang saya rasa akan disediakan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk kesemua sekolah menengah Cina swasta yang sedia ada diberi pendaftaran secara automatik dan boleh wujud selama-lamanya, perlu diambil tindakan segera dan diselesaikan secepat mungkin.

Mengikut seksyen 79 Rang Undang-undang Pendidikan 1995, semua institusi pendidikan termasuk sekolah menengah Cina swasta hendaklah didaftarkan. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini terdapat 20 buah sekolah menengah Cina swasta daripada jumlah 60 buah itu mempunyai sijil pendaftaran sementara. Jadi, jaminan Yang Berhormat Menteri pada petang ini sudah tentu boleh dianggap sebagai satu perkara yang boleh dikatakan disambut baik oleh masyarakat kaum Cina dan ini juga akan menghapuskan kekhuatiran masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang mengkhawatiri komuniti Cina ialah tentang kedudukan peperiksaan bersama yang dijalankan oleh pihak Dong Jiao Zong pada masa ini. Kita ucapkan tahniah dan syabas dan berterima kasih kepada Menteri Pendidikan yang juga dapat memberi jaminan dalam perkara ini.

Mengikut seksyen 74 Rang Undang-undang Pendidikan 1995, institusi pendidikan swasta hendaklah mematuhi kehendak kurikulum kebangsaan dan menyediakan murid-murid bagi peperiksaan yang ditetapkan. Menurut seksyen 69A(c) - sesuatu institusi pendidikan hanya boleh mengendalikan peperiksaan ujian atau bentuk-bentuk penilaian lain bagi maksud menilai murid-murid persendirian sungguhpun mengikut seksyen 151 nampaknya peperiksaan bersama

(unified examination) yang telah dijalankan sejak tahun 70-an itu boleh dianggapkan suatu peperiksaan yang telah berdaftar di bawah Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Akan tetapi unified exam ini sebenarnya adalah suatu peperiksaan yang dijalankan oleh pihak Dong Jiao Zong untuk murid-murid daripada 60 buah sekolah menengah Cina swasta dan bukan dijalankan oleh sekolah menengah Cina swasta sendiri. Jadi, ada perbezaannya. Maka sama ada Dong Jiao Zong boleh menganjurkan peperiksaan bersama ini untuk murid-murid sekolah menengah Cina swasta akan menjadi satu isu dan sebenarnya telah menjadi satu isu yang dieksploitasi oleh parti DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan amat peka terhadap keperluan komuniti dalam perkara ini dan beliau telah memberi jaminan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan menjejaskan kedudukan peperiksaan bersama ini. Jadi, adalah perlu supaya peraturan menyatakan bahawa peperiksaan bersama ini boleh dijalankan, diumumkan untuk rujukan masyarakat kaum Cina. Saya berharap supaya cadangan saya ini dapat diterimanya. Ini akan meyakinkan masyarakat Tionghua terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan Tahun 1995 telah menyatakan dengan tersurat bahawa Lembaga Pengurus SRJK(C) tidak perlu dibubarkan sedangkan sekolah menengah jenis kebangsaan, dengan izin, conforming school dan sekolah menengah Cina swasta tidak diberi pengecualian. Ini akan menjejaskan kedudukan Lembaga Pengurus kedua-dua jenis sekolah ini.



Jadi, saya ingin mencadangkan supaya dalam seksyen 62(1)(a) juga dimasukkan sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah menengah Cina swasta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menunjukkan kerajaan kita menghargai sumbangan sekolah cina kepada negara kita, sukalah saya mencadangkan supaya kerajaan memberi bantuan kewangan kepada sekolah menengah Cina swasta untuk terus berkembang dan juga membenarkan pengecualian cukai kepada semua derma yang diberikan kepada sekolah menengah Cina swasta. Sekolah menengah Cina swasta selama ini boleh dikatakan dibiayai oleh derma orang ramai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa bulan yang dahulu telah memberikan RM3 juta peruntukan kepada Sekolah Menengah Cina Swasta Chong Hwa, Kuching dan Sekolah Menengah Cina Swasta Sibul, Sarawak dan juga Yang Amat Berhormat memberikan pujian ke atas peranan yang telah dimainkan oleh sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini menunjukkan sokongan dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional untuk menggalakkan pendidikan Cina terus berkembang. Saya amat berharap tindakan kerajaan ini boleh dikekalkan dan diteruskan.

Seksyen 34(2), Menteri boleh memberikan sumbangan bantuan kepada institusi pendidikan. Untuk membuktikan keadilan kerajaan terhadap semua jenis institusi pendidikan di dalam negara kita, Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus dapat menggunakan kuasa yang diberikan kepada beliau di bawah seksyen ini untuk memberikan peruntukan kepada semua sekolah menengah Cina dari

semasa ke semasa. Mereka amat memerlukan bantuan kewangan kerajaan, lebih-lebih lagi daripada Kerajaan Barisan Nasional yang telah mendapatkan sokongan padu daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendidikan tinggi, saya juga ingin memohon agar kerajaan mempercepatkan kelulusan Kolej Era Baru yang dicadangkan oleh pihak Dong Jiao Zong. Sungguhpun kelulusan kolej ini masih belum diperolehi, akan tetapi permohonan kolej ini telah mendapat sambutan yang begitu baik - derma daripada orang ramai, ahli-ahli MCA di seluruh negara kita ini memberikan sokongan, memberi sumbangan kepada kolej ini.

Jadi, saya minta kelulusan ini dicepatkan kerana mengikut seksyen 71(b) - kecuali mendapatkan kelulusan daripada kementerian, institusi pendidikan tinggi tidak dibenarkan menerima wang derma....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung, ya.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih. Dan mengikut seksyen 72, seseorang yang melanggar seksyen 71 adalah melakukan satu kesalahan dan akan dikenakan denda RM50,000, lima tahun jel ataupun kedua-duanya. Selain daripada itu,

kementerian perlu melatih guru yang mencukupi bagi menampung keperluan sekolah-sekolah dalam negara kita. Kerana masa tidak mengizinkan, saya menyambung ucapan saya, jadi saya terpaksa pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan beban tugas Kementerian Pendidikan adalah amat berat dan penting. Cabaran sistem pendidikan harus ditumpukan kepada pembentukan belia kita supaya berupaya mengikut pandangan dan hasrat untuk mengembangkan nilai-nilai positif masyarakat kita. Dalam masyarakat majmuk kita yang bermoral tinggi, matang, liberal dan bertoleransi, setiap kaum adalah bebas

mengekalkan budaya dan kepercayaan masing-masing. Namun, mereka tetap menganggap diri mereka rakyat Malaysia. Ini harus disemai dalam jiwa generasi akan datang.

Oleh itu, adalah mustahak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Si Cheng:**.....bahawa sistem pendidikan kita dapat mengekalkan perpaduan di kalangan generasi baru itu. Dengan ini, saya menyeru sidang Dewan yang mulia ini memberikan sokongan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar.

#### **7.02 mlm.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengulas cerita pembangkang, inginalah saya mengulas Jaques Chirac berkata, tamadun negara hanya boleh dipertahankan dengan kekuatan senjata dan kelengkapan perangnya. Sebaliknya pula, Dr. Muhamad Wasiullah Khan menekankan, iaitu sejarah manusia telah menjadi saksi bahawa jatuh bangunnya sesuatu kaum atau tamadun berhubung rapat dengan kebolehan, pengeluaran, kebijaksanaan mengguna ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu hanya boleh didapati menerusi pendidikan dan bimbingan yang sempurna - sempurna yang boleh diilham oleh hamba Allah yang penuh dengan kecacatan. Walaupun kita kena berpandu dengan Al-Quran dan Sunnah untuk mendapat bimbingan yang asli di dalam menyesuaikan memenuhi keperluan keadaan masyarakat setempat, cita rasa rakyat yang majmuk, tekanan kemodenan pembangunan negara di dalam masyarakat antarabangsa bersifat global.

Dalam keadaan begitu rumit dan mencabar, tidak ada satu sistem buatan manusia yang boleh memenuhi kehendak dan memberi kepuasan yang menyeluruh kepada semua orang. Sejarah gemilang Yunani, Athenia, Rome, Yahudi dan Arab yang penuh dengan ilmu pendidikan falsafah, matematik, fizik, astronomi, sains dan sebagainya boleh dibuat menjadi satu teladan ataupun sempadan. Orang Yunani kuno menumpukan penekanan kepada persoalan penghormatan dan kemegahan daripada kebaikan. Kacukan daripada pemikiran dualisme Plato yang diwarisi dari Pythagoras tidak boleh membentuk manusia yang

sempurna di dalam masyarakat yang Utopia dicari-cari oleh Plato. Walaupun kejayaan Plato di bidang falsafah pemikiran abstrak dan logik, gambaran undang-undang adil dan saksama di dalam negara Utopia tidak boleh dinafikan. Tetapi dalam keadaan serba maju dan mencabar dalam mengatasi karenah masyarakat yang tidak lagi dibendung oleh kelas dan berlain peringkat, sama ada di dalam negara atau antarabangsa, prinsip ini tidak lagi relevan.

Begitu juga Confucianisme sebagai falsafah unggul Timur, walaupun banyak keindahan terutama sekali unsur taat setia, hormat kepada ibu bapa, patuh kepada pemerintah adalah sangat-sangat menarik. Tetapi dalam konteks dunia moden dan cita rasa masyarakat, sebarang regimnya adalah sangat ketat dan tidak berkompromi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar pihak DAP mengatakan bahasa Cina atau bahasa Tionghua yang mereka championkan beberapa tahun, sekarang baru diberi nafas oleh pihak kerajaan. Dengan sendirinya pihak DAP telah mengambil kredit atas apa yang dirancang dan dibuat oleh pihak kerajaan. Pihak Semangat 46 mengatakan bahasa Melayu mesti diberi satu tempat. Makna tempat diberi oleh pihak kerajaan dalam Akta ini juga pihak Semangat 46 mengambil kreditnya sendiri, walaupun dalam masa yang sama Semangat 46 mengatakan yang sepatutnya bahasa Cina ataupun tidak sepatutnya diberi tempat sebagaimana yang diberi oleh Akta yang kita bahaskan ini. PAS walaupun hampir sama dengan Semangat 46, hampir-hampir mengatakan bahasa Tionghua sepatutnya disisih sama sekali.

Jadi, nyata sekali, Tuan Yang di-Pertua, semua pendapat-pendapat dari pihak Semangat 46 dan PAS bercekaru, tidak tentu hala dan haluan. Semuanya membawa jalan dan haluan mereka sendiri, bersyarat berlandaskan naluri politik mereka sendiri. Tetapi tidak disangka mereka yang Akta ini telah memberi semua kehendak-kehendak, kepentingan-kepentingan tiap-tiap masyarakat di Malaysia ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyebut apa yang ketua pembangkang telah sebutkan tadi, iaitu semasa tahun 1990 dijemput menghadiri majlis consultation di antara semua kaum. Tetapi pihak pembangkang dengan angkuhnya tidak mahu hadir dengan memberi syarat-syarat yang tertentu. Mereka memang sedar yang mereka tidak akan hadir kalau syarat itu tidak ditunaikan. Ini keangkuhan DAP menunjukkan mereka telah mengdictate term kepada pihak kerajaan, baru mereka boleh mengikut bersama jawatankuasa tersebut .

Jadi, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, keengganan dan ketidakhadiran pihak pembangkan di dalam jawatankuasa tersebut adalah agenda politik semata-mata. Bukanlah mewakili rakyat Malaysia yang mereka wakili, untuk memperbaiki keadaan dan sistem pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, biarlah saya beralih dengan cepat yang boleh. Memang tidak boleh dinafikan Akta Pendidikan ini boleh menjadi satu teraju boleh membantu kita keluar daripada dilema yang telah disebut oleh pihak DAP, khasnya dan Semangat 46 tadi. Bahasa Melayu telah diterima dan diberi satu martabat bangsa, sumber ikatan perpaduan negara yang semenjak dahulunya masih perlu sangat diberi peranan yang amat suci ini kepada bahasa Melayu.

Sebagai tokok-tambah, Tuan Yang di-Pertua, kita pelajari bahasa lain, bahasa Inggeris, bahasa Tamil, Cina, Iban, Jepun, Arab dan sebagainya kerana keperluan semasa, kerana keperluan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, PAS menyatakan kenapa tidak kita gunakan bahasa Melayu sahaja sebagai satu-satunya bahasa yang unggul dan tidak ada disaingkan dalam bahasa ini. Dia katakan pula kenapa Jepun boleh maju, kenapa pula Jerman boleh maju, kenapa pula Indonesia boleh maju tanpa menggunakan bahasa lain, tetapi tidak melihat keadaan di Jepun, di Jerman dan di Indonesia, di mana masyarakatnya adalah 'homogeneous,' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bukan macam Malaysia yang mana kita mempunyai tidak kurang daripada 30 bahasa, bangsa dan etnik yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, 9,000 orang Penan di Sarawak merasa mereka tersisih. DAP telah melaung-laung kita tidak melihat kepentingan mereka. Di sini kita melihat kepentingan semua etnik. DAP juga melaung-laungkan, PAS juga melaung-laungkan, tetapi laungan mereka adalah laungan celaru, Tuan Yang di-Pertua.

Kita ingin menuntut dan mengaji semua ilmu, bahasa dan sebagainya, kerana Islam menuntut kita belajar ilmu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun sampai ke negeri Cina. Maknanya, kita belajar bahasa Cina, Tuan Yang di-Pertua, Hadis sudah sebutkan. Belajar berterusan hingga ke liang kubur. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini membawa banyak kesangsian terutama di kalangan DAP, Semangat 46 dan PAS. Tetapi, kesangsian mereka adalah tidak berasas kerana kita lihat dengan jelas dalam preamble ataupun mukadimah undang-undang ini telah menentukan dasar yang mungkin tidak akan dapat diterjemahkan sesiapa melainkan merujuk semula kepada mukaddimah undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin kita akan berjaya membina tamadun kita sendiri atas semangat dan ketabahan kita sendiri. Tidak dengan bulat-bulat mengikut Barat, Timur dan Utara. Insya-Allah, sejarah akan mencatatkan detik hari ini sebagai Revolusi Pendidikan Negara yang akan membawa haluan dan mencapai haluan kita untuk mencapai matlamat wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menjelaskan kedudukan bahasa Melayu, kerajaan juga telah menentukan bahasa Cina dan Tamil bersama-sama bahasa kaum asli lain yang telah diberi tempat tersendiri disamping mengekalkan kedudukan *status quo* kepada pendidikan pengajian Cina dan Tamil, kerajaan juga telah memberi satu mekanisme untuk mendidik dan mengajar bahasa etnik lain di sekolah-sekolah negara ini. Dengan keadaan demikian, segala kesangsian dan laungan oleh pihak pembangkang dan sceptic yang lain adalah tidak berasas.

Saya berani mencabar semua pihak yang berpendirian sedemikian untuk mengenali dan mengetahui keadaan di negara-negara jiran kita yang dekat sama ada di Indonesia, Thailand ataupun Filipina, bukan dalam konteks mengkritik negara-negara jiran tetapi sebagai bahan bandingan memberi jawapan yang ikhlas terhadap dasar dan haluan matlamat pendidikan negara kita. Penerapan kaum kadang-kadang nampak begitu ketara sekali hingga menunjukkan satu masyarakat yang homogeneous bukan majmuk. Ini berlainan sekali di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat pendidikan serantau, kerajaan juga dengan tidak teragak-agak menggubal dasar dalam Akta ini dengan membolehkan universiti atau institusi swasta diwujudkan. Selaras dengan itu, dasar penswastaan kerajaan juga disirat bersama supaya universiti yang sedia ada atau yang bakal ditubuh oleh kerajaan mempunyai pentadbiran yang lebih bebas, tidak terkongkong sangat dengan peraturan-peraturan pentadbiran kerajaan sebagaimana yang ada sekarang, dengan harapan agar pentadbiran institusi dan universiti nanti lebih cekap menarik dan liberal untuk memenuhi cita rasa rakyat terkini untuk membolehkan institusi berkenaan membuat peraturan, struktur dan pentadbiran mereka sendiri dan mewujudkan daya saing yang diperlukan. Ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan, tarikan kemasukan ke institusi tersebut.

Kemasukan pelajar ke mana-mana institusi mungkin tidak lagi menerusi peralihan yang ditetapkan oleh kerajaan atau mana-mana agensi selain daripada keupayaan akademik yang dikhususkan oleh institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, kita mesti akur keperluan dan keutamaan mesti masih diberi kepada bumiputera agar bumiputera tidak tersisih dari memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi mungkin kemasukannya begitu kompetitif dalam keadaan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan dasar ini, saya ingin menyingkap pengalaman negara Amerika yang mungkin relevan. Mengikuti kajian yang berlaku di dua tempat di Amerika Syarikat iaitu satu sistem dikatakan kebebasan memilih, ada salah seorang pembangkang tadi menyebut ataupun satu lagi, apa dia katakan voucher sistem berlandaskan tarikan pasaran dan tarikan kemudahan yang wujud di sekolah awam mendapat keputusan yang sangat cemerlang. Umpamanya di East Harlem di New York, di mana sekolah-sekolah yang terburuk bukan sahaja bangunan tetapi juga keputusan akademik bertukar menjadi tempat penghijrahan penuntut dan guru apabila alternative school, dengan izin, diilhamkan melaksanakan voucher kerajaan yang diberi kepada murid-murid dibebaskan untuk diguna di mana-mana sekolah pilihan mereka sendiri.

Begitu juga di Minnesota yang mana sekolah-sekolah kerajaan menjadi satu kebanggaan walaupun kurang tarikan dan prestasi akademik yang baik apabila sistem kebebasan memilih dan voucher bebas diwujudkan, kini prestasi akademik meningkat. Kejayaan ini telah menarik perhatian banyak negeri di Amerika Syarikat termasuk Arkansas, Montclair, New Jersey, Seattle, San Jose, berpuluh lagi seperti Ohio, Nebraska, Idaho, Utah, Massachusetts, California, Washington dan Colorado ingin mencontohi apa yang dibuat di Minnesota. Walaupun, kebanyakan negeri tersebut mempunyai kebebasan memilih sekolah tetapi tidak mewujudkan persaingan secara bebas yang dibuat di Minnesota.

[Tuan Ong Tee Keat *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kebebasan memilih ini saya ingin menyebut kuasa Menteri di bawah undang-undang pendidikan. Di sinilah letaknya kuasa Menteri mesti digunakan supaya the market force berlandaskan apa yang dibuat di Minnesota di Amerika, yang dibuat di New Harlem di New York itu tidak menjadi satu pilihan pendidikan negara kita kerana ada pengkritik mengatakan yang di dalam kita mencari kebebasan kepada institusi dan mentadbir, melaksana akademik tarikan pendidikan kita juga mesti akur yang kesan sebaliknya mesti berlaku iaitu yang kaya dan mampu akan berupaya membeli the best education money can buy, dengan izin, akan memilih sekolah-sekolah yang terbaik untuk anaknya.

Yang kedua, yang miskin, ada yang tidak berkemampuan akan tersisih di sekolah yang sederhana, kurang prestasi dan dalam hidup segan mati tidak mahu.

Di sinilah letaknya kuasa Menteri Pendidikan supaya kritikan-kritikan dan kesangsian yang disebut di dalam Gallop Halls 1988 di Amerika itu tidak berlaku kepada sistem pendidikan yang kita buat di sini. Dengan itu juga, masyarakat terbahagi dua berlandaskan sumber kewangan itu sekolah murid-murid yang kaya dan sekolah murid-murid yang miskin. Kesan utama ialah dasar kerajaan memberi pendidikan dan mewujudkan arena sama untuk semua kaum dan kedudukan akan terjejas. Integrasi nasional dalam menyatukan semua etnik di arena pendidikan

dan sosial juga akan hilang. Kita akan hilang kemampuan untuk memahami dan memberi kepastian kepada masyarakat yang berbeza. Dengan itu kita akan hilang peluang untuk memberi pertolongan kepada yang perlukan pertolongan.

Berlandaskan sebab-sebab yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada pihak Menteri agar kebebasan tidak mendorong orang membuat keputusan sebagaimana yang mereka mahu berlandaskan keuntungan kewangan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya berpendapat, Akta ini akan memberi sumber kuasa dan mekanisme untuk kerajaan, mengawal selia dan menjaga yakni dengan tidak secara langsung perjalanan matlamat institusi pendidikan yang wujud di negara ini nanti agar tidak menyeleweng atau di selewengkan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Untuk menggulungkan perbahasan saya, ingin saya menyeru supaya pendidikan prasekolah bukan sahaja perlu didaftar dengan kementerian tetapi juga diluaskan ke luar bandar.

Yang kedua, sekolah luar bandar mestilah diberikan kemudahan rekreasi, riadah, perpustakaan, bilik asrama yang cukup. Sekolah luar bandar mesti diberi kelas, bilik sumber dan asrama guru yang cukup dan wajar dengan kedudukannya. Alat-alat kelas yang mencukupi. Sekolah luar bandar jangan dibuat sebagai satu



tempat buang daerah kepada guru yang kurang prestasi, halaman pengajian amali untuk guru yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Akta ini, saya percaya kita akan berjaya kerana di bumi Malaysia, saya percaya kita akan mengecapi sinaran cahaya matahari untuk semua di bawah langit Malaysia dan ada cukup ruang dan peluang untuk semua di bumi Malaysia. Keadilan, pendidikan dan kesaksamaan akan dijamin hak untuk bersama dan matlamat dan tujuan kerajaan menggubal Rang Undang-undang ini akan mencapai matlamatnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**7.21 mlm.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, sejarah pendidikan negara kita, kita lihat yang menjadi asas untuk menggubal dasar pelajaran bermula daripada Laporan Burns yang dikemukakan pada tahun 1951. Walaupun ianya menjadi kontroversial tetapi ianya menjadi asas kepada Laporan Razak 1956 dan juga Laporan Rahman Talib dalam melahirkan Akta Pelajaran 1961.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, kita boleh lihat dengan jelas tentang pindaan akta ini yang ketua kami telah memberi pandangan tadi. Saya hanya akan memberi pandangan tambahan dalam Parlimen ini.

Pada sidang yang Pertama, selepas pilihan raya tahun 1994, ketika membahas Titah Di-Raja, Ketua Pembangkang yang juga Setiausaha Agung DAP mengatakan bahawa DAP berasa lega walaupun kalah dalam pilihan raya begitu

teruk tetapi DAP yakin bahawa perjuangan mereka telah pun mencapai kejayaan. 20 tahun hasil daripada perjuangan mereka, kerajaan telah mula mengambil perhatian terutama di sudut kelonggaran bahasa dan juga di sudut Malaysian Malaysia.

Hari ini pula, bila dibentangkan Akta ini, kita lihat wakil-wakil MCA pula bertepuk dengan gemuruh tanda kejayaan mereka. Bagi saya bahawa Akta ini adalah Akta kejayaan DAP dan MCA dan UMNO terpaksa tunduk dan berterima kasih kepada MCA yang telah mendapat kemenangan yang besar dalam pilihan raya tahun 1995 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini sudah tentulah gembira di sebelah pihak tetapi ia menjadi renungan di pihak yang lain. Kita tahu bahawa di zaman penjajah, ketika British menjajah ketika itu, melahirkan aliran pengajian yang mereka anggap boleh meneruskan perjuangan mereka untuk menjajah negeri ini. Orang-orang Melayu dan orang-orang Islam ketika itu menyelamatkan diri mereka dan akidah mereka. Golongan yang miskin di pondok-pondok, di institut-institut pengajian pondok di mana kalau di Seberang Prai, Kedah dan juga Perlis, Kelantan, Terengganu, lima, enam batu kita akan dapat satu pondok kerana melalui pondok inilah kekuatan akidah dan pelajaran umat Islam dapat dipertahankan.

Selepas merdeka pula, kita lihat pelajaran terbahagi kepada beberapa aliran. Di antaranya aliran Melayu, aliran Inggeris, aliran jenis kebangsaan Cina, aliran Tamil dan aliran tradisi iaitu aliran pondok terus kekal. Dasar pelajaran

dikemukakan dengan begitu baik di atas kertas oleh kerana kuasa menteri menentukan arah perjalanan satu dasar pelajaran. Masa Allahyarham Tun Razak, masa Allahyarham Rahman Talib memang orang-orang Melayu terutama sekali ada harapan bergantung kepada menteri yang seperti itu.

Di bawah Akta yang sama, dapat seorang menteri yang agak lemah iaitu Encik Mohd. Khir Johari. Kita lihat beberapa perkara di dalam pendidikan telah slack, pelajaran jawi tidak ditekankan, pelajaran agama tidak ditekankan bahkan pada waktu itu, pelajar-pelajar wanita Islam yang bersenaman dikehendaki memakai shorts, seluar pendek dan sebagainya. Ini kita tekankan bahawa walaupun akta yang sama tetapi menteri yang berlainan boleh membawa natijah yang berlainan, keadaan yang berlainan kepada sesuatu negara dan kepada suatu masyarakat.

Selepas itu, kita lihat oleh kerana berbagai kaum dan puak tidak berpuas hati, muncullah terjadi peristiwa 13 Mei di mana pada waktu itu, munculnya yang digelar pelampau-pelampau Melayu yang diketuai oleh Perdana Menteri sekarang, yang disebut oleh Perdana Menteri pada waktu itu, Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai ultra Malay atau pelampau Melayu dan PAS dituduh mengapi-apikan dan pelampau Melayu pula bertindak dengan menimbulkan semangat perkauman dan juga chauvinis Cina yang menebal pada ketika itu, jadilah peristiwa 13 Mei.

Kita semua tahu bahawa Akta Pendidikan seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi iaitu bahawa pada waktu itu, bila disebut sahaja bercakap soal

sekolah Cina, mereka dianggap sebagai pro-komunis ataupun pro-kiri. Oleh itu, pada waktu itu, Akta Pendidikan diwujudkan seolah-olah untuk membendung kegiatan komunis yang dianggap boleh masuk dalam sekolah-sekolah Cina kerana di situ aliran menebal chauvinis mereka dan juga kejayaan mereka dalam peristiwa Bintang Tiga yang berjaya memerintah Malaya selama 14 hari.

Oleh itu, ucapan pemimpin-pemimpin negara memang ke arah itu. Pemimpin-pemimpin negara meletakkan bahawa pada waktu itu, komunis dan puak kiri yang dianggap paling merbahaya. Selepas 13 Mei, keadaan itu telah berubah. Paradigmanya telah berubah. Kita lihat selepas 13 Mei, muncul pula aliran kebangsaan dan jenis kebangsaan.

Pada waktu itu, kita lihat keyakinan orang-orang Melayu kepada sistem pendidikan begitu ketara sekali sehingga pondok-pondok mulai ditutup. Orang-orang Melayu tidak lagi menghantar anak mereka ke sekolah pondok kerana dianggap pengajian pondok tidak ada masa depan. Yang tinggal hanyalah beberapa buah pondok seperti Pondok Lanai di Kedah, Pondok Sungai Durian di Kelantan, Pondok Pasir Tumbuh di Kelantan dan beberapa tempat yang lain di utara Perak. Aliran kebangsaan mendapat tempat dan jenis kebangsaan bertarung untuk mempertahankan kekuatan dan kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selepas tahun 80-an, kita lihat suasananya berubah di mana pada waktu ini, selepas tahun 80-an, pemimpin-pemimpin negara tidak lagi bercakap bahayanya komunis bahkan pemimpin negara mengatakan PAS lebih merbahaya daripada komunis. Ucapan-ucapan mereka sering ke arah itu. Dalam Perhimpunan Agung parti pemerintah, parti UMNO, kita lihat kritikan kepada golongan pelampau agama yang ditujukan kepada PAS begitu ketara sekali.

Oleh itu, kami melihat bahawa Akta Pendidikan 1961 boleh ditafsirkan sebagai membendung kegiatan komunis. Akta Pendidikan 1995 untuk membendung PAS dan kebangkitan Islam di negara ini. Ini yang lebih ketara bila

kita lihat sebab Dasar Pelajaran Kebangsaan selepas 13 Mei memang orang-orang Melayu berasa yakin di atas dasar pelajaran tersebut. Tetapi lama-kelamaannya, produknya dapat dilihat di mana keruntuhan akhlak begitu menjadi-jadi, penagihan dadah dan berbagai-bagai perkara yang lain lagi. 35% anak-anak Melayu remaja yang mengakad nikah, tidak tahu mandi hadas, tidak tahu bersembahyang dengan betul dan tidak tahu mengucap dan istighfar dengan betul.

Maka, orang-orang Melayu dan orang-orang Islam nampak Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak melahirkan insan yang sempurna, sebaliknya melahirkan warganegara yang dikehendaki.

Menurut Profesor Syed Naquib Al-Attas, dasar pendidikan mestilah melahirkan insan yang sempurna, bukan warganegara yang sempurna. Seorang warganegara yang pergi ke tempat judi, pergi ke kelab malam, ianya yang dilesenkan, dia masih dianggap sebagai warganegara yang sempurna. Tetapi insan yang sempurna tidak boleh ke tempat itu kerana ia dilarang oleh agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kekecewaan kepada dasar pelajaran itu menyebabkan di tahun 1980-an, orang Melayu dan orang Islam kembali mencari pelajaran agama. Pondok-pondok tumbuh kembali. Pondok Pasir Tumbuh, misalnya sekarang pelajarnya melebihi 3,000 orang. Begitulah juga pondok-pondok Lanai yang lengang begitu lama, sekarang ini dipenuhi oleh pelajar-pelajar. Ada pula pondok-pondok baru yang dibuka sekarang ini. Sekolah-sekolah rakyat tumbuh seperti cendawan. Walaupun guru-gurunya yang mengajar dari lepasan universiti dan gajinya RM500 atau dua-tiga ratus, tetapi mereka sanggup

untuk membimbing anak-anak Melayu dan anak-anak Islam semata-mata mereka mahu mereka ini menjadi insan yang sempurna.

Begitulah juga pendidikan prasekolah. Kita lihat yang ditubuhkan oleh ABIM dan PAS mula mendapat sambutan dan menyaingi prasekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan. Di Tanah Liat, misalnya di Permatang Pauh, bila penggal baru dibuka untuk prasekolah, Tabika kerajaan mendapat 3 orang penuntut, tetapi PASTI yang dianjurkan oleh PAS mendapat 75 orang penuntut. Anak-anak, termasuklah anak-anak mereka yang di peringkat UMNO bahagian dan Ketua-ketua Cawangan, apabila dipilih anak mereka untuk dihantar ke sekolah PASTI atau Tabika, mereka memilih PASTI. Begitulah juga anak-anak pegawai polis, anak guru besar serta anak majistret dan hakim. Sehingga sekarang ini, 700 buah PASTI ada di bawah kelolaan PAS di mana gaji gurunya RM150 hingga RM250 sahaja, tetapi mereka sanggup berkorban. Ibu bapa sanggup berkorban kerana mereka lihat Tabika kerajaan tidak dapat memuaskan selera mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah pula tumbuh seperti cendawan. Sekolah Darul-Ulum, Sekolah Al-Hirak, Sekolah Al-Amin, Sekolah Darul-Quran, Sekolah Darul-Taqwa dan Madinatul Ilmi. Ini adalah sekolah-sekolah swasta sepenuhnya yang tumbuh sekarang ini kerana kekecewaan umat Islam terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan yang tidak melahirkan insan yang sempurna.

Sekolah-sekolah yang mendapat bantuan kerajaan tumbuh dan mendapat sambutan begitu hebat seperti Sekolah Pak Ya Junid dan Sekolah Pak Man. Kedua-dua sekolah ini penuntutnya seramai 3,000. Sekolah Ihya As-Shariff,

Yahyawiah, Perak, Ma'ahad Tarbiyyah Islamiah Batu 8, Trong, Institut Berakan, Darul-Falah dan Al-Masriah, sekolah-sekolah ini mendapat sedikit bantuan kerajaan, tetapi penekanan agama yang ditekankan menyebabkan sekolah-sekolah ini mendapat sambutan yang begitu hebat. Kita lihat bahawa gerak laku ataupun motif suatu akta itu dikemukakan, ia bersangkutan-paut dengan gerak cara parti pemerintah. Dalam Perhimpunan Agung UMNO misalnya, Perdana Menteri atau perwakilan menimbulkan ada pelajar di PASTI yang memijak gambar Perdana Menteri dan juga pandangan-pandangan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, "perlu kawalan terhadap sekolah-sekolah agama kerana ianya menjadi sarang kepada kader-kader PAS sekarang dan akan datang".

Selepas itu, keluar Akta ini dan kita lihat kuasa Menteri untuk menentukan segala-galanya. Kuasa Menteri begitu ketara sekali. Saya tidak sebut nama Menteri itu sama ada Yang Mulia Dato' Seri Haji Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak atau sesiapa, tetapi kuasa Menteri. Menteri boleh berubah bila-bila masa apabila berlaku rombakan Kabinet. Saya sebut tadi, walaupun Akta Pendidikan 1961 begitu baik, tetapi adanya Menteri seperti Encik Khir Johari telah berlaku kelam-kabut dalam pendidikan. Tambahan pula sekarang ini kuasa Menteri begitu jelas. Maka, sewenang-wenangnya Menteri tersebut boleh mengambil tindakan.

Dalam Akta ini juga jelas diperkatakan bahawa jikalau sesuatu daerah itu ada satu pusat pendidikan, maka pihak Menteri menentukan sama ada boleh membuka institut pengajian ataupun tempat pendidikan yang lain atau tidak.

Ertinya, apabila ada di sebuah kampung itu sebuah Tadika, maka PASTI tidak akan boleh dibuka lagi atau pendidikan Islam tidak boleh dibuka lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang kuasa Menteri. Saya hendak bertanya, siapa patut dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawasi peruntukan-peruntukan dalam Akta ini kalau tidak Menteri? Adakah kena beri kepada Guru Besar? Sewajarnya Menteri yang bertanggungjawab, sewajarnya kuasa diberi sebab dari segi transparencynya, dia bertanggungjawab kepada rakyat dan kepada Dewan. Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, memanglah Menteri itu berkuasa, tetapi mesti ada satu jawatankuasa di peringkat Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah itu sebelum peringkat Menteri dan sekarang ini Menteri berkuasa segala-galanya. Tafsiran Menteri menentukan untuk membuka atau menutup sebuah sekolah. Memang Menteri akan memberi jaminan bahawa Menteri tidak akan melakukan demikian. Begitulah juga Akta ISA. ISA semasa dibahaskan, Menteri memberi jaminan hanya akan digunakan untuk komunis. Jaminan Menteri tidak termasuk dalam Akta. Akta yang bertulis itu yang dipakai.

Jaminan Menteri - memang mereka boleh bercakap. Sekarang begini, di bawah Yang Mulia Dato' Seri Mohd. Najib bin Haji Tun Abdul Razak. Tak



apalah dia beri jaminan, tetapi selepasnya, siapa? Kalau naik orang yang di belakangnya dikuasai oleh korporat, boleh dibeli oleh korporat, Menteri Pendidikan itu amat berharga untuk menentukan Dasar Pendidikan Negara kita pada masa yang akan datang. Ini bahaya - kuasa Menteri yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa tak banyak, jangan ganggulah hari ini, tolong. Jadi, kita lihat aliran-aliran sekolah seperti ini mendapat sambutan dan juga pada masa yang sama kita lihat belum lagi Akta ini diberi keizinan hitam-putih, telah tumbuh, misalnya kolej-kolej swasta yang begitu hebat. Apabila kita pergi ke Subang Jaya ataupun kita pergi ke Petaling Jaya, kita lihat sekolah-sekolah swasta sekarang, apabila pelajarinya keluar pukul 5.00 petang atau pukul 6.00 petang, kita sudah terasa bahawa negara ini adakah masyarakatnya masyarakat majmuk lagi?

Orang Melayu terlibat di sekitar 10% ataupun 15% sahaja, itu pun mengambil kursus-kursus yang dianggap begitu rendah. Tambahan pula pengiktirafan secara hitam-putih terhadap kolej-kolej swasta ini, maka sudah tentulah aliran pelajaran pada masa yang akan datang akan berlaku dua pola yang kita lihat merbahaya kepada Malaysia. Pandangan ini juga dikemukakan walaupun tidak secara direct, tetapi disebut oleh saudara saya dari Wangsa Maju tadi. Kita boleh lihat daripada Barisan Nasional juga ada kebimbangan masalah dua aliran ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini, tambahan pula selepas ini berlaku pula pengkorporatan universiti. Tidak dapat dielakkan, bila disebut pengkorporatan,

syarikat akan mentadbir suatu institut pengajian tinggi. Sekarang pun kita sudah lihat bila rumah-rumah yang mewah dibina, diperuntukkan kepada bumiputera 30%. Dalam masa 6 bulan, rumah itu tidak laku. Menteri Besar Negeri Kedah pun mengumumkan dalam Dewan Undangan Negeri iaitu orang bukan bumiputera dijadikan bumiputera untuk membolehkan mereka membeli rumah tersebut. Apakah ia juga akan terjadi kepada pelajaran nanti iaitu apabila institut pengajian tinggi diswastakan nanti, orang Melayu tidak mampu, maka kuota untuk Melayu itu diMelayukan dan dibumiputerakan orang bukan Melayu? Ini.....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dia memberi tafsiran yang boleh mengelirukan rakyat sebab pengkorporatan universiti tidak melibatkan badan korporat mengambil alih universiti, universiti tetap hak milik kerajaan. Itu sahaja. Jadi, itu perkara pokok. Jadi, jangan beri tafsiran yang berbeda.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih, Dato' Seri. Itulah juga tafsiran awal bila penswastaaan MAS, penswastaaan HICOM. Akhirnya hak milik individu sekarang. HICOM telah jadi hak milik individu, MAS telah jadi hak milik individu. Apakah universiti juga suatu hari kelak tidak boleh menjadi satu badan perniagaan individu bila ianya korporat? Itulah, sebab nawaitunya ialah "untung". Ya, mungkin Menteri Pendidikan gelek kepala, sebab Menteri Pendidikan tidak setuju tetapi kalau Menteri Pendidikan yang lain setuju nanti. Merbahaya!

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa apa yang berlaku kita dapati di bawah Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, walaupun beliau telah "membelasah" saya 15 minit 50 saat dalam Perhimpunan Agung UMNO, bukanlah tujuan saya hendak jawab "belasah"nya itu. Tetapi kita lihat di bawah pemerintahannya, negara semakin menuju kepada dictatorship di mana...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun. Tetapi Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak minta penjelasan sedikit. Apa yang dibelasah oleh Perdana Menteri itu? Hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ada berapa minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu Yang Berhormat. Nanti dulu Yang Berhormat. Sabar. Masa untuk Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tidak mahu jawab yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tidak mahu jawab yang Perdana Menteri belasah saya, sebab saya tidak dapat live telecast. Dia hentam saya, dapat live telecast. Saya jawab balik, tidak dapat live telecast. Buat apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa yang dibelasah itu? Sebab Dewan yang mulia mungkin tidak faham apa yang dibelasah itu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kes khalwat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kes khalwat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha! Itu dia. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebab dia hendak bebaskan Rahim Thamby Chik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nanti saya jawab lagi banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya. Ya. Jadi, yang pertama berjaya menundukkan kuasa Raja. Yang kedua, berjaya menundukkan kuasa kehakiman. Yang ketiga, berjaya menundukkan kesatuan sekerja. Sekarang ini pendidikan pula dapat ditundukkan dan pendidikan sekarang diletak di bawah ISA. Tambahan pula pihak polis sekarang, Inspektor ke atas boleh masuk mana-mana tempat jikalau disyaki sesuatu tempat itu menjalankan aktiviti yang boleh mengancam

keselamatan negara. Selalunya keselamatan negara ditafsir mengancam keselamatan pihak UMNO. Maka pihak polis boleh masuk menggeledah, maka sekarang ini dasar pendidikan diletakkan di bawah ISA, di bawah tafsiran Menteri, kongkongan Menteri dan ini merbahaya terutama sekali kita lihat dalam akta ini memberi kebebasan yang begitu hebat kepada orang yang mampu. Sedangkan bumiputera kita tahu menguasai ekonomi di sekitar 19%. Itupun masuk Tabung Haji, MARA dan perbadanan-perbadanan negeri, ekonomi orang-orang Melayu atau bumiputera hanya di sekitar barangkali di peringkat individu 9% atau 10% sahaja.

Dalam keadaan begini, pendidikan swasta diutamakan, diberi galakan. Maka kita lihat, kita bimbang kalau tidak dibendung ianya merbahaya. Boleh jadi seperti negeri Yugoslavia di mana masa Tito hidup, ia begitu hebat, begitu agung, tempat persidangan antarabangsa, tempat sukan dunia tetapi bila perginya Tito, rakyat berpecah. Kita lihat apa yang berlaku sekarang ini, pecah lagi. Bosnia itu berpecah lagi kepada dua. Satu Serbia dapat sebuah negeri. Satu lagi Bosnia yang terpaksa share dengan orang Croatia. Kita tidak mahu negeri kita menjadi seperti Bosnia. Tetapi kalau pendidikan ini tidak dijaga, tidak apalah penswastan bahagian jalan raya, air, elektrik dan sebagainya tetapi pendidikan amat penting, ia amat sensitif kerana ia tuan-tuan sekalian, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* kalau tidak dikawal...*[Disampuk]* kalau tidak dijaga ia boleh membawa kemerosotan...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** ... kepada Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat..

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** "Tuan-tuan sekalian". Berceramahkah?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Allah, baru....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Bendera.

**7.44 mlm.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Dalam suasana yang panas kerana tiada hawa dingin dalam Dewan ini dan juga dalam suhu politik yang hangat seperti macam ucapan dan ceramah Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga apa yang diapi-apikan oleh pihak pembangkang, kita membahaskan satu Rang Undang-undang yang ditunggu-tunggu oleh seluruh masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengkaji tentang falsafah dan objektif pendidikan yang dihuraikan pada mukadimah rang undang-undang ini, saya

percaya bahawa tiada sesiapa rakyat Malaysia yang boleh membantah falsafah dan objektif Rang Undang-undang Pendidikan yang tersebut itu. Ini adalah kerana falsafah dan objektif Rang Undang-undang Pendidikan yang tersebut telah menjadi satu wawasan kita di bawah Wawasan 2020 yang berhasrat mewujudkan satu bangsa Malaysia dalam satu masyarakat yang maju, bersatu padu, adil dan saksama.

Dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia, kita perlu bertolak ansur dan mempunyai keyakinan dan kepercayaan di antara kaum sesama kaum, di antara kerajaan dan rakyat dan di antara pemimpin dan penyokong. Jadi, masalah yang dihadapi masyarakat kita sekarang ialah kepercayaan dan keikhlasan yang perlu wujud dalam pembentukan dan perbahasan rang undang-undang ini masih berkurangan di kalangan masyarakat dan pertubuhan.

Dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa membentangkan rang undang-undang di Dewan yang mulia pada petang ini, di mana kedudukan 60 buah menengah cina swasta, lembaga pengelola dan pemeriksa bersama dan sebagainya akan terus dikekalkan, saya berharap satu suasana penuh keyakinan, keikhlasan dan kepercayaan boleh wujud selepas ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas tentang beberapa fasal yang spesifik supaya tidak ada apa-apa keraguan dalam pelaksanaannya. Satu perubahan yang besar dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini adalah Fasal 15 di mana satu sistem pendidikan kebangsaan

diiktirafkan sebagai merangkumi semua peringkat pendidikan dari prasekolah sehingga pendidikan tinggi.

Fasal 16 juga menerima institusi pendidikan swasta sebagai sebahagian dalam sistem pendidikan kebangsaan bersama dengan institusi pendidikan kerajaan dan institusi bantuan kerajaan. Pada hemat saya, ini adalah satu langkah yang progresif kerana ini bermakna bahawa semua institusi baik kerajaan mahupun swasta bersama-sama akan memberi sumbangan kepada pendidikan untuk generasi muda dalam negara kita.

Sebenarnya dari mula sejarah perkembangan pendidikan di negara ini, institusi pendidikan swasta yang berbagai jenis sama ada secara formal atau informal telahpun memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi pendidikan bagi lebih ramai orang dalam lingkungan usia pelajaran. Maka adalah tepat peranan dan sumbangan mereka ini diperakukan. Saya juga memandangkan penerimaan institusi berbagai jenis termasuk institusi pendidikan swasta ke dalam sistem pendidikan kebangsaan sebagai satu sikap keterbukaan di pihak kerajaan. Ini bermakna sistem pendidikan kebangsaan negara kita tidak semestinya mengandungi satu jenis sekolah sahaja tetapi boleh dan harus mengandungi berbagai jenis sekolah.

Satu sifat yang penting, masyarakat Malaysia adalah kepelbagaian (diversity) dalam semua aspek. Jadi, satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh menerima lebih banyak diversity akan lebih senang diterima oleh orang ramai dan lebih selaras dengan prinsip mendidik murid-murid mengikut hasrat ibu



bapa masing-masing. Sikap terbuka kepada sifat kepelbagaian ini amatlah sesuai dengan falsafah yang telah dinyatakan pada permulaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepelbagaian jenis dan sifat institusi pendidikan, bagi saya, bukanlah penting hanya dari segi soal bahasa pengantar tetapi kepelbagaian ini juga harus digalakkan dari banyak segi yang lain memperlihatkan bahawa potensi individu begitu berbagai. Corak pendidikan yang sesuai sekali akan juga berbeza daripada anak yang mempunyai kebolehan yang luar biasa (genius) kepada budak-budak yang mempunyai kecacatan tertentu dan memerlukan corak pendidikan khas.

Dalam usaha memperkembangkan potensi setiap individu ke tahap yang maksimum, sistem pendidikan kebangsaan mestilah menggalakkan dan menerima sebanyak jenis sekolah yang mungkin, yang membekalkan cara-cara pendidikan yang experimental dan termaju. Memang tidak bersesuaian dengan hasrat kita menjadi sebuah negara yang maju sekiranya kita cuba membekukan semua sekolah kepada satu jenis semata-mata. Saya berharap penerimaan institusi pendidikan swasta ke dalam sistem pendidikan kebangsaan ini tidak akan membawa apa-apa keraguan. Sebagai contoh, pelajar-pelajar sekolah dan kolej swasta kini mengambil mana satu peperiksaan atau jenis peperiksaan yang dikehendaki.

Rang Undang-undang yang dicadangkan di bawah Fasal 67 sekarang memberi menteri hak untuk mencadangkan serta menentukan peperiksaan yang wajar diambil. Seperti kita sedia maklum antara satu daya penarik (attraction) sekolah swasta ialah murid-murid mereka boleh mengambil pelbagai jenis

peperiksaan berlainan atau pertambahan jika dibanding dengan sekolah kerajaan. Sudah tentunya timbul kebimbangan sama ada dengan kuat kuasanya Akta Pendidikan 1995 ini, sekolah-sekolah swasta akan pula dipaksa menjadi sama dengan sekolah kerajaan. Namun peruntukan Fasal 67 dan juga Fasal 19 tidak mengatakan dengan jelasnya bahawa ini adalah tujuannya.

Saya berharap secukup dengan semangat terbuka apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, pihak kerajaan khasnya pegawai-pegawai kerajaan akan memberi penjelasan dan tafsiran tentang Fasal 19 dan 67 yang amat terbuka. Sekurang-kurangnya keadaan *status quo* sekarang di mana institusi pendidikan swasta yang didaftarkan, yang mengajar kurikulum yang diterima akan terus diizinkan.

Saya mengalu-alukan.....

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Minta maaf ya, tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Oleh sebab itu saya mengalu-alukan pengumuman Menteri Pendidikan tentang *status quo* pada petang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Bahagian IV Bab 11 mengenai Pengurusan Institusi Pendidikan. Saya memahami semangat tentang bab ini secara keseluruhannya dan seperti yang diumumkan oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan sebagai mengizinkan terus wujudnya Lembaga Pengurusan dan Pengelola bagi sekolah-sekolah yang kini mempunyai Lembaga Pengurus dan Pengelola. Pada pendapat saya kewujudan Lembaga Pengurus dan Pengelola ada faedah dan kebaikannya.

Yang pertama, terdapat sekolah yang daripada mula sejarahnya mempunyai ikatan yang kuat dengan masyarakat tempatan. Ini bukan sahaja benar bagi sekolah Cina, tetapi juga bagi banyak sekolah lain yang terkenal walaupun mereka kini telah lama menjadikan sekolah kerajaan seperti sekolah Penang Free School di Pulau Pinang.

Yang kedua, dalam keadaan yang sedia wujud sekarang ibu bapa serta bekas murid-murid sesebuah sekolah juga memainkan peranan dalam Lembaga Pengurus dan Pengelola. Bagi saya, ini adalah satu corak yang amat baik untuk menggalakkan pemimpin masyarakat tempatan terutama sekali ibu bapa murid-murid sekolah terlibat dalam perkembangan prasekolah. Sumbangan dan minat masyarakat tempatan kepada institusi pendidikan adalah baik dan harus digalakkan dan dikekalkan.

Saya fahami Fasal 57 hingga 58 dalam Rang Undang-undang ini sebagai secukup dengan pandangan saya ini, akan tetapi yang saya kurang faham ialah mengapa Fasal 59 pula menyatakan bahawa Lembaga Pengelola akan dibubarkan untuk institusi atau sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang Fasal 47 mengenai Latihan Guru-guru. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya kita pandang ke

hadapan dan menjangkakan konteks di mana institusi swasta juga mungkin membantu kerajaan melatih guru-guru yang lebih beraneka jenis bagi sekolah-sekolah serta institusi pendidikan yang beraneka jenis pada masa yang akan datang. Contohnya, apabila kebanyakan universiti dikorporatkan seperti yang dicadangkan sekarang boleh jadi tugas melatih guru-guru berijazah tinggi diambil alih oleh institusi penggajian tinggi yang telah menjadi separuh swasta atau swasta sepenuhnya. Selain daripada itu sekiranya ada pihak swasta yang ingin memainkan peranannya dalam pendidikan dan latihan guru ini juga harus digalakkan.

Saya difahamkan Fasal 42 hingga Fasal 48 sebagai mengizinkan perkara seperti ini berlaku, namun saya minta supaya perkara ini diperjelaskan dengan lebih lanjut atau tafsiran yang lebih lanjut diberi dalam pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan cadangan menubuhkan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang dicadangkan dalam Bahagian III Rang Undang-undang ini. Saya rasa sesuatu cara amat baik untuk mengadakan perbincangan mengenai dasar serta pelaksanaan pendidikan. Saya amat berharap pihak kerajaan yang menjemput perwakilan dari seluas mungkin daripada segenap masyarakat dan daripada pertubuhan-pertubuhan yang telah lama memainkan peranan dalam pembangunan sistem pendidikan negara ini supaya Majlis yang akan ditubuhkan itu akan memainkan peranan yang amat berkesan.

Oleh sebab masa mengizinkan, saya ingin membahas tentang.....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun lagi.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tidak cukup masa, ada banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, teruskan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya ingin membahas tentang dasar-dasar dan program-program latihan dan pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Saya mengucapkan syabas kepada Menteri Pendidikan kerana mengadakan peruntukan menubuhkan sekolah menengah teknik, peruntukan adalah selaras dengan hasrat negara menjadi satu masyarakat berasaskan sains dan teknologi dan juga memenuhi kehendak-kehendak kilang dan perindustrian dalam usaha mentransformasi industri kita.

Satu objektif pendidikan kebangsaan ialah bagaimana sistem pendidikan dapat melahirkan lebih daripada 200,000 orang setahun supaya mereka boleh mendapat kerja yang berfaedah dan supaya pegawai-pegawai yang terlatih itu dapat membawa negara ke masa depan yang lebih cerah, supaya satu negara Malaysia yang maju dan berindustri menjadi kenyataan. Tetapi dalam usaha kita mengeluarkan sumber manusia yang lebih berteknikal dan berkaliber, kita jangan lupa pada kualiti kebudayaan dan budi bahasa supaya masyarakat Malaysia kita adalah satu masyarakat yang sempurna dan bukan satu masyarakat robot berteknologi tinggi tanpa peri kemanusiaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Johor Bahru.

**7.58 mlm.**

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Akta Pendidikan yang menyeluruh, lengkap dan kemas kini oleh Yang Berhormat Menteri pada petang ini merupakan langkah berterusan kepada pencapaian matlamat wawasan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan masyarakat yang berasaskan ilmu dan bersatu padu secara sepenuhnya.

Saya percaya majoriti rakyat dalam negara ini menyokong akta ini kerana ia merupakan satu perencanaan rapi kerajaan bagi menyedia dan memperkasakan rakyat untuk menghadapi abad ke-21 dan perubahan dunia yang semakin global.

Walaupun Akta ini adalah Akta yang baru, kita mengalu-alukan tindakan kerajaan menggunakan pendidikan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyat di samping mengukuhkan asas pembinaan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu sepenuhnya.

Perpaduan dalam sesebuah negara berbilang kaum seperti di Malaysia adalah kunci kepada kejayaan yang telah kita capai selama ini. Kita tidak sepatutnya berkompromi dalam hal yang menyentuh soal-soal perpaduan. Perpaduan yang kita nikmati selama ini adalah berkat dari sikap toleransi yang menjadi amalan masyarakat kita di Malaysia. Inilah kunci kepada kestabilan

politik negara kita. Perpaduan adalah sesuatu yang boleh wujud tanpa paksaan, malah ia dapat dipupuk dibina secara evolusi.

Oleh itu adalah sangat wajar kerajaan mengambil kira asas-asas yang penting ini dalam merangka setiap dasar khususnya yang melibatkan pendidikan generasi muda. Walaupun perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum begitu erat pada ketika ini kesan daripada sistem pendidikan yang lama, perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan perlu terus diperkukuhkan. Pada masa yang lalu kita menggunakan juga dasar satu bahasa, satu kurikulum dan satu peperiksaan untuk mencapai perpaduan kaum tetapi kita sedar bahawa tidak semua sekolah berada di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan yang sama. Kesannya, masyarakat kita hidup terpisah kerana aliran pendidikan yang tidak seragam. Kita mahukan perpaduan yang tidak bersifat luaran atau artificial ataupun cosmetic sahaja. Kita mahukan rakyat kita berintegrasi sepenuhnya seperti kata Yang Berhormat Menteri, melalui sikap pandangan hidup dan juga nilai yang sama.

Oleh itu semua pihak, termasuk pihak pembangkang yang sebentar tadi tidak puas hati dengan pencapaian perpaduan sebelum Akta ini dibentangkan harus menyokong usaha yang dibuat oleh kerajaan meletakkan semua sekolah di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan bagi memantapkan perpaduan kaum yang terdapat di dalam negara kita. Bagi mencapai matlamat ini, tentunya perlu semua pihak mempunyai sikap bertolak-ansur dan juga bertoleransi. Semua pihak harus melihat pembaharuan dan perubahan yang dibawa melalui Akta Pendidikan ini dari sudut yang positif. Kita harus mengutuk sesiapa sahaja yang cuba mengambil

kesempatan memutarbelitkan hasrat murni kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan bagi mencapai matlamat membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Mereka yang berfikiran negatif ini harus sedar bahawa sikap ekstrim mereka kini tidak lagi mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia yang telah matang dalam menilai mana yang baik dan buruk bagi mereka dan tidak ada apa yang perlu mereka khawatirkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang mendakwa dengan adanya Akta yang baru ini akan menjejaskan kepentingan kaum-kaum tertentu. Soal bahasa dibangkitkan seolah-olah bahasa Cina dan Tamil malah Bahasa Kebangsaan sendiri pun diketepikan seolah-olah tidak diletakkan di tempat yang sewajarnya. Ini merupakan dakwaan dan tuduhan yang tidak berasas. Ini juga boleh disifatkan sebagai usaha untuk mengelirukan dan menakutkan rakyat.

Seperti yang telah saya sebutkan, toleransi adalah asas perpaduan. Sudah tentulah sebuah kerajaan yang menganjurkan budaya bertoleransi, juga bertoleransi dalam perkara-perkara yang hendak dilaksanakannya dan ini memang telah terbukti. Sikap bertoleransi kerajaan telah memberikan jaminan terhadap kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Jaminan Yang Berhormat Menteri juga telah diberikan mengenai pendaftaran secara automatik sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang telah ditubuhkan sebelum daripada Akta yang dibentangkan pada hari ini.



Fasal 28 misalnya, membenarkan penubuhan sekolah-sekolah jenis kebangsaan selepas ini manakala Fasal 17 mengecualikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan dari menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar walaupun pada masa yang sama Bahasa Kebangsaan menjadi mata pelajaran wajib. Begitulah juga dengan Fasal 23 dalam Pendidikan prasekolah. Oleh itu adalah tidak benar jika dikatakan bahawa kerajaan tidak mengambil kira kepentingan kaum-kaum yang ada di dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan yang mengamalkan pendekatan yang lebih demokratik dalam sistem pendidikan di negara kita pada hari ini. Dengan pendemokrasian dan liberalisasi pendidikan sudah tentulah lebih banyak institusi pendidikan swasta yang akan ditubuhkan di negara kita. Pendekatan ini tentunya selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini. Namun begitu, demokrasi itu sendiri jika tidak dikawal dengan sempurna akan boleh memungkinkan kehancuran terhadap sistem demokrasi itu sendiri dan seterusnya menindas golongan yang lemah. Ini adalah kerana jika pendekatan pendemokrasian pendidikan yang digunakan tidak dikawal akan menyebabkan pihak swasta boleh mentadbir dan menguruskan institusi mereka menurut perkiraan untung rugi sahaja dan inilah hasil sebenar sistem pasaran bebas yang juga menjadi pendukung kepada sistem demokrasi.

Dengan kata lain, tanpa adanya kawalan dari pihak kerajaan, pihak swasta yang mengurus dan mentadbirkan institusi pendidikan mereka akan mendapat

kebebasan sepenuhnya dan mungkin akan terlupa atau mengabaikan tanggungjawab sosial mereka untuk bersama-sama dengan kerajaan bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti dengan kadar yuran yang di dalam lingkungan kemampuan rakyat. Sekiranya ini benar-benar berlaku, maka akan timbul masalah di dalam masyarakat di mana mereka yang mempunyai ilmu dan modal akan terus menguasai dan mengatasi golongan yang lemah dan serba kekurangan.

Oleh itu saya berpendapat walaupun kerajaan bergerak ke arah pendemokrasian pendidikan, peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta ini, seperti mengawal sekolah, kolej dan juga universiti swasta khususnya dari segi kewujudan, operasi, kurikulum serta yuran yang dikenakan adalah bertepatan dalam kita mengamalkan demokrasi yang bersesuaian dengan matlamat pembangunan negara kita, satu batasan yang sesuai demi kepentingan bangsa dan juga negara.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa tidak ada kebebasan yang mutlak dalam mana-mana negara sekali pun. Dalam konteks yang sama kerajaan juga haruslah memastikan supaya liberalisasi pendidikan ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh pada semua peringkat. Pada masa ini liberalisasi pendidikan agak menggalakkan di peringkat pendidikan tinggi namun begitu ianya agak kurang memuaskan di peringkat pendidikan rendah dan juga menengah. Sehubungan dengan itu, pihak swasta haruslah juga digalakkan untuk menubuhkan sekolah-sekolah bagi pendidikan peringkat rendah dan juga

menengah. Mereka haruslah menyahut seruan dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu, baik di peringkat tinggi mahupun di peringkat pendidikan rendah dan menengah.

Dengan penglibatan swasta ini akan berupaya meningkatkan lagi kualiti pendidikan kita di peringkat pendidikan rendah dan menengah di samping mengatasi banyak kekurangan yang sedang dihadapi oleh sekolah-sekolah kerajaan seperti kekurangan bilik darjah, kekurangan peralatan dan juga kekurangan guru.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta yang dibentangkan pada hari ini merupakan satu Akta baru tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa masalah-masalah lama akan terus berbangkit yang perlu juga diberikan perhatian oleh pihak kerajaan khususnya dari aspek kurikulum dalam sistem pendidikan kebangsaan. Hari ini kita sama-sama sedar bahawa selama ini kurikulum kita lebih menjurus kepada penyediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan.

Saya menyokong pandangan yang pernah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa pelajar-pelajar kita kurang mempunyai semangat adventurisme dan semangat menghadapi persaingan. Ini mengakibatkan masyarakat kita, pelajar kita kurang memiliki kemahiran menyelesaikan masalah serta tidak kreatif lagi inovatif.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menilai semula kurikulum yang ada, seterusnya berusaha menambahkan elemen yang boleh melahirkan dan menimbulkan semangat adventurisme dan semangat mahu menghadapi cabaran oleh pelajar-pelajar kita.

Mengenai mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah, saya menyokong sembilan mata pelajaran yang sememangnya perlu didedahkan kepada pelajar di peringkat permulaan pendidikan. Namun

begitu, dari penelitian saya terhadap Akta baru ini, mata pelajaran Sejarah tidak dimasukkan sebagai mata pelajaran teras di peringkat pendidikan rendah. Memang mata pelajaran Kajian Tempatan mempunyai unsur-unsur pengenalan kepada sejarah negara ini. Tetapi ianya terlalu terbatas. Adalah penting untuk memberikan pendedahan tentang sejarah dan asal-usul kewujudan negara ini kepada setiap warganegara melalui pendidikan di peringkat yang lebih awal. Ianya penting memandangkan rakyat kita adalah terdiri dari masyarakat berbilang kaum.

Kefahaman yang jelas tentang asal-usul negara ini akan membolehkan rakyat kita yang berbilang kaum lebih faham-memahami dan bertoleransi dalam perkara-perkara asas ataupun pokok. Untuk itu, saya mencadangkan agar kerajaan menimbangkan semula hal ini, seterusnya memasukkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah.

Pada peringkat pendidikan rendah juga, penekanan kepada kemahiran 3M ataupun kemahiran menulis, membaca dan mengira juga perlu dimantapkan lagi dengan kemahiran berkomputer pula. Kemahiran menggunakan komputer begitu penting pada abad mendatang seiring dengan kepesatan teknologi telekomunikasi yang sentiasa berubah. Sekiranya perkara ini tidak diberikan perhatian, kita khawatir rakyat kita akan hanya menjadi penonton kepada kepesatan kemajuan teknologi maklumat yang sekarang ini diiktiraf sebagai prasyarat menjadi sebuah masyarakat dan negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong supaya kerajaan terus mengukuhkan kurikulum bagi pendidikan aliran Sastera. Di samping itu, aliran Sains haruslah sentiasa diberikan penekanan yang lebih hebat lagi sebagai persediaan ke arah menjadi negara maju dengan masyarakat yang mampu menyumbang kepada pembangunan tamadun ilmu sains dan teknologi. Dalam keadaan dan kedudukan negara yang sedang membangun dengan begitu pesat dalam bidang ekonomi dan perdagangan, sama ada di peringkat domestik mahu pun di peringkat antarabangsa.

Kerajaan juga wajar untuk membuat kajian terhadap keperluan memantapkan lagi kurikulum perdagangan di sekolah-sekolah, termasuk memantapkan aliran perdagangan yang pada ketika ini agak tenggelam dan kurang diminati oleh pelajar berbanding aliran Sains dan juga Sastera. Kurikulum perdagangan yang mapan akan membolehkan lepasan aliran ini lebih 'marketable,' dengan izin, dan berupaya untuk menceburi bidang perniagaan dengan lebih bersedia lagi. Selain daripada itu, kemungkinan terhadap keperluan mewujudkan sebuah universiti khusus dalam bidang perdagangan juga haruslah

diberikan perhatian mulai daripada sekarang sebagai persediaan negara untuk bersaing dalam kepesatan perdagangan yang diramalkan akan berpusat di rantau sebelah sini di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sukalah saya merujuk kepada Bab 8 dalam Akta yang menyentuh mengenai pendidikan khas. Masalah pendidikan khas merupakan antaranya masalah pendidikan bagi kanak-kanak cacat mental. Satu golongan masyarakat yang kurang bernasib baik dan memerlukan perhatian yang istimewa dari masyarakat dan kerajaan terhadap kebajikan mereka khususnya dalam bidang pendidikan. Kanak-kanak cacat mental khususnya kecacatan mental peringkat ringan dan sederhana, sebenarnya berpotensi besar untuk dibangunkan sehingga membolehkan mereka menjalani kehidupan seperti kanak-kanak normal biasa.

Mereka bukanlah tidak boleh ataupun tiada harapan untuk belajar. Sebaliknya, mereka hanyalah merupakan golongan yang lambat menerima pelajaran yang diajarkan. Mereka hanyalah merupakan 'slow learners,' dengan izin. Mereka berpotensi untuk maju, sekiranya masalah-masalah yang dihadapi selama ini dapat di atasi oleh pihak Kementerian. Antara masalah-masalah yang dihadapi dalam penyediaan pendidikan khas oleh kementerian ialah yang pertama, kemudahan yang sedia ada pada hakikatnya adalah jauh daripada mencukupi. Pada hari ini, kebanyakan sekolah khas ini dibina hanya di kawasan-kawasan bandar. Masih terdapat ramai lagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini yang tidak berpeluang untuk mendapatkan kemudahan pendidikan khas.

Yang kedua, daripada 60,000 - mengikut satu kajian yang dibuat pada tahun 1989, daripada 60,000 kanak-kanak cacat mental dalam umur persekolahan hanya 5% atau 3,000 sahaja yang sedang belajar di kelas-kelas yang disediakan, kerana kekurangan sekolah dan pusat-pusat yang sedia ada. Selain daripada itu, banyak sekolah-sekolah khas ini menghadapi masalah kekurangan guru-guru yang terlatih. Sebagai contoh, pada tahun 1991 dan 1992 Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, bilangan guru yang menerima latihan hanyalah seramai 22 orang sahaja. Kekurangan guru-guru yang terlatih sudah tentu menjejaskan matlamat untuk memberikan pendidikan dan latihan yang sempurna pada kanak-kanak ini.

Yang ketiganya, belum ada program ataupun pendidikan lanjutan untuk kanak-kanak yang berumur lebih daripada 14 tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Mereka terpaksa terus menggunakan kemudahan dan kurikulum di peringkat sekolah rendah memandangkan kesediaan dan perancangan mengenainya belum diusahakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya Bab 8 mengenai pendidikan khas ini, pihak kementerian akan dapat melihat supaya kemudahan-kemudahan benar-benar dapat disediakan. Dengan perbincangan itu, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**8.12 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbincangan di dalam Rang Undang-undang ini dengan perasaan bercampur-aduk, suka-duka. Suka, kerana ada beberapa peruntukan yang baik seperti hasrat hendak mengawal selia institusi pendidikan swasta, seperti pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 dan juga Seksyen 26(a) Akta Pelajaran (Pindaan) 1971. Ini sudah dimansuhkan, dan ini satu lebih kurang yang betul juga. Dan juga beberapa perkara yang lain, termasuk pendidikan tinggi. Itu baik.

Dan duka, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam beberapa peruntukan dalam kenyataan dan ucapannya Menteri telah mewujudkan satu kekaburan, misalnya terhadap bahasa ibunda, sekolah menengah persendirian Cina, peperiksaan bersama, dan Lembaga Pengurusan dan Pengelola Sekolah. Beliau tidak dapat menerangkan dengan terus-terang sama ada terdapat perbezaan yang besar, jika ada, di antara Rang Undang-undang Pendidikan 1990 dan Rang Undang-undang Pendidikan yang dibentangkan sekarang. Ini merupakan satu dukacitalah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mukadimahnyanya, sebab saya sebenarnya buat persiapan untuk berucap sekurang-kurangnya satu jam tetapi 20 minit tidak cukuplah. Memang tidak cukup. *[Disampuk]* Kerajaan mengambil masa hampir 10 tahun saya diberi 20 minit, macam mana...

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Perasan ni, hei, pembangkang cakap..

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Merepek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi, masa tidak cukup, macam mana hendak beri penjelasan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Penjelasan ya, penjelasan ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Injury time ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mana satu Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu Timbalan sana...Eh siapa bangun dahulu?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Terima kasih, Rompin. Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan tentang...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kemudian

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong tidak cukup masa. Kalau Kepong mengambil alih sebagai Ketua Parti Pembangkang, Ketua DAP satu jam kita boleh beri, betul tidak ya? [Ketawa] Sanggup Kepong mengambil alih sebagai Ketua DAP boleh satu jam, satu hari pun kita beri!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu dukacita juga. Saya beri dia peluang untuk penjelasan tetapi main peranan batu api pula [Ketawa] Tidak cukuplah...

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat. Tekan butang.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tadi Ahli Yang Berhormat kata dia dukacita kerana Rang Undang-undang ini sudah jelas berkaitan dengan kedudukan sekolah persendirian Cina dan sebagainya dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dia punya boss, Ketua Pembangkang juga minta tegurkan kerajaan dan beri sokongan kepada sekolah-sekolah Cina dan minta ada satu konsensus, saya juga minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tadi Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang syorkan, terangkan kedudukan parti dia iaitu dia hendak kerajaan hapuskan, tutup semua sekolah Cina, jadi kedua-dua ketua dalam satu keluarga iaitu gagasan itu tidak bersetuju bagaimana kita boleh dapat konsensus ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh balik ke kementeriannya untuk mengkaji sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri [Ketawa] Ini cadangan yang baik kerana dia keliru sekarang.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya berpuashati dengan peranan Timbalan Menteri saya *[Ketawa]*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi wujud banyak sangat kekeliruan. Apa yang diucapkan oleh Gua Musang dan sebagainya sebenarnya Yang Berhormat Gua Musang tidak mencadangkan menutup semua sekolah rendah jenis kebangsaan...

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Bolehkah Yang Berhormat dari Kepong menjelaskan maksud ucapan Yang Berhormat dari Gua Musang itu? Saya pun masih terkeliru lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada 20 minit lagi ya, semua kacau saya, saya tidak ada masa untuk berucap *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, kita mesti mengkaji isi kandungan ucapan Yang Berhormat Gua Musang. Mesti kita kaji dengan teliti apakah maksudnya yang sebenarnya. Tetapi Yang Berhormat Menteri pun tahulah pernah dia menjadi sepupu juga, ya? *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebenarnya jadi sepupu juga. Yang Berhormat Timbalan...

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Penjelasan ya, tadi...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak cukup masa. Saya ada banyak points....

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tadi Yang Berhormat dari Kepong tidak dengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya ulangi Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dengan terus terang cakap kedudukan Parti Semangat 46 ialah bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan haruslah menjadi bahasa pengantar di semua sekolah. Dengan ertinya sekolah Cina itu akan ditutup dan dijadikan sekolah-sekolah yang lain.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap saya akan terangkan apa hendak kita buat. Tunggu sekejap, saya akan terangkan. Dalam itu mukadimahny ada beberapa konsep yang baik juga Yang Berhormat Menteri, memang ada, ada bukan semua itu tidak baik. Kita mesti akui, dia hendak jadikan bahasa Malaysia....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Masuk MCA lah..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejaplah saya akan terangkan...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Masuk MCA lah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu Pandang yang Terapakah? Ataupun, Parit Yang Sulong? Yang Berhormat Menteri....

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, saya hendak, tunggu saya terangkan, ini di sini hendak jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tunggu sekejap. Dan dia hendak membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global *[Disampuk]* dan juga hendak menjayakan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dan mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik dan yang lebih baik lagi untuk menjadikan suatu kewajipan bagi menghasilkan sistem pendidikannya bertaraf dunia dari segi kualiti. Ini sangat baik, kita sokonglah hendak jadikan satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti. Kita mesti bersama-sama mencari jalan untuk mencapai tahap yang baik ini. Tetapi walaupun, Tuan Yang di-Pertua, beberapa aspek itu baik juga termasuk pendidikan tinggi, Yang Berhormat Menteri nampaknya adalah lebih sedikit daripada ayahanda, Allahyarham Tun Razak, ada lebih sedikit tetapi dalam beberapa aspek beliau adalah kurang sedikit, mundur sedikit daripada ayahanda *[Ketawa]* misalnya beliau....

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dia bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dia hendak cakap bab lain tetapi Tuan Yang di-Pertua, hak soalan tadi dia tidak jawab lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dah..tunggu. Sudah hendak sampai dah.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak jawab lagi. Baik jawab dulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Sudah hendak sampai dah. Sudah sampai dah. Saya hendak sampai dah. Dan beliau telah menyebutkan mengenai itu Penyata Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 dan di dalam itu Penyata Razak saya pun pernah membaca ada beberapa perkara yang baik juga tetapi Yang Berhormat tidak menyerapkan perenggan-perenggan yang baik daripada Penyata Razak seperti ini ya, di dalam satu perenggan:

“dan bahawasanya Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang diterima oleh rakyat keseluruhannya dan akan memenuhi keperluan-keperluan mereka serta memupuk pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka sebagai sebuah negara dengan tujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai satu Bahasa Kebangsaan negara ini sementara mengekal dan memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya kaum-kaum lain selain daripada kaum Melayu di dalam negara ini”.

Ini satu perenggan yang amat baik. Saya setuju dengan perenggan ini tetapi malangnya Yang Berhormat Menteri tidak setuju dengan ayahanda ini. *[Disampuk]* Tidak terima, tidak masuk dalam Rang Undang-undang ini, inilah jawapan saya. Kita mesti jadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan saya terima sebab saya pun tiap-tiap hari gunakan Bahasa Kebangsaan, walaupun bukan sempurna tetapi boleh jugalah diterima saya harap.

Jadi, itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak kiralah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gua Musang. Kalau dia tidak terima kenyataan yang dibentangkan oleh Allahyarham Tun Razak, saya tidak boleh setuju dengan dia. Memang terus-terang kita menyampaikan pendapat di sini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Sulong - tetapi adakah Yang Berhormat terima?

*[Sambil menunjukkan sebuah dokumen]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ada. *[Sambil menunjukkan sebuah dokumen]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah terima?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi saya tidak dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kerana dia tidak setuju dengan ayahandanya. *[Ketawa]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebelum itu kalau saudara izinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tadi, sewaktu Yang Berhormat Gua Musang bercakap, beliau memberi satu gambaran seolah-olah bahawa sekolah kebangsaan Cina mesti dihapuskan dari Sistem Pendidikan Negara. Adakah Yang Berhormat dari Kepong setuju dengan pandangan dari Gua Musang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya terus-terang. Saya setuju dengan apa yang terkandung di dalam perenggan yang telah saya bacakan tadi. Itu yang saya setuju. Cuma saya hendak galakkan Yang Berhormat Menteri terima juga. Itu sahaja dan soal Yang Berhormat Gua Musang tidak timbul bagi saya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat Menteri bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menggubal Rang Undang-undang yang baru ini, peruntukan dalam Rang Undang-undang ini tidak bercanggah dengan semangat Laporan Razak. Cuma kita tidak pakai ayat yang sama tetapi prinsip, semangatnya selaras dengan Laporan Razak. *[Tepuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi perenggan ini bagi sayalah, ertinya cukup jelas. Yang dipetik itu ataupun yang disebutkan sebagai lebih sempurna itu kurang sempurna tetapi saya berharap, Yang Berhormat selepas meneliti semula dapat memasukkan perenggan ini ke dalam Rang Undang-undang yang baru ini.

Saya berharaplah kerana dia mungkin generasi baru ini, pendapatnya berbeza sedikit sebab itulah pihak DAP pun mencadangkan kita mesti dengan bersungguh-sungguh mengadakan Internet komputer di semua sekolah. Ini cadangan DAP, bukan yang tidak baik. Bukan yang tidak baik. Cadangan yang baik.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, ada dua bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berapa minit lagi saya diberi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, saya tanya hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak bolehlah, sangat banyak. Cepat sedikit, saya masa tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ada lima minit lagi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan facilities Internet kepada sekolah-sekolah bukan cadangan DAP. Telah pun dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekolah di kawasan saya pun dapat. DAP jangan cuba hendak claim credit mengenai Internet ini. Ini bukan cadangan DAP.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, berapa sekolah di negara ini mempunyai Internet? Sebutkan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya ada langkah permulaan yang dijalankan oleh kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Permulaan sahaja, jangan cakap macam itulah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan cadangan DAP. Tuan Yang di-Pertua,.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau bukan kenyataan dan hakikat, jangan sebutkan. Yang Berhormat, parit yang sulong, kita mesti tahu. Ini satu perbincangan yang serius. Perbincangan yang serius kerana yang terdapat sekarang tidak mencukupi.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masa singkat, pendek. Saya tidak ada masa.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian kata, Akta undang-undang ini adalah satu kejayaan DAP. Yang Berhormat dari Kepong adalah seorang Naib Presiden Parti DAP. Jadi, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bersetuju?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak faham soalan dia. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ulang balik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Susah hendak faham sebab kita hendak adakan Rang Undang-undang yang baru ini supaya generasi baru dapat memahami keadaan yang sebenar dan membuat soalan yang bererti.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Tuan Lim Si Cheng:** Yang Berhormat, selaku Naib Presiden Parti DAP, jadi soalan saya sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang mengatakan Akta Pendidikan 1995 adalah kejayaan DAP. Sama ada Yang Berhormat bersetuju?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita lebih 20 tahun terdahulu mencadangkan seksyen 21(2), Akta Pelajaran 1961 dibatalkan dan juga seksyen 26A dibatalkan dan 20 tahun kemudian, terlalu lewatlah dibatalkan. Saya setuju dengan ini. Ini cadangan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak saya ada banyak perkara lagi yang hendak dibincangkan. Tolonglah saya sedikit. Jangan bangun dengan banyak orang. Saya nampak daripada Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri memang mempunyai kuasa yang besar dan saya berharap beliau dapat menggunakan kuasa ini dengan bijaksana termasuklah kuasa untuk melantik Ketua Pengarah Pendidikan - itu tidak boleh dielakkan, dan kuasa untuk melantik Pengarah Sekolah dan sebagainya dan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, kuasa untuk menubuhkan Majlis Penasihat dan sebagainya dan juga di dalam masalah prasekolah pun dia ada kuasa untuk memberhentikan semua aktiviti prasekolah kalau dianggap tidak betul.

Tetapi kuasa membawa kepada korupsi dan kuasa mutlak membawa kepada korupsi yang mutlak. Itulah Lord Acton, power corrupts; absolute power corrupts absolutely dan Yang Berhormat Menteri sebelum menjadi menteri yang lebih kanan lagi, kita hendak memberi nasihat kepada beliau supaya kita sentiasa berhati-hati mengenai penggunaan kuasa kerana di dalam Rang Undang-undang ini kuasa dia sangat besar. Sangat besar dan misalnya saya setuju, kita mesti ada garis panduan supaya tadika, tabika semua itu dapat dijalankan dengan baik tetapi janganlah kita gunakan kuasa ini kerana kita tidak suka seorang itu, atau parti itu,

atau pertubuhan itu kita semata-mata kerana tidak setuju dengan pendapat dia, kita tutupkan semua itu tadika atau tabika.

Ini saya berharap tidak dibuat. Walaupun kita tidak setuju dengan organisasi itu, asalkan dia jalan dengan baik, kita biarkan sahaja. Itu kuasa dia tetapi lebih banyak kuasa lagilah. Saya berharap kuasa ini boleh digunakan dengan tepat, dengan bijaksana untuk kepentingan negara, bukan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi. Dan satu perkara lagi, sementara DAP mencadangkan supaya kita mempertingkatkan kegunaan komputer, Internet dan juga beberapa alat elektronik lagi. Kita pun mencadangkan supaya satu bahagian ataupun jabatan ditubuhkan, bahagian komputer ataupun alat elektronik untuk mengkaji, untuk mengawal selia, untuk mengetahui dengan penggunaan alat-alat canggih komputer ini, wujudnya masalah kesakitan, kesakitan jiwa, kesakitan urat-saraf, kesakitan otak, kesakitan tangan, tulang dan sebagainya. Ini memang akan timbul termasuk Yang Berhormat Rompin, memang generasi akan datang akan menghadapi masalah kerana setiap hari tercokoh di situ, bongkok, tengok komputer sahaja, memang pada satu hari kelak, menjadi dewasa bongkok juga dan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa sudah cukup, Yang Berhormat.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Dan mata pun mungkin akan rosak dan otak pun jadi tidak begitu waras lagi.

Ini memang, consequence dan implikasi penggunaan komputer dan alat-alat elektronik yang lain. Saya berharap kita dapat mewujudkan satu bahagian ataupun satu jabatan sebagai pelopor di dunia. Hanya di Malaysia kementeriannya ada satu bahagian atau jabatan seperti ini untuk mengkaji implikasi dan consequence penggunaan komputer dan alat-alat elektronik.

Akhir sekali, saya buat penggulungan. Saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada MIDA, tetapi di dalam usaha kita untuk menggalakkan institusi pendidikan swasta, saya mencadangkan kita adakah satu institusi seperti MIDA di dalam Kementerian Pendidikan. Mungkin kita panggil MEDA ataupun Malaysian Educational Development Agency untuk memujuk pihak swasta. Kita adakan satu peruntukan untuk penalti dan denda untuk menghukum mereka yang salah. Tetapi kita mesti adakan satu agensi untuk menggalakkan pihak swasta, sama ada di dalam negara ataupun di luar negara untuk mengadakan institusi-institusi pendidikan swasta yang bertaraf antarabangsa.

Saya tidak kira sama ada institusi ini daripada dalam negara atau luar negara, asalkan bertaraf antarabangsa, kita mesti mempertimbangkan sama ada diluluskan ataupun tidak. Satu agensi seperti MIDA, kita buat galakan termasuk pelupusan cukai ataupun pengurangan cukai bagi menggalakkan mereka

mengadakan lebih banyak institusi seperti ini. Kerana kalau kita tengok 8 universiti, tidak cukup. Tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita mesti ada institusi pendidikan swasta yang lain untuk memenuhi keperluan negara supaya kita dapat melonjat ganda kepada era baru ke abad 21. Itu cadangan saya. Satu agensi seperti MIDA yang ditubuhkan di Kementerian Pendidikan.

Sebenarnya saya ada banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa cukup. Sudah lebih.

**Dar. Tan Seng Giaw:** Sudah lebih?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat special saya beri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi kacau banyak!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat beri jalan. Kalau Yang Berhormat tak beri jalan, tak ada kacau!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak mendemokrasikan pendidikan, sebab itulah saya hendak tunjukkan bagaimana kita dapat melaksanakan demokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa cukup, Yang Berhormat. Masa sudah lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah lebih?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Saya beri Yang Berhormat lebih. Lebih daripada yang lain. Parit Sulong.

**8.43 mlm.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita diberi penghormatan untuk membincangkan satu Rang Undang-undang pendidikan iaitu Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang pada keseluruhannya adalah komprehensif dan juga proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, dari perbincangan oleh pihak pembangkang, kita dapat lihat satu percanggahan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Kepong bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apa pulak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tunjukkan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar, kita hendak luluskan satu Rang Undang-undang, kita hendak galakkan bahasa Inggeris digunakan dengan baik dan diwajibkan di sekolah-sekolah dan sebagainya, tetapi dia gunakan proaktif. Apakah makna proaktif sekarang?

**Tuan Ruhanie bain Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ini, dia merepek sahaja. Masakan dia tidak tahu perkataan proaktif. Proaktif adalah pandangan yang terkehadapan, bukannya pandangan yang terkebelakang macam DAP!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Cukuplah! Waktu saya sudah sampai!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Hendak beri jalan tak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Waktu saya sudah hendak habis, ini!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak cadangkan dia balik mengkaji apakah erti proaktif dan aktif. Adakah perbezaan? Seperti kita bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah perbezaan besar di antara Rang Undang-undang Pendidikan 1990 dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995? Dia sudah hendak tanya ada perbezaan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini memang sudah terlatih sebagai orang yang pakar sabotaj. Hendak merosakkan perkara yang baik! Jadi, niat saya bercakap di sini, saya sebagai seorang anak kampung.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, saya ingat sambung esok Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Inilah Kepong punya hal!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***

